

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL KEEMPAT
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 4

Khamis

10 Mei 2007

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda
Yang di-Pertuan Agong
- *Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok*

(Halaman 34)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Khamis, 10 Mei 2007****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kementerian apabila diminta menimbang untuk mewajibkan pemberian Vaksin Virus Papilloma Manusia (HPV) kepada semua pelajar sekolah dalam usaha mengurangkan kes kanser pangkal rahim seperti yang disarankan oleh Pakar Perunding Obstetrik dan Ginekologi salah sebuah hospital di sini.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan daripada Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin bersekali dengan pertanyaan daripada Tuan Lee Chee Keong yang bertarikh 17 Mei 2007 memandangkan pertanyaan tersebut adalah subjek yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk melaksanakan pemberian Vaksin Human Papilloma Virus (HPV) kepada pelajar wanita di negara ini memandangkan vaksin ini masih baru di pasaran dan belum banyak kajian dibuat di dunia. Justeru itu kementerian berpendapat perlu kajian dibuat terlebih dahulu, tahap kesesuaian dan keberkesanan vaksin tersebut sebelum kita gunakan kepada rakyat Malaysia.

Puan Heng Seai Kai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu izinkan saya mengalu-alukan kehadiran rombongan daripada Persatuan Hang Kang Perak dan pemimpin-pemimpin masyarakat Kemaman Terengganu. *[Tepuk]*

Soalan tambahan saya ialah berapa seriuskah masalah kanser pangkal rahim di negara ini dan siapakah kumpulan berisiko utama pada masa kini. Terima kasih.

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat. Kanser pangkal rahim atau kalau mengikut carta kedua tertinggi selepas kanser payu dara dan kadar insiden di Malaysia adalah 19 kes bagi 100,000 penduduk. Oleh kerana barah pangkal rahim ...

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna 19 kes daripada 100,000 wanita?

Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad: Penduduk. Sebabnya banyak. Faktor utama kenapa kanser pangkal rahim ini dikaitkan adalah kerana 70% daripada kanser pangkal rahim adalah berkait rapat dengan jangkitan virus Papilloma ini tetapi 30% memang tiada kaitan langsung. Kajian mendapati bahawa 70% daripada kes-kes yang berkait rapat dengan HPV adalah kerana mereka terdedah kepada perlakuan seksual awal dalam hidup mereka dan didapati ada jangkitan virus tersebut. Sebab itulah rasional kenapa vaksin ini diwujudkan bagi melakukan pencegahan tetapi ia tidak boleh melakukan pencegahan 100%.

2. **Datuk Armani binti Haji Mahiruddin** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan berkaitan Program Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan di Sabah secara spesifik sejak dasar ini diperkenalkan ia menarik perhatian di kalangan rakyat negeri ini. Banyak masalah di kalangan remaja sedang dihadapi terutama pembabitan golongan remaja dalam najis dadah dan sebagainya. Antara sebabnya ialah kurang terdapat Pusat Sumber Pembangunan Diri yang menepati kehendak golongan ini. Maka sejauh manakah pencapaian program berkenaan dilakukan di negeri Sabah.

Menteri Belia dan Sukan [Datuk Azalina binti Othman Said]: Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sejak tahun 1980-an lagi telah melaksanakan pelbagai program berbentuk pencegahan dan pelbagai pendekatan dilaksanakan oleh kementerian untuk memberi pengisian program kepada belia seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Pengisian program bagi memberi ruang dan peluang kepada belia remaja mengisi masa lapang dengan aktiviti sosial.

Kementerian Belia dan Sukan menekan kepada program modal insan dan penekanan ialah kepada pembentukan jati diri, patriotisme, kesukarelawan, melahirkan belia remaja yang mempunyai nilai-nilai yang murni. Contoh-contoh program yang telah dilaksanakan oleh kementerian ialah Program Memperkasa Tenaga Muda, Program Kepimpinan Majlis Negeri dan Daerah-daerah, Program Komuniti Belia Remaja Y to Y di setiap kawasan Ahli-ahli Parlimen, Program Penghayatan Islam Hadhari dan Program Modal Insan di peringkat negeri, Program Kepimpinan Peringkat Asas, Pertengahan, Tertinggi dan juga Seminar Kepimpinan Peringkat Negeri.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi Kementerian Belia dan Sukan, di Sabah juga wujud satu Institut Kemahiran Belia Negara di Kinarut yang telah mula beroperasi pada tahun 2003. Penekanan IKBN ini adalah kepada 3K dan ditekankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kepimpinan, keusahawanan dan kemahiran. Konsep latihan di IKBN Kinarut ini 30% latihan kemahiran teknikal dan 30% latihan pembangunan insan. Itu saja Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Mahiruddin dan kemudian Dato' Gooi. Dato' Armani, minta maaf.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada menteri menjawab soalan dengan begitu baik sekali. Soalan tambahan saya ialah

program sukan malam telah diperkenalkan oleh kementerian pada awal tahun ini dan akan dianjurkan dua kali sebulan di setiap lokasi yang dipilih di seluruh negara. Apakah aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sukan malam dan sejauh manakah keberkesanan sukan tersebut dalam membendung kegiatan negatif di kalangan belia? Tidakkah sukan ini mengundang masalah kepada ibu bapa dan menyukarkan mereka mengawal tingkah laku remaja berkenaan kerana mereka akan memberi alasan...

Tuan Yang di-Pertua: Cukuplah...

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: ..keluar malam untuk menyertai program sukan malam tetapi pergi ke tempat lain. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Terima kasih Yang Berhormat kerana soalan tersebut. Memang kementerian telah memulakan satu sukan yang dipanggil sukan malam atas dua sebab serampang dua mata. Pertama ialah mewujudkan penggunaan premis-premis sukan kementerian di waktu malam dan kedua dalam mewujudkan budaya sukan. Daripada kajian kementerian di Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, masa lapang generasi muda hari ini adalah waktu malam. Ini disebabkan mereka kerja dan kebanyakan belia-belia kita memang adalah generasi yang banyak membantu dalam pembangunan industri pembangunan negara. Disebabkan oleh waktu malam, kementerian melihat selalunya budaya belia-belia ialah lepak. Sama ada mereka lepak di kedai makan ataupun mereka lepak di tempat-tempat hiburan.

Oleh itu dengan wujudnya sukan malam, walaupun mereka keluar malam, mereka keluar malam untuk bersukan. Jenis-jenis sukan yang ditekankan ialah sukan-sukan seperti futsal, sukan-sukan *netball*, sukan-sukan hoki tetapi sukan-sukan yang diwujudkan ialah dalam bentuk berubah. Sebagai contohnya, *basket ball tree on tree basket ball*. *Net ball tree on tree*. Futsal pun tidaklah sebegitu jumlah yang besar. Jadi, objektif kementerian daripada yang telah dilaksanakan di Wilayah, di Shah Alam, di Kota Bharu dan di Johor Bharu. Kehadiran belia memang cukup ramai. Pada masa yang sama juga kementerian mewujudkan apa yang dipanggil pameran-pameran yang diwujudkan oleh kementerian. Iaitu mengenalkan agenda-agenda kementerian seperti kewujudan IKBN-IKBN, program-program Rakan Muda.

Kementerian menyedari apabila belia hadir dalam jumlah yang ramai, itulah masa yang baik untuk kerajaan mempropagandakan kepada belia tentang gaya hidup yang lebih positif. Penekanan kementerian juga kali ini ialah untuk menggalakkan belia untuk mendaftar SPR. Kita lihat masalah belia hari ini ialah mereka tidak ada masa hendak pergi ke pejabat SPR untuk mendaftar. Mereka mahu mewujudkan satu situasi yang begitu menyenangkan. Jadi pada masa yang sama juga kementerian juga menjemput SPR untuk membuka kaunter.

Jadi kementerian melihat program sukan malam ini membawa banyak kebaikan dalam aspek belia-belia yang hadir. Saya setuju kepada soalan Yang Berhormat, adakah dengan adanya sukan malam ini, belia-belia akan melencong beritahu emak bapa pergi sukan malam tetapi pergi tempat lain. Tetapi bagi kementerian, kalau di rumah pun hendak buat jahat, dia buat

jahat juga. Kita tidak dapat menjamin budak-budak itu kalau dia keluar malam itu tidak semestinya keluar malam itu jahat, duduk di rumah itu baik. Kadang-kadang kata orang wujudnya masalah-masalah gejala sosial juga bermula daripada situasi di rumah.

Oleh itu, harapan kementerian belia-belia yang hadir ini ialah belia-belia yang dapat kita berikan kesan-kesan yang positif melalui program yang dikawal oleh kementerian dan beberapa agensi kerajaan. Antara agensi yang terlibat ialah Polis Diraja Malaysia. Antara agensi yang terlibat ialah agensi-agensi yang dijemput untuk mempamerkan program-program yang kena mengena dengan belia.

Saya ingin menekankan di sini bahawa bukan Kementerian Belia dan Sukan sahaja yang menjalankan program berkenaan dengan belia. Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Usahawan dalam program-program bantuan perniagaan dalam aspek MARA. Jadi banyak peluang yang diambil dalam program sukan malam ialah untuk membawa belia-belia bersama dan memberikan mereka maklumat tentang program-program yang digalakkan oleh kerajaan kita hari ini iaitu kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Gooi Hoe Hin: Memandangkan Sabah merupakan negeri yang kadar kemiskinannya agak tinggi, bermakna masalah belia dan remaja bertambah berleluasa. Sering kali terjerumus dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Maka soalan saya sama ada kementerian akan memberikan keutamaan kepada negeri Sabah membina lebih kemudahan supaya belia-belia terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang sihat. Terima kasih.

Datuk Azalina binti Othman Said: Yang Berhormat, kelebihan Sabah bagi kementerian ialah belia-belia mereka banyak menabur jasa kepada kerajaan sebagai atlit-atlit negara. Itu kelebihan anak-anak Sabah. Mungkin kerana mereka dalam kawasan-kawasan yang begitu besar. Daripada itu, kementerian menyedari perlu ditekankan program-program sukan. Jadi itulah sebabnya Majlis Sukan Negara hari ini dipecahkan kepada dua, Institut Sukan Negara dan Majlis Sukan Negara dengan harapan daripada kementerian supaya program-program seperti dengan izin program *Talent ID* dapat diwujudkan.

Kementerian juga menekankan kepada wujudnya *Complex Satellite Centre* untuk pengkhususan sains sukan. Dan memang saya telah mengarahkan kementerian terutama sekali Majlis Sukan Negara dan Institut Sukan Negara untuk memberikan penumpuan kepada Sabah untuk sukan-sukan dengan izin *athletic*. Di Sarawak juga kehadiran mereka di belah sana ialah kehebatan dalam sukan *swimming* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Jadi kementerian menyedari bahawa belia-belia di tempat-tempat tertentu mempunyai kemahiran tertentu.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Maijol bin Mahap.

3. Tuan Maijol bin Mahap minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pusat-pusat tahanan sementara yang akan dibina di Sabah kelak boleh menampung keperluan dalam usaha menghantar balik pendatang asing tanpa izin (PATI) ke negara asal mereka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mempunyai perancangan untuk membina dua buah lagi pusat tahanan sementara di Sabah iaitu masing-masing di Pantai Barat Papar dan Pantai Timur Sandakan. Ini adalah sebagai tambahan kepada tiga buah pusat tahanan sementara sedia ada.

Status pembinaan masih di peringkat permohonan tanah. Borang permohonan telah dikemukakan oleh pasukan petugas khas Persekutuan kepada Jabatan Tanah dan Galian. Apabila dua pusat tahanan ini siap kelak, kapasiti tahanan dijangka dapat ditingkatkan kepada 4,700 orang berbanding dengan 2,700 orang buat masa ini. Tambahan sebanyak 2,000 orang tersebut dijangka boleh menampung peluang dan melancarkan lagi usaha penangkapan dan pengusiran PATI di Sabah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Maijol bin Mahap kemudian Tuan Rawisandran.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih. Soalan tambahan saya ialah pertama adakah kerajaan kita bercadang untuk menjalankan operasi menahan PATI di Sabah secara besar-besaran dalam masa yang terdekat seperti mana yang dibuat beberapa tahun yang lalu. Kedua, berapakah yang dibelanjakan oleh kerajaan kita untuk mengendalikan pusat tahanan sementara di Menggatal, Tawau dan Sandakan di mana tahanan diberikan makan tiga kali sehari? Berapakah kos yang dibelanjakan oleh kerajaan kita untuk tujuan ini. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab geofizikal sempadan di negara kita begitu luas dan mempunyai sempadan yang tidak boleh dikawal secara keseluruhan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sedar bahawa sebahagian besar dari jawapan yang perlu datang dari [*Masalah rakaman*] saya sedar kemungkinan [*Masalah rakaman*] pertanyaan asal adalah dihalakan kepada Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, [*Masalah rakaman*] data-data yang sedia ada.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbelanjaan, saya terus kepada perbelanjaan. Perbelanjaan itu tidak adalah sesuatu angka atau jumlah yang boleh ditetapkan. Tetapi apabila masalah ini diwujudkan mesti kita ada perbelanjaan yang dibangkit pada masa-masa itu dan selain daripada isu-isu berkaitan dengan perkara ini, lebih baiklah kementerian KKDN boleh menjawab dan soalan ini akan ditujukan kepada kementerian tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak membenarkan pertanyaan diperluaskan kerana pertanyaan asal adalah khusus mengenai pusat-pusat tahanan sementara yang mungkin di bawah bidang tugas Yang Berhormat dan menjurus dan khusus kepada persoalan di negeri Sabah. Silakan Tuan Rawisandran. Jika soalan terkeluar, saya tidak akan benarkan.

Tuan Rawisandran a/l Narayanan: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya terkeluar.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Lee Choon Meng.

Datuk Dr. Lee Choon Meng: Kita,

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Dr. Lee Choon Meng nak cuba nasib.

[Ketawa]

Datuk Dr. Lee Choon Meng: [Ketawa]. Ok. Dari Sabah kita pergi ke Wilayah Persekutuan. Bolehkah?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak benarkan.

Datuk Dr. Lee Choon Meng: Tentang pendatang asing tanpa izin.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dibenarkan kerana itu persoalan di bawah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri.

Datuk Dr. Lee Choon Meng: Terima kasih, terima kasih.

Datuk Chew Vun Ming: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengajukan soalan, izinkan saya mengalu-alukan guru dan pemimpin-pemimpin pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Mengkibul, Kluang. [Tepuk]. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor empat.

4. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan akan kejayaan *Multimedia Super Corridor "MSC"* yang diselia oleh *Multimedia Development Corporation* dari sudut bilangan syarikat yang telah berjaya mendapat status MSC serta dasar kerajaan di dalam mengembangkan MSC ke seluruh negeri dan bagaimanakah pelaksanaannya serta bentuk insentif yang akan diterima oleh kerajaan negeri.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Dari sudut bilangan syarikat yang telah berjaya mendapat status MSC Malaysia, MDEC telah berjaya mewujudkan sejumlah 1,759 buah syarikat yang berstatus MSC Malaysia sehingga 15 Mac 2007. Ini termasuk 85 buah syarikat terkemuka dunia telah membuka operasi besar-besaran di MSC Malaysia. Sasaran kita adalah untuk mencapai 2,500 buah syarikat MSC Malaysia pada tahun 2010.

Syarikat-syarikat ini yang termasuklah syarikat antarabangsa seperti Microsoft, ... Microsystems, Oracal, INTEL, ABM, HSBC, DHL, SHELL dan BMW akan menawarkan beribu peluang pekerjaan ICT bernilai tinggi.

Selain daripada itu, MSC Malaysia telah banyak membantu syarikat-syarikat ICT tempatan yang mampu menghasilkan produk-produk yang canggih dan diiktiraf di pasaran dunia. Antaranya seperti *Scan Associates* Berhad menyediakan produk dan servis teknologi keselamatan ICT serta berjaya menembusi pasaran antarabangsa di timur tengah dan Indonesia. Iris Sdn. Bhd menghasilkan cip mikro dan merupakan syarikat terbesar dunia yang mengeluarkan contact less, chips ... untuk *electronic passport* dan *SY BASE* menyediakan teknologi yang

tertumpu kepada sistem pengurusan lapangan terbang (*airport management system*) yang kini digunakan di KLIA, Lapangan Terbang Jakarta, Southwest Florida International Airport di Port Mayor's Florida, Amerika Syarikat dan juga di Amerika Utara yang menyediakan program SY BASE Airport Professional Database.

Merujuk pula kepada dasar kerajaan di dalam mengembangkan MSC Malaysia ke seluruh negeri dan bagaimanakah pelaksanaannya serta bentuk insentif yang akan diterima oleh kerajaan negeri ini. MDEC sedang melaksanakan MSC Malaysia ke seluruh negeri mulai tiga peringkat iaitu fasa pertama, fasa kedua dan fasa ketiga. Pada fasa pertama yang berakhir pada tahun 2003, MDEC telah berjaya mewujudkan sebuah koridor raya yang menyediakan pelbagai kemudahan untuk syarikat-syarikat ICT mengembangkan perniagaan mereka.

Koridor raya tersebut merangkumi lima *cyber city* iaitu Cyberjaya, Teknologi Park Malaysia, KL Tower, UPM and TDC dan KLCC. Pada fasa kedua 2003-2010, MDEC sedang mewujudkan satu jalinan koridor raya yang merangkumkan pelbagai *cyber city* yang merangkumkan pelbagai *cyber city* dan *cyber centre* dari Semenanjung Malaysia hingga ke Sabah dan Sarawak. MDEC akan mengembangkan ICT Malaysia agar menjadi satu hab ICT global. Pada fasa ketiga pula 2010-2020, MDEC menyasarkan Malaysia akan dibentuk menjadi satu masyarakat berbilang kaum yang berasaskan ilmu, *knowledge society*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Pertanyaan asal ialah mengenai MSC dan MDEC. Jangan pula pertanyaan-pertanyaan tambahan merangkumi keseluruhan ICT. Puan Hajah Sharifah Azizah.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Menggeleng.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Lee Sing Chooi kemudian Dr. Haji Mohd. Puad dan Tuan Ir. Hiang A Li.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syarikat yang di tubuh di MSC 1,259 itu berapakah yang ditubuhkan satu tahun yang lalu dan juga apakah keunikan dan juga kelebihan dan kelemahan MSC Malaysia ini kalau dibandingkan dengan negara yang lain dan apakah tindakan kerajaan untuk mempertingkatkan daya saing MSC supaya menarik lebih syarikat MSC. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Saya tidak ada *pendetailan* untuk tahun lepas tapi yang kita maklumkan sehingga kini 1,759 adalah sehingga 15 Mac 2007. Saya boleh dapatkan data untuk *just* tahun 2006 tapi saya kena mohon notis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mohon notis?

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Ya. Untuk soalan kedua, sebenarnya MSC kita adalah agak berbeza dengan mana-mana pusat ICT lain seperti di Bangalore ataupun di Silicon Valley oleh kerana kita punya acuan kita sendiri yang mana matlamat utama kita bukan sahaja untuk membangunkan MSC *cyber city*, *cyber centre* dan

sebagainya tapi kita nak membangunkan kontraktor-kontraktor ataupun syarikat-syarikat tempatan. Oleh itu, kita telah membawa syarikat-syarikat antarabangsa, menjemput syarikat-syarikat antarabangsa bersama di sini supaya dengan adanya banyak syarikat antarabangsa ini kita akan membangunkan syarikat tempatan. Kalau dibandingkan dengan tempat-tempat lain, kita adalah dalam senarai terkini, kita adalah tempat ketiga atau tempat keempat yang terbaik untuk membangunkan syarikat-syarikat ICT berasaskan ICT di dunia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Sudah dijawab.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Ir. Hiang A Li:

Ir. Hiang A Li: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah difahamkan bahawa beberapa kerajaan negeri telah pun mewujudkan amaun MSC. Bolehkah Yang Berhormat Datuk memberitahu bilangan negeri telah mulai pelaksanaan dan sejauh mana kejayaannya dan apakah halangan-halangan yang dihadapi dalam pelaksanaan MSC di negeri masing-masing. Terima kasih.

Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Di antara negeri yang telah mendapat status sama ada *cyber city* atau *cyber centre* ialah Penang, (Penang Cyber Centre), Kulim Hightech Cyber City, Melaka MITC Cyber Centre. Johor Menara Port Cyber Centre. Dan untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan untuk mendapatkan status *cyber centre* ataupun *cyber city* ini adalah bergantung kepada permohonan daripada kerajaan negeri masing-masing dan setakat ini yang saya nyatakan tadi adalah lima tetapi akan datang negeri Perak juga antara negeri yang akan mendapat taraf *cyber centre* pada tahun ini. Setahu kami, kita adalah menjadi pembimbing. Jadi kalau ada sebarang permasalahan yang dihadapi oleh pusat-pusat *cyber city* ataupun *cyber centre* yang berkaitan, MDEC sedia memberikan bantuan dan juga sokongan sama ada dalam bentuk geran daripada syarikat-syarikat yang wujud di situ ataupun dalam bentuk bantuan modal insan dan sebagainya. Terima kasih.

5. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar dan pencapaian kementerian di dalam menggalakkan *Corporate Social Responsibility* diamalkan bukan sahaja oleh *Government-Linked Companies* (GLC) tetapi oleh warga korporat yang lain agar dapat membantu negara untuk menzahirkan warganegara yang beretika, bermaruah, bertanggungjawab, peka dengan persekitaran dan prihatin tentang kesejahteraan, kesejahteraan dan kehendak negara serta rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menyemai budaya Tanggungjawab Sosial Korporat, Syarikat Awam Tersenarai ataupun PLC perlu menzahirkan pencapaian Tanggungjawab Sosial Korporat mereka dari segi menyediakan peluang perniagaan kepada pengusaha tempatan termasuk pemberian kontrak kepada pengusaha tempatan, menerusi guna

tenaga syarikat berasaskan tempatan, pembangunan modal insan serta sumbangan kepada kesejahteraan rakyat terutamanya kepada golongan yang kurang bernasib baik.

Kerajaan telah pun mengenal pasti beberapa program dalam pembangunan modal insan untuk PLC seperti Program Sekolah Angkat, memberi latihan kepada siswazah menganggur serta menyediakan biasiswa-biasiswa. Bagi kebajikan masyarakat pula, PLC digalakkan untuk mengadakan program membantu institusi kebajikan seperti rumah kebajikan dan anak yatim, rumah warga emas dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah menaikkan had potongan cukai ke atas sumbangan kepada pertubuhan kebajikan daripada 5% kepada 7%.

Selain daripada itu, di bawah rancangan transformasi GLC, semua syarikat berkaitan kerajaan diwajibkan mematuhi Buku Perak ataupun *Silver Book* iaitu garis panduan yang menetapkan bagaimana GLC dapat memberi sumbangan secara bertanggungjawab kepada masyarakat dan pada masa yang sama mendapatkan kesan positif yang maksimum untuk perniagaan mereka serta masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh di sini bagaimana syarikat-syarikat GLC mengambil bahagian dalam kegiatan kemasyarakatan. Untuk *unemployed graduate* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Khazanah mengadakan program mereka, di bawah program *internship* mereka, jumlah *graduate* yang terlibat 1,132 orang. Di bawah GREEN ataupun *Graduate Employability Enhancement Programme*, 200 graduan telah pun diambil. Lain-lain agensi dan syarikat *securities commission* juga adakan program *Capital Market Graduate Training Scheme*. Bank Negara juga mengadakan program *Banking Industry Training Scheme*. PNB juga mengadakan *Graduate Diploma of Applied Finance Investment Programme*. HRDC mengadakan latihan untuk *graduate*. Banyak Tuan Yang di-Pertua, seperti *on-the-job training* diberi oleh PROTON, oleh Pos Malaysia, MAS, *United Engineers*, TNB, Bumiputera *Commerce*, oleh Malaysia Airports Berhad, Telekom Malaysia dan TIMEdotCom. Selain daripada itu, ada juga syarikat-syarikat GLC yang menubuhkan universiti-universiti Tuan Yang di-Pertua, macam TNB, Telekom Malaysia dan juga Petronas.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi dan kemudian Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jangan lupa Yang Berhormat, *Corporate Social Responsibility* mengenai GLC dan mungkin PLC. Tidak lebih dari itu, terima kasih.

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Baik Tuan Yang di-Pertua. Pandangan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi saya ucapkan terima kasih, tetapi kita lihat CSR ataupun *Corporate Social Responsibility* dengan izin yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang diperkatakan tadi adalah dasar inisiatif-inisiatif mereka sendiri. Boleh atau tidak kalau pihak kerajaan memastikan ataupun mengenakan satu syarat yang perlu mereka patuhi untuk inisiatif kerajaan

sendiri memaksa pihak syarikat ini kalau boleh untuk membuat sesuatu yang kerajaan hendak. Seperti kalau boleh macam McDonalds atau KFC mereka dikatakan memberi makanan untuk menggemukkan budak-budak, boleh atau tidak mereka 'dipaksa' dengan izin untuk menganjurkan program-program untuk membuat orang lebih *slim for example* dengan izin. Ataupun pihak kontraktor atau pihak penanam kelapa sawit yang membawa pendatang asing yang mungkin membawa masalah-masalah yang lain seperti masalah sosial disyaratkan untuk membentuk sekolah-sekolah supaya mereka dapat mengambil orang tempatan, anak-anak muda tempatan untuk dilatih di dalam industri itu supaya mengurangkan keperluan kita daripada tenaga luar. Sekian. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Cukup jelas Yang Berhormat.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya CSR ini disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam *Budget's speech* tahun 2006. Sebagai tindakan susulannya, memang GLC diarahkan agar semuanya melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan sosial yang membawa kebaikan kepada masyarakat kita. Sebenarnya mereka semua kena mematuhi KPI masing-masing yang perlu diikuti. Seperti yang saya sebut tadi ada *Silver Book* Tuan Yang di-Pertua, yang mereka patut patuhi dan yang dilancarkan pada tahun lepas. Ini patut dipatuhi dan setiap tahun syarikat-syarikat GLC ini dibuat *assessment*...

Tuan Yang di-Pertua: GLC memang akur....

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Memang akur.

Tuan Yang di-Pertua:tetapi pertanyaannya tidakkah PLC pula boleh dipaksa?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Digalakkan, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak boleh paksa tetapi digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Digalakkan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Itu yang saya boleh jawab. Digalakkan, tidak boleh paksa. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk digalakkan warga korporat untuk mengamalkan tanggungjawab sosial, macam mana cadangan itu boleh dipertimbangkan - memberikan anugerah-anugerah tahunan bagi warga korporat yang menyumbangkan sumbangan yang maksimum dan juga menjalankan projek di mana impaknya yang maksimum dan juga yang berkesan dan lain-lain anugerah untuk menggalakkannya. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi. Saya tidak ada maklumat yang terperinci, tetapi saya boleh sebutlah bagaimana mereka diberi penghargaan. Contohnya dari segi *environment CCM*, syarikat di bawah PNB, mereka telah pun diberi anugerah MAS untuk *pollution prevention* oleh Persatuan Pengeluar Bahan-bahan Kimia untuk tahun 2006. Ini contoh pencapaian mereka. Sime UEP dari segi sebagai syarikat perumahan, mereka telah pun dianugerahkan satu Anugerah Pengurusan Alam Sekitar

yang terbaik oleh SIRIM, ISO14001. Ini dari segi *environment management system*. Ini contoh-contoh yang ada, yang saya dapat. Jadi maknanya sudah ada usaha-usaha ke arah itu untuk memberi pengiktirafan kepada usaha-usaha begini, Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya oleh kerana tadi ada disebut tentang warga korporat lain ini. Saya ingin bertanya apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mengujudkan KPI mengenai dengan *social obligation* ini kepada warga korporat lain ini iaitu apabila mereka banyak menyumbang kepada *social obligation*, maka lebih banyak projek baru yang mereka akan dapat sebagai mengenang budi dan apakah ini dianggap sebagai rasuah sebenarnya?

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi. [*Bercakap tanpa pembesar suara*] selain daripada GLC atau PLC untuk menceburkan diri ataupun membantu masyarakat dalam pelbagai bidang seperti *environment*, kebajikan, untuk pendidikan dan sebagainya. Memang Perdana Menteri telah pun tentang CSR dan ada pihak-pihak yang sebenarnya mencadangkan supaya diadakan SRI (*Social Responsibility Index*). Ada pihak-pihak yang datang kepada kerajaan mencadangkan untuk mengadakan satu *assessment* kepada setiap syarikat yang dipanggil SRI (*Social Responsibility Index*).

Maknanya dilihat dari segi aktiviti semua syarikat masing-masing dalam hal kesemuanya dari segi *training*, pendidikan, dari segi *environment*, dari segi kebajikan dan sebagainya dan membuat *assessment* dan memberi *index* kepada syarikat-syarikat serta memberi *rating* kepada syarikat-syarikat. Ini masih di peringkat cadangan dan saya yakin ia akan diteruskan Tuan Yang di-Pertua.

6. Datuk Soon Tian Szu minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan satu sindiket penipuan menggunakan perkhidmatan pesanan ringkas (SMS) dikesan cuba menipu orang ramai dengan menawarkan hadiah wang tunai sebagai tarikan untuk mengaut keuntungan. Apakah langkah-langkah yang dijalankan oleh kementerian dalam mendidik orang ramai agar tidak terpedaya.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Wan Nordin bin Che Murat bertarikh 24 Mei 2007 kerana perkara yang dibangkitkan adalah mengenai isu yang sama iaitu sindiket penipuan wang menerusi SMS (sistem pesanan ringkas).

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat di antara perkhidmatan yang paling popular di kalangan pengguna telefon bimbit pada masa ini adalah perkhidmatan pesanan ringkas atau SMS.

Sepanjang tahun 2006 hampir 33.6 bilion SMS dihantar oleh pengguna telefon bimbit di Malaysia. Kementerian sedar dan amat prihatin dengan perkembangan sindiket yang

menggunakan SMS yang dilihat cuba menipu orang ramai. Pada masa ini Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) telah diminta untuk mengawal selia dan memantau kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini.

Berdasarkan siasatan dan pemantauan yang dilakukan oleh SKMM kebanyakan sindiket yang menjalankan kegiatan penipuan ini beroperasi dari luar negara seperti Indonesia dan Hong Kong.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat kebanyakan kes-kes yang dilaporkan adalah kesalahan penipuan di bawah Kanun Keseksaan di mana ia adalah di bawah bidang kuasa pihak polis, antara langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam menangani kegiatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Pihak SKMM dan pihak Pemberi Perkhidmatan Selular (PPS) telah bekerjasama dengan pihak polis dengan menyebarkan amaran yang bertujuan menyedarkan orang ramai mengenai sindiket penipuan ini dengan menghantar pengumuman mengenai sindiket tersebut melalui SMS kepada semua pelanggan telefon mudah alih.
- (ii) Pihak PPS telah diminta untuk meletakkan notis-notis amaran di dalam laman-laman web mereka dan juga di kaunter-kaunter perkhidmatan sebagai langkah berjaga-jaga dan peringatan kepada pengguna telefon.
- (iii) Mengadakan kempen kesedaran melalui saluran media seperti akhbar.

Kementerian ini menerusi SKMM akan sentiasa memantau kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini bagi menjaga kepentingan pengguna, terima kasih.

Datuk Soon Tian Szu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, soalan tambahan saya ialah setakat ini apakah tindakan yang telah diambil ke atas penyebaran SMS yang berbentuk penipuan?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Yang Berhormat sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi kebanyakan kes-kes ini yang diutarakan kesalahannya terletak di dalam *Penal Code* maka adalah di bawah kuasa pihak polis. Bagi pihak kementerian sebagaimana yang dinyatakan banyak kempen-kempen kesedaran yang telah dilakukan.

Tetapi masalahnya kadang-kadang dari segi pengguna itu, mereka agak mudah ditipu sebagai contoh kes penipuan di mana Yang Berhormat sebut ini apabila dia kata dapat menang satu hadiah sebanyak RM10,000 pengguna ini diminta bagi nombor pin kod bank. Sebagai seorang pengguna yang bijak sepatutnya tidak mudah bagi pin kod bank ini kepada orang yang menelefon, dia kata saudara menang RM10,000 tapi untuk ambil RM10,000 bagi RM1,000, takkanlah kalau dah menang RM10,000 kena bagi RM1,000. Ini sebenarnya satu penipuan yang

mudah kalau orang ramai berhati-hati saya yakin perkara-perkara ini dapat diatasi sebaik yang mungkin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ini lebih kurang tapi ada sikit tambahan. Sudah berapa banyakkah syarikat yang telah ditangkap atau dikenal pasti oleh kementerian dan tidakkah kementerian mengadakan garis panduan atau tidak bergantung hanya pada polis hukuman yang harus dikenakan kepada syarikat-syarikat berkenaan?.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Dari segi angka berapa banyak syarikat telah diambil tindakan saya tidak ada maklumat itu, sebagaimana saya katakan siasatan dilakukan oleh pihak polis maka sekiranya Yang Berhormat mahukan jawapan itu saya akan berikan secara bertulis, saya akan cuba dapatkan, terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya ialah apakah kementerian boleh buat ataupun apakah pihak kementerian boleh bagi panduan kepada kita sebagai pengguna untuk menghalang "scammers" yang menghantar SMS lucah kepada pengguna telefon bimbit?

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Bagi pihak kementerian antara perkara pertama yang pihak kementerian lakukan untuk menghalang SMS lucah ini adalah untuk mengenal pasti pengirim-pengirim SMS ini.

Maka dengan itu kementerian ini telah memastikan mewajibkan semua pengguna-pengguna telefon prabayar satu ketika dulu untuk mendaftarkan telefon-telefon mereka kerana sebelum ini ada unsur-unsur yang menghantar fitnah-fitnah ataupun SMS lucah, maka hari ini kita boleh tahu siapakah yang menggunakan perkhidmatan telefon mudah alih ini untuk menghantar perkhidmatan-perkhidmatan yang tak baik, SMS lucah ini maka kita boleh *track* (tahu) siapa penghantarnya.

Maka tindakan-tindakan boleh diambil mengikut akta 211, ataupun 233, Akta AKM 1998 yang mana kalau disabit kesalahan boleh didenda RM50,000 ataupun penjara satu tahun ataupun kedua-duanya sekali jika disabit kesalahannya, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

7. **Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid** minta Menteri Luar Negeri menyatakan kenapakah kerajaan tidak menyelesaikan masalah sagu hati kepada buruh-buruh paksa 'Landasan Kereta Api Maut Jepun' seperti yang dijanjikan dan apakah masalah besar yang berlaku sehingga nasib mereka terpaksa dipaparkan dalam TV.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Tuan Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua pertama saya ingin mengucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kes tuntutan oleh buruh-buruh paksa 'Landasan Kereta Api Maut Jepun' telah dianggap selesai oleh kerajaan Malaysia sejak zaman pentadbiran Perdana Menteri pertama Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj lagi. Ini berikutan satu perjanjian bekas buruh paksa Jepun dan telah ditandatangani oleh kerajaan Malaysia dan kerajaan Jepun pada 21 September 1967.

Mengikut perjanjian tersebut kerajaan Jepun telah bersetuju membayar 'wang darah' dengan izin '*blood money*' kepada kerajaan Malaysia dan wang tersebut telah digunakan untuk menubuhkan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia atau MISC.

Manakala iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 April 2005 telah menekankan bahawa isu kezaliman tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua, telah pun diselesaikan. Beliau menyatakan bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamed bekas Perdana Menteri pernah menegaskan bahawa isu buruh paksa 'Landasan Kereta Api Maut Jepun' telah selesai semasa beliau melancarkan Dasar Pandang ke Timur pada tahun 1982 lagi.

Selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 April 2005 tadi Kementerian Luar Negeri berpendapat bahawa kes tuntutan ini dianggap telah selesai daripada pandangan kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun pihak kementerian tidak menyekat usaha mana-mana individu atau persatuan yang ingin membuat tuntutan pampasan secara langsung dengan pihak Jepun kerana ini adalah merupakan hak peribadi mereka.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ini mengenai dengan soalan tuntutan ganti rugi, mengenai apakah ada aduan pula mengenai *comfort woman* ini? Apakah ada usaha untuk membayar ganti rugi ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan terkeluar dari soalan asal.

8. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (i) sejauh mana penguatkuasaan Perjanjian Jual Beli (PJB) dalam Akta Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah dipatuhi oleh pihak pemaju/penjual khususnya dalam tempoh liabiliti kecacatan terhadap rumah kediaman dan bangunan; dan
- (ii) apakah kelonggaran syarat Perakuan Layak Menduduki (CF) yang dikeluarkan kepada pemaju menjadi antara punca yang menyebabkan pemaju mengambil sikap sambil lewa dalam menyiapkan projek pembinaan rumah kediaman/bangunan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Azizah binti Mohd Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang mengemukakan soalan, sebelum saya menjawab soalan ini saya ingin membetulkan soalan

tadi iaitu di bahagian (a) akta yang dimaksudkan ialah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Jawapan bagi soalan bahagian (a) untuk makluman Yang Berhormat, pelanggaran mana-mana terma dalam surat perjanjian jual beli merupakan satu pelanggaran kontrak dan bukannya pelanggaran di bawah akta.

Mengikut surat perjanjian jual beli di antara pembeli rumah dan pemaju perumahan adalah menjadi tanggungjawab pemaju untuk memperbaiki kecacatan dengan kos ditanggung oleh pemaju dalam tempoh liabiliti kecacatan iaitu tempoh 18 bulan. Pemaju mempunyai tempoh 30 hari selepas menerima notis bertulis daripada pembeli untuk memperbaiki kecacatan yang berlaku.

Sekiranya pemaju perumahan gagal memperbaiki kecacatan yang dimaklumkan oleh pembeli selepas tamat tempoh 30 hari, pembeli berhak memperbaiki kecacatan dengan syarat pembeli telah memaklumkan pemaju perumahan terlebih dahulu dan telah memberi peluang selama 14 hari kepada pemaju untuk memperbaiki kecacatan tersebut. Pembeli seterusnya berhak untuk membuat tuntutan terhadap kos pembaikan tersebut dari baki 5% dari harga rumah yang dipegang ataupun *retention sum* yang dipegang oleh peguam cara selaku pemegang taruhan ataupun *stakeholder*.

Pemegang taruhan pula perlu membayar balik tuntutan pembeli dalam tempoh 14 hari daripada tarikh penerimaan tuntutan bertulis daripada pembeli. Pembeli juga berhak membuat tuntutan melalui Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah ataupun TTPR jika jumlah tuntutan tidak melebihi RM50,000 dengan memfailkan tuntutan menggunakan borang-borang yang disediakan.

Jawapan bagi soalan bahagian (b), untuk makluman Ahli Yang Berhormat tidak ada kelonggaran syarat perakuan kelayakan menduduki ataupun CFO yang dikeluarkan oleh PBT.

Undang-undang sedia ada jelas menetapkan syarat-syarat yang perlu dipatuhi sebelum perakuan kelayakan menduduki CFO boleh dikeluarkan oleh PBT. Syarat-syarat tersebut adalah:

- (i) orang yang berkelayakan itu perunding projek bagi pihak pemaju, mengesahkan dalam Borang A bahawa telah mengawasi pembinaan dan pembinaan mematuhi undang-undang dan syarat-syarat PBT; dan
- (ii) semua perkhidmatan perlu termasuk jalan, akses pandangan darat, landskap, tempat letak kereta, parit, pemasangan alat-alat kebersihan air dan elektrik, pili -pili bomba, kehendak pemetungan dan kehendak pembuangan sampah telah disediakan.

Untuk makluman terdapat beberapa faktor yang menyebabkan pembinaan lewat disiapkan dan seterusnya menjejaskan pengeluaran CFO iaitu:

- (i) pembinaan tidak mematuhi undang-undang atau syarat-syarat PBT walaupun pihak perunding mengesahkan dalam Borang A pematuhan telah dilaksanakan
- (ii) agensi-agensi teknikal melalui PBT ataupun PBT sendiri kenakan syarat-syarat tambahan ke atas pengeluaran CFO yang tidak dapat dipenuhi dalam masa yang singkat oleh pihak pemaju; dan
- (iii) beban kerja dan sumber PBT yang terhad kadangkala melewati pemeriksaan tapak sebelum CFO boleh dikeluarkan.

Sehubungan dengan itu bagi mengatasi masalah-masalah yang biasa dikaitkan dengan pengeluaran CFO kerajaan telah memperkenalkan sistem pengeluaran perakuan siap dan pematuhan ataupun CCC oleh para profesional. Sistem ini menetapkan bahawa pihak yang mereka bentuk dan mengemukakan pelan untuk kelulusan PBT adalah merupakan pihak yang pada akhirnya mengesahkan keselamatan dan keselesaan pengguna dengan mengeluarkan CCC ke atas bangunan tersebut. Proses semakan kerja-kerja di tapak dijangka dapat dipendekkan memandangkan sebarang ketidakpatuhan dipantau dan diperbetulkan semasa proses pembinaan berjalan dan tidak pada peringkat pembinaan telah disiapkan sebagaimana dilakukan di bawah sistem CFO.

Seperkara lagi dalam sistem CCC, pihak perunding melaksanakan tanggungjawab professionalism bersandarkan pendekatan *self regulation* dan *self certification*, dengan izin. Ini bermakna PBT tidak lagi dirujuk untuk pengeluaran CCC dan dalam masa yang sama perunding mempunyai kawalan sepenuhnya ke atas proses pembinaan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee kemudian Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain dan Tuan Ir. Hiang A Li.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan sistem CCC ini memperkenalkan prosedur pengesahan baru, apakah tindakan kementerian untuk memastikan semua pihak yang terlibat demi kejayaan sistem ini? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua kementerian memang serius untuk memastikan sistem baru ini dapat berjalan dengan berjaya sekali. Untuk itu kementerian telah menjadualkan kursus untuk pegawai-pegawai kerajaan. Kursus ini dianjurkan bersama dengan INTAN dan dibahagi kepada dua peringkat iaitu pegawai-pegawai kumpulan pengurusan dan profesional pelbagai agensi yang terbabit dan kakitangan kumpulan sokongan pihak berkuasa tempatan.

Di samping itu kementerian bersedia menerangkan konsep ini kepada mana-mana pihak swasta yang terlibat. Untuk makluman Dewan yang mulia ini kursus-kursus telah pun berjalan di Petaling Jaya bagi zon tengah dan pada hari ini di Alor Gajah, Melaka untuk melibatkan negeri Johor, Melaka dan Negeri Sembilan dan minggu hadapan di Pulau Pinang melibatkan Pulau

Pinang, Kedah dan Perlis. Manakala badan-badan profesional pula seperti arkitek, *engineer* dan *planner* mereka ini terlibat daripada peringkat awal lagi dalam penggubalan sistem yang kita jalankan sekarang ini. Jadi mereka memang arif dan mengetahui tentang sistem ini dan kita percaya mereka ini akan dapat menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik sekali dan sekiranya mereka masih lagi memerlukan penerangan lanjut pihak kementerian bersedia untuk membantu mereka. Insya-Allah, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya, adakah syarat-syarat yang dikenakan oleh kementerian dipatuhi oleh pemaju dan berapa ramai pegawai yang dilantik oleh kementerian bagi menentukan bahawa pembeli tidak teraniaya? Sudahkah kementerian kenal pasti berapa banyak syarikat yang gagal mematuhi perjanjian jual beli dan adakah mereka ini masih dibiarkan aktif menjalankan perniagaan? Terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain, sahabat saya. Berkenaan dengan jumlah syarikat-syarikat yang tidak mematuhi ini saya minta notis kita akan bagi secara bertulis. Seperti mana yang telah kita jawab di Dewan yang mulia ini Dewan Rakyat dan juga di Dewan Negara memang telah banyak sebenarnya tindakan-tindakan diambil terhadap pemaju-pemaju yang tidak mengikut peraturan dan berbagai-bagai tindakan telah diambil dan mereka ini sebenarnya boleh dikenakan denda dan sesetengahnya boleh juga dikenakan tindakan penjara.

Berkenaan dengan jumlah pegawai-pegawai yang diperlukan ini kalau Yang Berhormat membaca surat khabar baru-baru ini Yang Berhormat Menteri di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sendiri telah memaklumkan bahawa pihak JPA telah pun meluluskan perjawatan baru kalau tidak salah 533 orang untuk seluruh negara bagi memastikan sistem yang baru kita perkenalkan ini dapat berjalan dengan baik. Kita akan mewujudkan satu sistem pemantauan untuk memastikan sistem yang baru diperkenalkan ini benar-benar berjaya bagi memastikan negara kita dapat bersaing dengan negara-negara yang lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat bagaimana sahabat tanya bertubi-tubi? Tuan Ir. Hiang A Li.

Tuan Ir. Hiang A Li: Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat. Saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana telah berjaya baru-baru ini menggubal akta supaya satu cara baru iaitu CCC menggantikan CFO. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu bilakah cara baru akan dikuatkuasakan dan adakah kementerian kluatir dengan pelaksanaan cara baru ini CCC, akan hadapi masalah dengan pihak PBT dan juga kerajaan negeri? Sekian, terima kasih.

Datuk Azizah binti Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan yang dikemukakan. Saya juga ucap terima kasihlah di atas ucapan tahniah kepada kementerian. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum dan Dewan mulia ini juga sedia maklum Yang Berhormat Perdana Menteri telah pun melancarkan sistem ini pada 13 April yang lalu dan sistem ini berkuat kuasa mulai daripada 12 April tahun ini juga. Tetapi tentulah ianya berkuat kuasa ke atas pemajuan-pemajuan yang baru diluluskan selepas tarikh yang disebutkan tadi dan sejauh mana ia akan mencapai kejayaan seperti mana yang saya telah sebutkan tadi kita telah mewujudkan jawatan-jawatan yang baru dan kita juga mewujudkan satu sistem pemantauan.

Setakat ini daripada maklumat yang kita terima, semua kerajaan negeri tidak bermasalah untuk menerima sistem ini begitu juga pihak-pihak berkuasa tempatan dan untuk memastikan juga dia berjalan lagi dengan lebih lancar, kita sentiasa mengadakan kursus-kursus seperti mana yang saya sebutkan tadi dan dalam tempoh Insyallah dua bulan ini semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan sistem ini akan mahir dalam melaksanakan sistem ini. Terima kasih.

9. Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N. S Maniam minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan apakah tindakan kementerian bagi menarik pelabur asing untuk melabur di kawasan luar bandar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan pembangunan perindustrian yang seimbang di seluruh negara. Antara usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan adalah dengan memperkenalkan insentif cukai berikut bagi negeri-negeri di koridor pantai timur yang terdiri daripada negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor, Sabah dan Sarawak serta Perlis iaitu:-

- (i) pengecualian 100% berbanding dengan pelabur-pelabur yang melabur di kawasan lain yang mendapat pengecualian cukai sebanyak 70% selama lima tahun;
- (ii) memberi pengecualian cukai bagi kali kedua kepada syarikat yang wujud yang menempatkan semula aktiviti pengilangan ke negeri-negeri di koridor pantai timur; dan
- (iii) memberi pengecualian cukai kali kedua bagi syarikat wujud milik rakyat Malaysia yang membuat pelaburan semula dalam industri-industri berasaskan sumber seperti kayu, getah dan kelapa sawit, pemprosesan makanan, jentera dan peralatan serta penggunaan biojisim untuk mengeluarkan produk yang bernilai tambah;

Selain daripada itu di bawah Rancangan Pelan Induk Perindustrian Ketiga atau IMP-3 turut menggariskan beberapa strategi untuk memastikan keseimbangan pembangunan serantau.

Antaranya adalah dengan memperbaiki infrastruktur di negeri-negeri yang kurang membangun termasuk pusat pertumbuhan dan kawasan pembangunan merentasi sempadan

Sebanyak dua kawasan yang merentasi sempadan yang telah dikenal pasti di bawah IMP-3 untuk pembangunan iaitu Zon Terengganu Utara – Kelantan, Selatan – Pahang Barat dan juga Zon Pembangunan Utara Semenanjung di Kedah, Perlis, Seberang Prai dan Perak Utara. Di samping itu hab halal akan diwujudkan dalam kawasan yang disasarkan termasuk kawasan luar bandar seperti yang dinyatakan dalam IMP-3.

Tuan Yang di-Pertua, pembangunan kawasan perindustrian di negeri-negeri adalah di bawah bidang kuasa dan perancangan pihak kerajaan negeri. Namun begitu, Kerajaan Persekutuan sentiasa menggalakkan kerajaan negeri supaya berperanan aktif dalam usaha menarik pelaburan ke negeri dan kawasan-kawasan yang berpotensi, antaranya:

- (i) mengambil bahagian dalam misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh Kerajaan Pusat;
- (ii) mempromosikan secara meluas peluang-peluang pelaburan yang wujud di negeri masing-masing;
- (iii) memperbaiki sistem penyampaian perkhidmatan di peringkat kerajaan negeri dan tempatan;
- (iv) mengambil bahagian dalam seminar domestik yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri; dan
- (v) menyertai Jawatankuasa Penyelarasan bersama Industri yang bertanggungjawab dalam menyelaras projek-projek perkilangan dan perkhidmatan perkilangan antara peringkat negeri dan Kerajaan Pusat.

Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz kemudian Tuan Chua.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah jenis perusahaan yang telah dikenal pasti berpotensi untuk menarik pelabur-pelabur asing di kawasan luar bandar ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat ulangi?

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Apakah jenis perusahaan yang telah dikenal pasti berpotensi untuk menarik pelabur-pelabur asing di kawasan luar bandar ini. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Pusat menentukan jenis-jenis pelaburan mengikut keadaan sesebuah negeri. Misalnya di negeri Sabah, Kerajaan Pusat telah menentukan bioteknologi dan industri berasaskan marin akuakultur untuk pembangunan di negeri Sabah. Di Sarawak kita telah menentukan industri berasaskan kelapa sawit, di negeri Pahang kita telah menentukan taman kekal pengeluaran makanan industri berasaskan minyak sawit dan juga hab halal bersekutu. Untuk Negeri Sembilan, di Bandar Baru

Nilai kita telah menentukan sebuah pusat bio teknologi dan untuk Gemas dan Jelai juga di Negeri Sembilan kita telah menentukan lembah lembu daging dan untuk negeri Kedah kita telah menentukan sebuah hab halal untuk makanan halal. Untuk Pulau Pinang dan Kedah yang merupakan kawasan untuk perindustrian berteknologi tinggi khususnya di Teknologi Park di Kulim dan di Perak kita telah menentukan Ipoh sebagai terminal makanan dan Perlis hab halal. Untuk negeri Kelantan kita akan membina sebuah universiti baru di Kelantan untuk menambah baik dan untuk meningkatkan tenaga kerja di negeri tersebut. Sekian, terima kasih.

Tuan Chua Kim Chuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya. Sejauh manakah kejayaan kerajaan dalam usaha menarik pelabur asing ke kawasan luar bandar?

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang kita ada sekarang, untuk tempoh tahun 2004 hingga 2006, kalau mengikut senarai negeri-negeri, kita dapati di negeri Johor, Pulau Pinang, Kedah dan Selangor merupakan negeri-negeri yang mendapat, menerima pelabur asing yang terbesar sekali. Untuk negeri-negeri seperti negeri Kelantan hanya menerima sebanyak RM30 juta sahaja dalam tempoh masa yang disebutkan. Di negeri Perak sebanyak RM60 juta, Kuala Lumpur, sebab Kuala Lumpur sudah membangun jadi tidak banyak pelaburan asing masuk ke bandar Kuala Lumpur, jadi Kuala Lumpur mendapat pelaburan asing sebanyak RM500 juta dan di negeri Sabah RM1.1 bilion, Negeri Sembilan RM1.2 bilion.

Walaupun anggaran pelaburan asing di negeri-negeri yang kurang maju itu kurang memuaskan, tetapi kalau kita membandingkan anggaran ini dengan angka yang sebelum ini, katakan dalam lima tahun yang lalu, memang kita boleh lihat kemajuan dan pencapaian yang dicapai di negeri-negeri tersebut ini. Terima kasih.

10. Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan jumlah kad kredit palsu mengikut institusi kewangan yang telah berjaya dikesan dan ditangkap sindiketnya mengikut pecahan negeri dan jumlah kerugian yang terpaksa ditanggung oleh institusi kewangan tersebut sehingga April, 2007 serta apakah strategi yang lebih berkesan bagi menangani isu tersebut.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Yaakob. Tuan Yang di-Pertua, PDRM mendapati sindiket kad kredit palsu telah beralih kepada data-data kredit luar negara untuk membuat kad kredit palsu semenjak institusi kewangan di negara ini memperkenalkan EMV atau Euro Master Visa *chip-base card* pada tahun 2005.

Pada tahun 2006, sebanyak 116 kes telah dilaporkan kepada pihak polis dengan kerugian dianggarkan bernilai RM558,894.28. Bagi tempoh hingga April 2007 sebanyak 47 kes telah dilaporkan dengan kerugian dianggarkan bernilai RM143,257.18.

Sejak institusi kewangan memperkenalkan *EMV chip base card*, ancaman daripada sindiket kredit kad telah berkurangan. Penggunaan kad kredit yang mempunyai *EMV chip base card* yang digunakan oleh bank tempatan sekarang adalah langkah yang paling berkesan bagi mengelak kad kredit keluaran bank tempatan daripada dipalsukan.

Selain daripada itu, tindakan menghalang melalui kaedah *line inspection* telah melumpuhkan sindiket daripada mencuri data-data kad kredit daripada meluas. Bagaimana pun kerugian yang ditanggung oleh bank tempatan akibat daripada kad kredit mereka dipalsukan di luar negara tidak dapat dielakkan selagi negara luar menggunakan kad kredit *magnetic stripe*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Datuk Yaakob, kemudian Yang Berhormat bagi Puan Siw Shun, kemudian Yang Berhormat bagi Tuan Lee Chee Keong.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu baik. Soalan tambahan saya kalau dilihat dari segi fakta yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi secara komparatif atau secara perbandingan dengan negara-negara luar adakah angka yang telah dinyatakan itu dianggap tidak begitu serius atau perlu mempunyai satu strategi bagi berhadapan dengan masalah-masalah yang akan dihadapi di masa hadapan? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sejak kita menggunakan *EMV* yang saya sebutkan tadi memanglah pemalsuan kad kredit ini agak berkurangan berbanding yang lepas-lepas. Tetapi masih banyak negara-negara lain yang menggunakan *magnetic stripe* itu. Itu yang menyebabkan pemalsuan dibuat. Di samping itu langkah yang kita sudah buat kita telah mengadakan *line inspection* maknanya kita boleh menghalang daripada *database* ini dicuri semasa kita apabila kita melakukan *transaction* misalannya daripada super market ke bank. Dahulu mereka boleh curi sekarang ini mereka tidak boleh curi data *base* daripada itu kerana langkah yang telah dibuat.

Mungkin selepas ini kita boleh memperkenalkan *chip* dan *PIN* seperti mana yang dibuat di United Kingdom. Di UK sekarang ini dia pakai *chip* dan *PIN*. Sekarang ini kalau kad kita hilang, mereka boleh sekurang-kurangnya boleh mengisi minyak di stesen minyak dari *chip* itu. Tetapi di UK dia ada *PIN*, maknanya lepas *chip* itu dia mestikan masukkan pin nombor lagi. So mungkin selepas ini kita akan memperkenalkan kaedah itulah untuk mengurangkan kecurian dan juga pemalsuan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puan Siw Chun.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh sebab begitu mudah sekali sesiapa boleh memiliki kad kredit disebabkan oleh promosi-promosi yang begitu agresif di pusat-pusat membeli belah pada masa kini. Soalan tambahan saya, bagaimana dan apakah usaha pihak kerajaan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai bagi mengenal pasti kad kredit itu betul atau pun palsu? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan ini terkeluar ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Ya pertanyaan ini terkeluar sedikit tetapi sukarlah fasal apa polis ini hanya kita melibatkan benda-benda pemalsuan. Soal *credit card* ini ialah urusan Bank Negara dengan bank. Jadi saya rasa itu yang boleh saya bagi jawapan.

Tuan Yang di-Pertua: Kerana Yang Berhormat bertanggungjawab selepas orang buat salah. Pertanyaan itu mengenai sebelum orang buat salah. Yang Berhormat bagi Tuan Lee Chee Keong.

Tuan Lee Chee Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya apakah jenis rang undang-undang yang boleh kita guna pakai untuk mencegah dan mengatasi masalah ini?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman: Susah hendak saya cakap undang-undang. Jadi rang undang-undang banyak yang boleh. Jadi saya soalan itu agak terkeluar daripada ini. Jadi saya kerana tidak berkaitan dengan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Paling mudah ialah guna CPC lah. *Criminal Procedure Code* kanun keseksaan. Terima kasih Yang Berhormat.

11. Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta Menteri Penerangan menyatakan sejauh mana peranan pegawai JASA dalam menerangkan Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua secara umumnya pegawai JASA di peringkat akar umbi dibahagikan kepada kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Bagi kawasan Parlimen pegawai JASA bertanggungjawab mengetuai barisan penceramah, mengumpul dan menjawab isu-isu berbangkit dan memperkukuh serta menambah keberkesanan operasi peringkat Parlimen. Untuk kawasan Dewan Undangan Negeri pula pegawai JASA bertanggungjawab memberi penjelasan tentang dasar-dasar kerajaan juga menyediakan laporan aktiviti dan sosio-agama serta menyempurnakan rancangan kerja dan program Jabatan Hal Ehwal Hal atau JASA dalam semua aspek di peringkat Dewan Undangan Negeri

.JASA melalui program-program bersemuka yang dilaksanakan oleh pegawai-pegawai JASA di peringkat akar umbi juga memberi fokus kepada maklumat-maklumat Misi Nasional Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Ini supaya rakyat lebih memahami rancangan tersebut seperti melalui majlis-majlis penerangan. Sisipan-sisipan dalam program-program yang dilaksanakannya dan perbincangan secara langsung.

Tugas ini diberikan kepada pegawai-pegawai JASA di Dewan Undangan Negeri dan Parlimen melalui strategi yang telah dirancang bagi menentukan Misi Nasional dan RMK-9 difahami oleh rakyat seperti melalui program 'Takkaruk', Perkongsian Pintar, Gerak Tumpu, Seminar Bicara Gemilang, Forum Perdana, 'Naduah Perdana', Harga Emas, Kenduri Kampung dan banyak lagi program yang dilaksanakan oleh JASA.

Pendekatan komunikasi bersemuka disokong pula dengan risalah-risalah dan buku-buku kecil mengenai isu-isu tertentu tersebut. Berdasarkan kepada satu kajian pemahaman terhadap RMK-9, lebih daripada 65% responden memahami akan teras-teras RMK-9 dan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan. Ini menunjukkan bahawa program-program yang dilaksanakan oleh JASA telah berjaya meningkatkan kefahaman rakyat terhadap RMK-9. Namun begitu, usaha akan terus dilakukan untuk memastikan rakyat sentiasa mendapat maklumat terkini mengenai dasar-dasar kerajaan dan isu semasa serta meningkatkan lagi tahap kefahaman masyarakat dan seterusnya menggembelng penglibatan masyarakat dalam RMK-9. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Tuan Tan Bon You.

Tuan Tan Bon You: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sejauh mana pegawai JASA ini dibela dan diberi kuasa oleh pihak kementerian dalam melaksanakan tugasnya untuk menyediakan laporan-laporan atau pun aktiviti-aktiviti Yang Berhormat di kawasannya tanpa diganggu oleh mana-mana pihak. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan. Setakat yang kita ketahui Yang Berhormat, kita tidak ada meletakkan sebarang tekanan kepada mana-mana pegawai-pegawai JASA di peringkat Dewan Undangan Negeri mahu pun di peringkat daerah atau pun di peringkat Parlimen. Semasa mereka menyediakan laporan-laporan tentang keberkesanan aktiviti misalnya dan misalnya ada, kita bersedia untuk menerima secara terbuka dan membantu untuk memantau dan memanjangkan ke peringkat yang lebih tinggi. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Puan Wan Ubaidah bin Omar.

Puan Wan Ubaidah bin Omar: Terima kasih Tuan yang di-Pertua saya ingin tahu sejauh manakah pegawai-pegawai JASA ini juga digunakan untuk menangani gejala sosial serta memberi penerangan mengenai dengan kepentingan membangunkan keluarga kerana inilah dikatakan punca kepada segala masalah. Terima kasih.

Puan Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Puan Wan Ubaidah atas soalan tambahan. Sebenarnya wujudnya atau pun penubuhan awal Jabatan Hal Ehwal Khas atau pun JASA pada ketika itu bahagian hal ehwal khas sebenarnya adalah untuk memelihara dan mempertahankan kestabilan politik dan juga memantau perkara-perkara dan isu-isu yang bersangkutan dengan agama dan politik sahaja dan tidak begitu menjurus kepada isu-isu yang berkaitan dengan kebejatan, masalah sosial khususnya di kalangan remaja.

Walau bagaimana pun di dalam program-program yang saya nyatakan tadi seperti di dalam program-program Kenduri Kampung, Ziarah Mesra, Bicara Gemilang, Takkaruf, kita sentiasa menyisipkan dalam program-program yang sedia ada tersebut pesanan-pesanan dan juga nasihat-nasihat yang berguna untuk masyarakat mengambalnya sebagai iktibar dan panduan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

12. Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta Menteri Kewangan menyatakan apakah strategi yang akan diguna pakai oleh pihak Kementerian bagi memberi impak yang berkesan dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi asas ekonomi negara pada tahun 2007 selepas pertumbuhan ekonomi yang pesat pada tahun 2006 khususnya bagi mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Wan Nordin. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan yakin negara boleh mengekalkan prestasi dan pertumbuhan ekonomi yang baik selepas mencatatkan kadar pertumbuhan pesat Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 5.9% pada tahun 2006. Memandangkan persekitaran ekonomi dan perdagangan dunia yang dijangka terus menggalakkan, ekonomi negara dijangka kukuh lagi pada tahun 2007 pada kadar 6%.

Perkembangan yang memberangsangkan ini disokong oleh asas-asas ekonomi negara yang mantap. Di antaranya peningkatan rizab antarabangsa kepada RM309 bilion pada 13 April 2007 berbanding dengan RM290 bilion pada 31 Disember 2006. Kedudukan ringgit yang terus kukuh pada kadar RM3.42 bagi USD1 berbanding dengan kadar purata RM3.78 sen bagi USD1 pada tahun 2005. Paras tabungan negara yang tinggi pada kadar 38.1% KDNK, paras inflasi yang rendah berkurang daripada 4.8% pada bulan Mac 2006 kepada 1.5% pada bulan Mac 2007.

Kedudukan sistem perbankan negara yang semakin kukuh dengan paras pinjaman tidak berbayar yang rendah pada kadar 4.6% pada bulan Februari 2007 berbanding dengan 5.8% pada bulan Februari 2006. Kadar pengangguran yang terus rendah pada kadar 3.5%. Walau bagaimanapun untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan, kadar inflasi yang rendah dan peluang pekerjaan yang berterusan dalam jangka masa panjang, kerajaan telah merangka beberapa strategi utama mikro ekonomi untuk menangani sebarang cabaran kepada ekonomi negara termasuk mengurangkan pergantungan ekonomi negara kepada sektor luar. Strategi utama adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan dan pelaburan di mana ini dapat membantu mengukuhkan pelaburan sektor swasta yang kini berkembang pesat;
- (ii) menarik Pelaburan Langsung Asing (FDI) untuk mempercepatkan kemajuan terhadap aktiviti teknologi tinggi dan memperkembangkan rangkaian pemasaran;
- (iii) membangunkan sumber manusia dan mempertingkatkan kecekapan modal, produktiviti tenaga pekerja dan sumbangan dari Faktor Produktiviti Keseluruhan (TFP) untuk meningkatkan kapasiti produktiviti ekonomi;

- (iv) mempromosikan pembangunan sumber pertumbuhan baru di dalam sektor perkhidmatan untuk meluaskan lagi asas ekonomi dan mengekalkan ketahanan ekonomi negara terutamanya *industry shared services* dan *outsourcing* di mana Malaysia telah dinilai sebagai lokasi ketiga terbaik bagi industri ini;
- (v) meningkatkan daya saing untuk mengekalkan permintaan kepada produk dan perkhidmatan Malaysia di pasaran antarabangsa;
- (vi) memodenkan sektor pertanian dengan meningkatkan produktiviti serta daya saing melalui kegiatan menambah nilai dan mengenakan teknologi moden. Kerajaan juga akan memastikan bekalan makanan terjamin dan meningkatkan eksport makanan dan mengurangkan bil import makanan; dan
- (vii) mempergiatkan pembangunan Wilayah-wilayah Ekonomi Koridor Selatan, Koridor Utara yang mengandungi Perlis, Kedah dan Pulau Pinang dan Perak Utara. Di Pantai Timur iaitu di Kelantan, Terengganu dan Pahang serta juga Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhirnya ialah gesaan Yang Berhormat, bacalah Rancangan Malaysia Kesembilan dan Ucapan Bajet supaya tidak timbul pertanyaan ini dan terpaksa dijawab berkali-kali.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

13. Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada wajar tindakan kementerian untuk memberhentikan guru-guru yang enggan bertukar ke kawasan pedalaman dan perlu mereka membayar ganti rugi atau dilepaskan begitu sahaja.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha meningkatkan pencapaian murid-murid di kawasan luar bandar dan pedalaman selain daripada melengkapkan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas, guru merupakan aset yang penting dan perlu diberikan perhatian. Oleh yang demikian, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil berat dalam menyediakan kemudahan dan insentif kepada guru-guru yang bertugas di kawasan pedalaman.

Hal ini jelas dinyatakan di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 dalam teras yang keempat iaitu merapatkan jurang pendidikan dan teras yang kelima iaitu memartabatkan profesion keguruan.

Berhubung dengan guru-guru yang melanggar arahan penempatan, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah peraturan 4(2)(i) - Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang menyatakan seseorang pegawai tidak boleh ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa cara yang boleh ditafsirkan dengan munasabah sebagai

ingkar perintah. Mengikut peraturan 38, sesiapa yang ingkar perintah boleh dikenakan tindakan tatatertib dan hukumannya daripada amaran sehinggalah boleh dibuang kerja. Mana-mana guru yang menolak penempatan dan berhenti secara sukarela kerana alasan menolak penempatan, mereka adalah dianggap telah melanggar syarat-syarat perjanjian dan dikehendaki membayar ganti rugi seperti mana yang termeterai di dalam perjanjian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Tajul Urus, Yang Berhormat Dato' Musa dan Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Untuk mengatasi masalah di kawasan pedalaman, tidakkah kementerian bercadang untuk mensyaratkan *first posting* dengan izin bagi guru-guru selepas tamat kursus adalah di kawasan pedalaman? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Tajul Urus. Memang dasar Kementerian Pelajaran ialah untuk menghantar pelajar-pelajar yang baru *posting* ini ke kawasan-kawasan luar bandar. Dalam masa yang sama, untuk kita memastikan guru-guru di kawasan luar bandar dapat kita penuhi, maka institusi-institusi pendidikan guru di Keningau telah dipilih untuk menjadi institusi perguruan yang akan menempatkan guru-guru yang akan mengajar di kawasan pedalaman di Sabah dan juga institusi-institusi pendidikan guru di Miri pula akan digunakan untuk melatih guru-guru yang akan mengajar di kawasan-kawasan pedalaman di negeri Sarawak. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Musa.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, soalan tambahan saya ialah dalam perkara ini berapa ramaikah guru-guru yang telah pun diberhentikan ataupun ini hanya satu ugutan daripada kementerian? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian pertama ialah pertanyaan dan bahagian kedua ialah dakwaan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada angka yang tepat. Memang saya sudah agak soalan ini keluar, tetapi masih tidak dapat daripada kementerian. Tetapi saya telah dimaklumkan oleh pihak kementerian bahawa guru yang ingkar perintah ini telah pun dikenakan tindakan tatatertib dan dalam masa yang sama ada, terdapat guru yang secara sukarela meletakkan jawatan kerana tidak mahu ditempatkan di kawasan-kawasan pedalaman. Jadi seperti yang telah saya nyatakan, mereka ini dianggap sebagai ingkar perjanjian dan tindakan perundangan diambil kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Hajah Samsiah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah begitu banyak elaun yang diperuntukkan kepada guru-guru yang mengajar di pedalaman seperti yang disebut oleh Menteri Pelajaran baru-baru ini. Apakah cadangan

kementerian jika dengan ini pun masih ramai guru yang enggan berkhidmat di pedalaman disebabkan oleh faktor keselamatan seperti mana yang ada dalam akhbar pada pagi ini?

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak ambil kesempatan Tuan Yang di-Pertua, untuk mengucapkan takziah kepada seorang guru yang bernama Anizah binti Othman yang telah meninggal dan mungkin kena bunuh di Kapit dan guru ini memang mengajar di Song kawasan pedalaman di Sarawak. Jadi, mudah-mudahan Allahyarhamah dicucuri rahmat. Mengenai soalan Yang Berhormat bangkit, memang dasar Kementerian Pelajaran ialah untuk memastikan hanya kita menghantar guru-guru lelaki sahaja. Ini dasar kita. Ini kerana kita telah sedar bahawa dari segi keselamatan. Namun demikian, saya sendiri malam tadi telah dapat bercakap dengan pengarah daripada Sarawak kerana masih lagi dihantar guru-guru perempuan yang mungkin dianggap di kawasan pedalaman.

Jadi saya hendak maklumkan kerana terutamanya guru-guru dalam bidang agama ini memang tidak dinafikan ramai wanita dan sebab itu ustazah ini telah pun dihantar ke kawasan Song. Tapi namun demikian saya dimaklumkan bahawa kejadian bunuh ini bukanlah berlaku di dalam kawasan sekolah tapi dalam perjalanan beliau ke Kapit dan dasar kita masih kekal dan kita akan memberikan keutamaan bahawa di kawasan pedalaman hendaklah di hantar guru-guru lelaki. Jadi sebagai mana juga yang telah dimaklumkan bahawa rayuan-rayuan kita terima tapi rayuan-rayuan untuk menolak berkhidmat di kawasan pedalaman ini mestilah munasabah seperti kerana masalah-masalah kesihatan dan juga faktor-faktor keselamatan. Terima kasih.

14. Tuan Chih Tiang Chai minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimana kementerian hendak menghalang kehilangan modal insan yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan tinggi akibat penghijrahan ke negara lain (brain drain) yang merupakan satu trend yang sering dialami oleh negara-negara sedang membangun termasuk juga negara kita, nyata suatu kerugian besar kepada negara setelah kerajaan berbelanja berbilion-bilion ringgit dalam sistem pendidikan kita untuk mendidik golongan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Tuan Yang di-Pertua, bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak boleh menghalang penghijrahan keluar modal insan yang mempunyai kemahiran...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau jawapan Yang Berhormat tak begitu panjang akan memberi peluang kepada rakan-rakan dalam barisan pentadbiran untuk menjawab juga, kalau boleh secara ringkas.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: ...dan pengetahuan yang tinggi ke negara lain. Di antara sebab penghijrahan ini berlaku adalah gaji dan syarat-syarat perkhidmatan yang lebih lumayan ditawarkan oleh syarikat di luar negara menjadi faktor penyebab utama penghijrahan

keluar ini berlaku. Penghijrahan rakyat Malaysia ke negara lain untuk mendapatkan pekerjaan perlu dilihat dari sudut yang positif seperti:

- (i) menimba ilmu dan kepakaran baru semasa bekerja di luar negara,
- (ii) membina *networking* dengan syarikat-syarikat atau organisasi di luar negara yang boleh menyumbang dari segi kerjasama teknikal, pemindahan, teknologi atau bagi tujuan meluaskan pasaran perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan mereka akan pulang juga ke Malaysia atas pelbagai faktor yang mana akhirnya akan menyumbang kepada pewujudan *full of talent* yang dinamik bagi negara ini. Hal ini akan menjadikan tenaga kerja Malaysia lebih berdaya saing dan mampu menangani era globalisasi. Bagi makluman Dewan ini, kerajaan tidak menganggap isu ini sebagai satu fenomena yang serius.

Namun begitu, kerajaan sedang berusaha untuk menarik kembali tenaga kerja yang berkepakaran terutama saintis yang sedang bekerja di luar negara untuk kembali bekerja di negara ini. Sehubungan dengan itu kerajaan melalui KSM telah mengadakan satu program khas bagi menarik rakyat Malaysia yang berkepakaran yang berada di luar negara untuk kembali bekerja di Malaysia.

Menerusi program berkenaan yang telah diadakan sejak 2001, seramai 1,011 permohonan telah diterima dan dipertimbangkan dan daripada jumlah itu 499 permohonan telah diluluskan. Kerajaan juga sedang berusaha untuk mempergiatkan promosi program khas ini ke luar negara supaya lebih ramai lagi rakyat negara ini yang berkepakaran balik bekerja di Malaysia. Promosi ini akan bertumpu seperti di Amerika Syarikat, United Kingdom, Jepun, China dan juga lain-lain negara termasuk timur tengah. Kerajaan sentiasa mengkaji agar program ini akan dapat memberikan keuntungan kepada negara dan sentiasa relevan dengan keadaan semasa. Program khas ini juga sedang diusahakan untuk dilaksanakan secara lebih giat lagi di negara-negara berkenaan. Terima kasih.

Tuan Chiu Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya berpendapat salah satu cara untuk mengelakkan masalah ini ialah dengan menanamkan semangat *a sense of belonging* kepada negara. Adakah program-program kerajaan dibentuk ke arah ini terutamanya menanamkan semangat di dalam setiap pelajar yang pergi ke luar negara. Berapakah pakar-pakar kita di luar negara dan di manakah negara tersebut. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih. Memang usaha-usaha untuk menanamkan sikap jati diri (*sense of belonging*) kepada pekerja-pekerja mahir terutama pakar-pakar profesional kita sentiasa dibuat dari dahulu sehinggalah sekarang. Namun terdapat faktor-faktor tarikan yang lebih kuat di negara-negara berkenaan yang menyebabkan mereka kurang memberikan sambutan untuk pulang ke negara ini. Jumlah pakar-pakar Malaysia yang disifatkan pakar ialah mereka yang mempunyai *master*, yang mempunyai *first degree*, *master* dan Ph.D berjumlah lebih kurang 30,000 orang dan negara-negara yang ada ialah:-

- (i) United Kingdom,
- (ii) Amerika Syarikat,
- (iii) Singapura,
- (iv) Brunei,
- (v) Australia,
- (vi) Jepun,
- (vii) Taiwan,
- (viii) Hong Kong,
- (ix) Kanada,
- (x) China,
- (xi) Negara-negara timur tengah yang lain.

Terima kasih.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya ialah dalam era internet dan teknologi terkini adakah kerajaan mengkaji mekanisme yang efektif untuk memastikan golongan yang berkemahiran tinggi ini boleh terus menyumbang idea ke dalam negara tanpa pulang ke Malaysia.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Memang kita mempunyai laman-laman web kita yang tersendiri dan ini merupakan salah satu agenda untuk kita memperoleh tenaga-tenaga pakar pulang ke negara ini.

Selain daripada itu juga kita juga turut membawa mereka pulang dalam seminar-seminar ataupun program-program tertentu apabila kita adakan di negara ini dan yang terakhirnya kita terus berusaha untuk mereka ini pulang ke negara kita dengan mempelbagaikan promosi. Di antara promosi yang kita tawarkan iaitu mengadakan program khas. Antaranya kita memberikan mereka ini semua barangan persendirian yang dibawa balik dikecualikan daripada cukai, dua buah kereta yang dibawa balik juga dikecualikan daripada cukai, isteri ataupun suami dan anak pemohon yang bukan rakyat Malaysia diberi taraf pemastautin tetap (PR) dalam tempoh enam bulan. Begitu juga kita memberi pelbagai insentif yang lain. Saya tak hendak huraikan panjang kerana tak ditanya soalan itu. Walau bagaimanapun, ia berkaitan dengan usaha kita untuk memastikan bahawa pakar-pakar kita ini sentiasa diberikan peluang untuk pulang. Terima kasih.

Puan Siw Chun a/p Eam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian mempunyai statistik mengenai jumlah keseluruhan bilangan rakyat Malaysia yang berkemahiran atau berkepakaran mengikut bidang-bidang masing-masing yang masih bekerja atau berkhidmat di luar negara. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Sebagai mana yang telah saya sebutkan tadi iaitu seramai lebih kurang 30,000 orang rakyat Malaysia yang berkepakaran berada di luar negara terutamanya di negara-negara yang telah saya sebutkan tadi. Terdapat 10 bidang utama yang menjadi tumpuan kepada pakar-pakar kita bekerja di negara-negara berkenaan;

- (i) bidang ICT,
- (ii) bidang sains dan teknologi,
- (iii) bidang industri,
- (iv) bidang kesenian dan juga kebudayaan,
- (v) bidang kewangan,
- (vi) bidang perakaunan,
- (vii) bidang ekonomi,
- (viii) bidang *medical and health*,
- (ix) bidang maritim, dan
- (x) bidang *aerospace*.

Ini adalah merupakan sepuluh bidang utama tetapi kalau kita pecahkan ia mempunyai sejumlah 365 sub bidang. Jadi inilah di antara bidang-bidang serta sub bidang. Sub bidang ini kalau yang mahu boleh kita keluarkan kerana 365 ini terlalu banyak. Terima kasih.

15. Tuan Lee Sing Chooi minta Menteri Pelajaran menyatakan bagaimana melaksanakan kenyataan menteri tentang "*Ultimate Objective*" dalam Laporan Razak sudah tidak sesuai lagi kerana perkembangan pendidikan terkini, dan apakah tindakan selanjutnya.

Timbalan Menteri Pelajaran [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, sistem pendidikan kebangsaan yang diguna pakai sekarang masih berlandaskan penyata-penyata sedia ada iaitu Penyata Razak, Penyata Rahman Talib, Laporan Kabinet serta Akta Pendidikan 1996. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perakuan-perakuan utama dalam Penyata Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960 telah menjadi asas kepada Akta Pelajaran 1961. Akta tersebut memaktubkan Dasar Pendidikan Kebangsaan yang masih dilaksanakan sehingga sekarang. Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dalam tahun-tahun akhir 50-an dan awal 60-an dan 70-an memberikan tumpuan kepada aspek kuantitatif berteraskan prinsip pendemokrasian pendidikan dalam usaha membangunkan bangsa Malaysia yang bersatu padu dan harmonis.

Namun demikian, Jawatankuasa Kabinet telah pun mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran pada 1979 dan telah memperakukan beberapa cadangan untuk memperkemas dan memperkukuh pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan dengan memberi peningkatan kualiti pendidikan.

Ke arah mencapai Wawasan 2020, asas perundangan bagi pelaksanaan dasar dan sistem pendidikan kebangsaan diperkukuhkan lagi melalui Akta Pendidikan 1996. Dalam usaha meningkatkan kualiti dan ekuiti serta bersesuaian dengan pendemokrasian pendidikan, pendidikan wajib di peringkat rendah telah diperkenalkan mulai tahun 2003. Bagi memantapkan lagi sistem pendidikan negara, Kementerian Pelajaran telah merangka Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang akan memberi fokus kepada enam teras selari

dengan misi nasional Rancangan Malaysia Kesembilan. Pelan ini juga merupakan satu dokumen perancangan pembangunan yang bersepadu, komprehensif, menyeluruh dan bersesuaian dengan perkembangan pendidikan masa kini. Terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dengan jawapan kementerian saya ucapkan yang mana Pelan Induk Pembangunan Pendidikan itu yang baru-baru ini adalah mengimbangkan usaha kementerian untuk memajukan pendidikan di negara kita ini kerana perkembangan yang terkini, maka Menteri Pelajaran kita, seorang pemimpin yang muda, pemimpin yang berwibawa telah menyatakan bahawa *ultimate objective* dalam Laporan Razak itu sudah tidak terpakai dan tidak sesuai.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalnya, Yang Berhormat.

Tuan Lee Sing Chooi: Saya ingat kenyataan ini kenyataan Menteri Pelajaran. Dia tidak akan cakap satu dan bikin tidak serupa. Kenyataan itu ada dicakap semasa temu ramah di surat khabar dan adakah itu direkodkan di kementerian? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pasti kenyataan yang dibuat oleh menteri. Tetapi seperti mana yang saya nyatakan tadi bahawa Akta Pendidikan yang kita guna dan dasar-dasar pendidikan ini masih lagi ada kesinambungan daripada Laporan Razak. Saya hendak jelaskan bahawa Pelan Induk Pembangunan Pendidikan ini, ia bukan merupakan satu polisi yang baru, bukan merupakan satu penyata yang baru. Tetapi PIPP ini hanyalah satu cara yang menyeluruh bagaimana kita hendak melaksanakan segala dasar-dasar dan juga polisi-polisi yang sedia ada untuk kita menyesuaikan dengan peruntukan RM23 bilion yang diperuntukkan kepada Kementerian Pelajaran, sebab itulah enam teras ini kita tekankan dan kita yakin dengan adanya penekanan enam teras ini akan dapat mencapai matlamat Dasar Pendidikan Negara seperti yang termaktub di dalam Akta Pelajaran.

Saya tidak tahu kenyataan menteri tetapi yang setahu saya, saya tidak pernah dengar kenyataan yang dinyatakan oleh menteri tetapi PIPP itulah bukannya satu dasar baru atau satu polisi baru, hanya pelaksanaan secara komprehensif. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa pelaksanaan sistem pendidikan kita menunjukkan dengan jelas ada kesinambungan daripada laporan-laporan dan dasar-dasar pendidikan yang kita mulakan dahulu. Tetapi tidakkah Yang Berhormat merasa satu penyimpangan telah berlaku dengan adanya pengajaran Matematik dan Sains dalam bahasa Inggeris sekarang? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang sentiasa dinyatakan oleh Kementerian Pelajaran, bahawa dasar kita memperkenalkan bahasa Inggeris untuk mata pelajaran Sains dan juga Matematik, ini hanya boleh dilihat cara keberkesannya ialah menjelang tahun 2008, tahun hadapan. Sebab yang kita sedia maklum, pelaksanaan ini ialah untuk kita memberikan ruang kepada pelajar-pelajar kita untuk bukan sahaja dia boleh

bercakap bahasa Inggeris, tetapi dia boleh menggunakan ilmu yang ada kerana dalam zaman globalisasi ini, kita lihat *access internet* pun boleh dikatakan banyak di dalam bahasa Inggeris.

Namun demikian saya tidak nafikan perkara ini memang sering dibahasakan tetapi seperti mana yang dinyatakan bahawa kita kena tunggu dan lihat yang mana tempoh cohort yang pertama ini – sekarang baru tahun lima, tahun depan ialah tahun enam. Saya percaya apabila sampai masanya nanti, mungkin akan dilihat semula. Tetapi oleh itu Yang Berhormat Dato' Senator, saya minta kita tunggulah sampai tempoh tahun depan dan mungkin pada masa itu sesuai untuk dibuat ulasan selanjutnya. Buat setakat ini, kita akan teruskan dasar yang sedia ada. Terima kasih.

16. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan bentuk bantuan yang telah dilaksanakan bagi memastikan budaya dan kesenian bangsa Orang Asli yang menunjukkan identiti Malaysia dapat dipertahankan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Dato' Wong Kam Hoong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang untuk saya menjawab soalan nombor 16. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia iaitu KeKKWa memberi perhatian kepada pembangunan seni dan budaya semua rakyat Malaysia, termasuk Orang Asli. Langkah-langkah yang telah, sedang dan akan terus dilaksanakan untuk memastikan budaya dan seni Orang Asli terus dipertahankan adalah seperti berikut:

- (a) Pembangunan infrastruktur budaya dan seni Orang Asli:
 - (i) Muzium Orang Asli di Gombak - Ikhwal melalui Jabatan Muzium Malaysia dalam proses mengambil alih pengurusan dan pentadbiran Muzium Orang Asli Gombak daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Di samping itu KeKKWa juga menaikkan taraf galeri dan bangunan-bangunan lain seperti perpustakaan, stor, kompleks cenderamata dan dewan serba guna, keindahan landskap dan persekitaran;
 - (ii) Kraf tangan Orang Asli - KeKKWa memberi pelbagai jenis bantuan iaitu, latihan, bimbingan teknikal, pembangunan dan promosi produk. Sebanyak tujuh perkampungan Orang Asli sedang diberi bantuan oleh KeKKWa iaitu satu di Selangor, tiga di Pahang dan tiga di Kelantan.

Program pembangunan perkampungan budaya orang Asli kaum ... di Pulau Carey, Selangor. Sebagai contoh, sedang dilaksanakan dengan jumlah yang diluluskan sebanyak RM6.09 juta di mana pembangunan fizikalnya meliputi bengkel kraf dan

peralatan, pusat jualan kraf, pusat kebudayaan dan kesenian, pusat penerangan, restoran serta rumah tumpangan berkonsepkan chalet dan seni tempatan.

Aktiviti yang akan dijalankan meliputi Skim Latihan Seni Budaya dan Warisan serta latihan pembuatan kraf. Bantuan yang diberi di perkampungan Orang Asli yang lain pula meliputi bimbingan teknikal, bekalan bahan mentah dan pembangunan prasarana.

- (b) Pembangunan budaya dan kesenian Orang Asli.
 - (i) Pameran seni budaya Orang Asli di Muzium Negara dan muzium-muzium negeri di seluruh negara;
 - (ii) Tarian-tarian dan busana masyarakat Orang Asli dimasukkan dalam senarai persembahan untuk semua acara-acara rasmi yang diselenggarakan oleh KeKKWa sama ada di peringkat negara, negeri ataupun daerah;
 - (iii) Promosi seni budaya - Mempromosikan seni budaya Orang Asli di dalam negeri melalui Program Merakytakan Seni atau PMS dan di luar negeri melalui Program Minggu Kebudayaan Malaysia di London dan negara-negara lain di bawah anjuran KeKKWa;
 - (iv) Penyelidikan - Penyelidikan dan pengumpulan bahan mengenai kesenian dan warisan Orang Asli bagi tujuan penerbitan sebagai bahan rujukan.
 - (v)

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL
MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN
SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong”, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen yang Kesebelas.”

[9 Mei 2007]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan Negara mempunyai dua hari lagi untuk memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian di atas Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong bagi membolehkan aturan bagi Ahli-ahli Dewan Negara berucap. Ini kerana Dewan Negara sebolehnya hendak memberi peluang kepada setiap ahli untuk mengambil bahagian. Kalau kita berpakat sesama kita dan bekerjasama berucap di atas perkara-perkara dasar tidak perlu kita mengulangi perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan, saya yakin dan percaya kita dapat menghabiskan urusan kerja kita pada hari Isnin ini.

Oleh kerana itu saya ingin tahu berapa orang ahli yang bercadang untuk berucap pada hari ini.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Sembilan orang. Baik, terima kasih. Saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik untuk berucap.

11.51 pg.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah pada Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Parlimen Kesebelas pada 19 Mac 2007.

Kita semua menjunjung kasih di atas Titah Baginda yang menyeluruh dalam aspek baik dari segi bencana alam di Malaysia ini sebagai ujian Allah s.w.t hinggalah kepada kesyukuran di atas pencapaian yang telah dibuat oleh pemimpin kita, khususnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sebelum saya melanjutkan ucapan saya di dalam perbahasan Titah Tuanku ini izinkan juga saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ir. Wong Foon Meng yang telah disambung jawatannya selaku senator dan juga seterusnya selaku Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Semoga orang-orang yang di belakang ini juga akan turut serta disambung perkhidmatan, ramai yang takut tidak disambung nampaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan pada hari ini 10 Mei, esok 11 Mei yang merupakan hari ulang tahun UMNO iaitu hari yang ke-61 dan saya mendoakan supaya UMNO akan terus diberi taufik dan hidayah kepada pemimpin-pemimpin oleh Allah S.W.T. di dalam memandu negara kita ini ke arah yang lebih cemerlang pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda Tuanku telah menyentuh tentang hal pejuang-pejuang yang terdahulu daripada kita, hinggalah kita mencapai kemerdekaan dalam tahun 1957. Tahun ini kita akan merayakan kemerdekaan kita yang ke-50, setengah abad lamanya kita merdeka. Bunyinya pendek dalam masa 50 tahun tetapi percayalah pencapaian kita amatlah bermakna sekali serta penuh dengan kesyukuran yang telah dikurniakan oleh Allah S.W.T

Kemerdekaan ini tidak datang bergolek begitu sahaja dan ia tidak bermakna jikalau kita masih lagi dibelenggu dalam kemiskinan, masih lagi dalam kedaifan dan masih lagi dalam keadaan *illiterate*, dengan izin. Apa yang kita capai setakat hari ini ialah ia tidak dirancang. Sudah tentu kita berterima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita, bangga dan terhutang budi kepada pemimpin-pemimpin kita yang terdahulu yang memerintah dan memimpin kita rakyat Malaysia sehingga sampai kepada keadaan seperti ini. Inilah yang dikatakan pemimpin-pemimpin yang berwawasan.

Kestabilan politik yang ada sekarang ini, keamanan yang dijaga oleh polis dan tentera tidak boleh kita abaikan. Malah keadaan perancangan ekonomi pun telah dirancang dengan begitu rapi. Kesemuanya sekali ini telah memberikan kepada kita satu negara yang perlu kita sama-sama kasihi dan junjung. Bahagian kuasa dalam negara kita ini juga yang berbilang kaum telah membawa kejayaan. Saya rasa tidak perlu saya menyentuh lebih lanjut lagi dan mendalam di atas Titah Ucapan Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong kerana ia telah meliputi segala-galanya dalam aspek-aspek kenegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh secara mikro sahaja di dalam pembahasan ini, khususnya dalam konteks penyampaian dan pelaksanaan. Ia penting pada

pandangan saya oleh kerana penyampaian dan pelaksanaan ini kalau tidak diberi penelitian yang khusus maka sudah tentu ia akan mendapat kegagalan akhirnya. Kalau pelaksanaan perancangan ini tidak baik ia akan membawa satu keputusan ataupun *result*, dengan izin yang tidak dapat menyempurnakan hasrat yang sebenarnya.

Saya ingin memulakan perbincangan ini dengan hal pencen. Kita merasakan bahawa tiap-tiap warga, rakyat Malaysia yang telah berkhidmat dengan kerajaan mendapat pencen. Pencen ini merupakan salah satu sumber kepada mereka untuk menyara hidup mereka pada masa-masa yang akan datang. Kita lihat mereka yang telah berjasa kepada negara pada saat ini telah membawa satu nikmat yang begitu baik yang telah kita rasai sekarang ini dan setiap pegawai kerajaan tentu telah biasa dengan keadaan seperti ini.

Tetapi dengan kos hidup yang semakin naik iaitu kos rawatan, kos pengangkutan dan kos rumah pun naik. Malah semuanya naik, termasuklah umur pun naik. Yang turun hanya urat saraf di badan kita sahaja dan anggota-anggota kita sahaja yang menurun, yang lainnya sudah naik dengan keadaan kos yang tidak dapat ditanggung oleh orang-orang pencen ini. Tetapi mereka terpaksa hidup di dalam keadaan dunia ini, tidak boleh lari. Mereka terpaksa menghadapi segala kos yang naik ini dan sudah tentu keadaan seperti ini akan membebankan mereka.

Kita ambil contoh seorang kerani, dahulu gajinya agak lumayan. Kalau dia pencen pada lima, enam tahun yang lepas mungkin dia akan mendapat dalam RM700 ke RM800 sahaja sebulan. Untuk menyara hidup suami dan isteri sudah tentu ia tidak mencukupi.

Dengan keadaan api, air, makan yang terus meningkat. Jadi saya menyarankan ataupun mencadangkan supaya kerajaan mengkaji balik keadaan orang-orang yang pencen itu. Sudah tentu ada satu indeks ke. Ada satu cara supaya tidak tunggu permohonan satu badan untuk mengkaji kenaikan ini sampai sepuluh tahun yang akan datang ataupun lima belas tahun yang akan datang barulah ia (*Masalah rakaman*) tetapi dikaji mengikut keadaan indeks-indeks. *consumer price index* kah? Atau apa-apa indeks yang boleh diguna pakai untuk memberi kehidupan yang lebih selesa kepada mereka yang satu ketika dahulunya sebahagian daripada pembangunan negara kita yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap tentang hal naik, sudah tentu ada perkara-perkara yang lain juga naik. Saya tidak boleh lari daripada keadaan barang-barang binaan yang naik. morning

Baru-baru ini kedengaran begitu heboh kenaikan harga besi yang begitu banyak. Harga besi sebelum dinaikkan ia satu bahan yang dikawal oleh kerajaan. Sebelum ia naik ialah RM1,630 sampai ke RM1,790. Kerajaan telah memberi kenaikan sejumlah 20% dan telah memberi kenaikan sejumlah RM1,884. Ada RM2,010 lebih daripada saiz besi. Itu puratanya RM300 lebih tiap-tiap satu metrik tan, kenaikan kadar besi. Apa yang menyedihkan ini ialah pengeluar-pengeluar besi yang hanya ada lima saja dalam negara kita ini masih lagi tidak mengikuti harga-harga yang telah diluluskan oleh pihak kerajaan.

Mereka masih lagi menggunakan harga besi dengan kadar yang jauh lebih daripada yang diluluskan oleh kerajaan. Saya memberi contoh, harga dahulunya kalau RM1,630 kita kena bayar RM500 lebih di bawah kaunter mengikut keadaan-keadaan tertentu. Kalau tidak bahan itu tidak sampai ke tapak pembinaan. Sekarang ini dengan kenaikan RM300 dia masih lagi meminta RM200 di bawah meja untuk sampaikan barang-barang ini. Saya mengatakan ini oleh kerana ianya peringkat antarabangsa. Jualan besi di Singapura, di Thailand ataupun di Indonesia hanyalah (*masalah rakaman*) tetapi di Malaysia ini sampai RM2,000 lebih, kalau kita lihat di Singapura sahaja bahan bakarnya sudah sememangnya tidak ada dan memang lebih mahal daripada Malaysia dan kita masih lagi menjual bahan ini lebih daripada Singapura ataupun Indonesia. Yang menjadi persoalan saya ini, mengapakah kelima-lima pengilang besi yang telah bertahun-tahun menunjukkan laporan tahunannya beruntung beratus-ratus juta masih lagi memeras ugut kerajaan, tidak mahu menyampaikan bahan-bahan ini.

Akhirnya, akibatnya ialah Rancangan Malaysia Kesembilan terbantut. Akibatnya, kontraktor-kontraktor akan menanggung rugi. Akibatnya gulung tikarlah kontraktor-kontraktor, akibatnya yang membeli rumah sudah tentu harganya akan menjadi lebih mahal. Akhirnya, yang untungnya hanya lima pengilang ini sahaja. Kita ada 70,000 kontraktor, kita ada sekarang 10,000 pemaju perumahan. Kita ada berjuta-juta orang yang membeli rumah. Hanya lima pengilang ini sahaja masih lagi ingkar untuk mengikut ataupun mengikut arahan yang diperuntukkan oleh kerajaan. Di manakah kewibawaan kerajaan dalam hal ini? Saya menyeru kepada Kementerian Hal Ehwal Pengguna supaya mengambil tindakan dengan sekeras-kerasnya kepada pengeluar-pengeluar besi.

Lanjutan daripada itu Tuan Yang di-Pertua bukan besi sahaja, susulan daripada itu bahan-bahan yang berkaitan dengan besi turut naik. Sekarang ini kedengaran bahawa simen pula yang pula pada bulan November telah naik 10% hendak dinaikkan lagi sebanyak 15% ke 20%. *Plywood* akan dinaikkan lagi. Bahan kayu kalau kita sebagai kontraktor gunakan bahan kayu ini, kayu *cap cai* yang dikatakan untuk membuat *form work* dulunya RM300, sekarang ini RM800. Itu pun kena bayar dulu.

Suatu ketika dahulu kita boleh mendapat kredit. Tiga bulan yang lepas dipanggil COD (*Cash On Delivery*) dengan izin. Sekarang ini *Cash Before Delivery*. Mana boleh kita berniaga *Cash Before Delivery*. Bayar dulu sepuluh bulan yang kemudian, seminggu kemudian barulah dapat. Inilah angkara-angkara mungkin kerajaan terlalu memberi muka kepada pembekal-pembekal ini oleh kerana Rancangan Malaysia Kesembilan (*masalah rakaman*) banyak.

Dr. Hj. Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan kenaikan harga bahan-bahan binaan ini seperti besi keluli tadi dan simen dan sebagainya. Satu lagi ialah batu kasaran. Kontraktor-kontraktor kelas F khususnya akibat daripada banyaknya projek yang dikeluarkan oleh kerajaan sama ada PIAS, PEKA dan sebagainya ini. Sekarang ini proses pengundian itu sedang berlaku, semakin banyak

kerja yang diperoleh sebenarnya. Tetapi rupa-rupanya ia ada kesan sampingan yang lain iaitu soal bekalan tadi termasuklah simen dan sebagainya.

Tetapi yang pasti kalau tempat saya yang berlaku ialah soal batu kasaran. Batu kasaran pun harga naik dan saya amat terkejut ialah batu kasaran ini dihantar ke Singapura. Mereka lebih suka menghantar batu kasaran ini dijual di Singapura berbanding dengan kontraktor-kontraktor yang sedia ada tetapi kontraktor yang mempunyai hubungan yang baik di tempat lain. Katalah dia ambil bekalan daripada Negeri Sembilan, dia tidak apalah, dia sudah biasa. Sebab mungkin dia sudah lama. Tetapi kontraktor-kontraktor kecil yang lain ini dia menjadi masalah sebenarnya.

Jadi itu yang saya bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu bahawa perkara ini sudah menjadi berulang-ulang seolah-olah tidak ada satu pendekatan yang mana kita boleh menyelesaikan sekali gus sebenarnya. Dua, tiga tahun berbangkit lagi dan kita pun penat bercakap perkara begini. Jadi katalah besi keluli tadi, apakah sebagai orang yang berpengalaman, sebagai kontraktor dan Yang Berhormat pun ada presiden persatuan kontraktor. Apakah tidak ada satu pendekatan cara iaitu bahawa bagaimana masalah-masalah ini diselesaikan sekali gus dan tidak berulang-ulang? Maksudnya kalau tidak, orang akan terus mengeksport keadaan ini, kerja banyak tetapi kontraktor bermasalah juga. Itu yang ingin saya minta pandanganlah sebenarnya.

Datuk Hj. Roslan bin Awang Chik: Saya berikan kepada Dato' Tajul sekali gus hendak jimatkan masa.

Dato' Tajul Urus bin Hj. Mat Zain: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengakui bahawa hari ini kontraktor menghadapi masalah dari segi pembekalan barang-barang pembinaan dan sebagainya. Tetapi tidakkah ini disebabkan oleh tindakan kerajaan sendiri yang telah melonggokkan semua kontrak-kontrak semua kerja pada masa ini. Sedangkan dua, tiga tahun yang lepas kita melihat ada berlaku kekosongan dari segi kerja ini. Bukan kerana kita mengamalkan dasar demokrasi. Maknanya bila ada banyak permintaan, maka tawarannya itu akan menjadi masalah. Jadi ini saya rasa satu masalah berpunca daripada longgokan kerja dalam masa satu masa yang singkat.

Yang kedua, masalah besi keluli. Tidakkah boleh pada masa ini sejauh mana saya dimaklumkan Yang Berhormat, boleh saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat. Mengenai besi keluli ini saya dimaklumkan bahawa di Malaysia kita hanya mempunyai satu syarikat sahaja yang menjadi pembekal utama besi keluli ini. Maka ia memonopoli? Adakah ini betul? Kalaulah ini betul, mengapa pihak kerajaan dalam menghadapi masalah kekurangan besi keluli ini tidak membuka peluang kepada syarikat-syarikat yang lain untuk membawa masuk besi keluli ini? Terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kaitkan pada *crusher-run* yang dikatakan tadi memang sudah tentu *crusher-run* ini merupakan satu bahan

yang agak mustahak sekali untuk membuat jalan. *Crusher-run* adalah hasil daripada kuari untuk.... [*Masalah rakaman*] batu kerikil untuk membuat bancuhan dengan simen dan sebagainya. Tetapi yang penting di sini kenaikan harga ini memang tidak dapat dinafikan tidak dapat dikawal. *Crusher-run* bukan di bawah kawalan harga-harga yang telah ditetapkan dan eksportnya memang ianya akan memberikan eksport ini khususnya kepada Singapura yang akan membeli dengan lebih mahal lagi. Begitu juga pernah satu ketika dahulu pasir dan sebagainya. Perkara seperti ini memang tak boleh kita kawal sekali gus sebabnya kalau kita ikut yang dipohon sekarang ini mengikut *international price index*, kita juga akan rugi. Akhirnya akan dimainkan oleh penentu-penentu di peringkat antarabangsa.

Kepada kerja-kerja ataupun longgokan kerja. Ini berlaku pada tahun 1999 satu ketika dahulu di mana dikeluarkan jumlah sekolah yang begitu banyak dan akhirnya kenaikan harga barang yang pertama sekali ialah cerucuk atau *piling pipe*. *Piling* ini akan naik harga. Saya meramalkan kerajaan akan mengalami satu *choking - choke*, keadaan bahan ini akan menjadi kekurangan. Yang pertama sekali pada apabila tender-tender yang telah dikeluarkan ini akan diberi kepada kontraktor. Yang pertama sekali dia akan menghadapi masalah ialah cerucuk. Saya ramalkan pada enam bulan akan datang, kebanyakan kontraktor akan terkejar-kejar untuk membeli cerucuk-cerucuk ini sebab ianya merupakan asas (*foundation*) yang penting di dalam membuat sesuatu bangunan. Begitu juga dengan agregat yang dikatakan tadi, *crusher-run* dan sebagainya ia merupakan satu benda yang penting di dalam permulaan mana-mana projek kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga pergi kepada perkara-perkara yang lain selain daripada kenaikan harga barang-barang ini yang mana saya telah meminta supaya kenaikan harga-harga ini akan terus dikawal oleh penentu. Saya ramal cat akan naik, saya ramal kesemua barang-barang binaan akan naik. Kita kena faham bahawa tiap-tiap RM1 yang kita belanja di atas kontrak 58.8% adalah kos bahan binaan. Tak boleh lari. Nak tak nak 58% ataupun 60% telah kita katakan adalah bahan binaan. 5% sahaja naik sudah akan membuatkan kesusahan kepada kontraktor utama di dalam jumlah keuntungan untuk menyiapkan kerja-kerja ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus kepada perkara-perkara yang lain lagi iaitu bercakap tentang hal industri pembinaan ini juga iaitu terlalu banyak kita lihat tender-tender telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan sekarang ini. Tetapi masih ada juga masalah kepada kontraktor-kontraktor yang masih lagi belum mendapat kerja dan sebagainya. Kita lihat, kita memohon khusus kepada pihak lembaga tender untuk meneliti dengan lebih mendalam dan juga kepada JKR ke kepada mana-mana agensi yang berkait dalam hal ini supaya melihat supaya mengagihkan sama rata sedikit sebanyak.

Saya memberi contoh di dalam katakan khusus dalam LPT iaitu Projek LPT Lebu Raya Pantai Timur di mana ada 12 tender yang telah dikeluarkan. Daripada 12 tender ini kita lihat ianya memberi kepada satu buah syarikat sampai tiga tender, tiga tender memberi beratus-ratus

juta kepada satu kontraktor. Ini merupakan satu, bukan saya kata tidak adil. Ini satu [Masalah rakaman]..... yang mungkin diberi. Tapi dari segi *distribution of wealth* dengan izin, ianya mungkin tidak saksama. Dan kalau kita lihat juga kalau contoh juga tawaran-tawaran yang lain, baru-baru ini dua hari yang lepas satu kontraktor sahaja diberi RM1 bilion untuk mencuci sungai dan ini mengakibatkan bahawa satu kontraktor dapat RM1 bilion khusus untuk mencuci sungai.

Mungkin ini satu kerja yang *specialization*. Tapi kalau tidak diberi peluang kepada kontraktor-kontraktor yang lain, sudah tentu tidak akan dapat ianya *specialize* dalam bidang-bidang ini. Hanya satu kontraktor sahaja yang akan menjadi *specialize*. Dengan pemberian oleh kerajaan seperti ini, saya khawatir suatu hari nanti yang berlakunya pula seperti berlaku di dalam Maxis. Saya tak akan sentuh...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya.

Dato' Omar bin Faudzar: Satu ketika dahulu Yang Berhormat ya, kalau kita ingat kita ada kontraktor berwibawa hampir 600 kontraktor bumiputera berwibawa dan selepas daripada kontraktor berwibawa, kita muncul pula satu lagi ini kontraktor berpotensi. Tujuan kita adakan kontraktor berwibawa adalah kerana kita nak pastikan kontraktor-kontraktor ini kita kekalkan, kita majukan dia lagi ke hadapan sebab mereka ini adalah kontraktor-kontraktor yang memang kontraktor-kontraktor yang baik-baik belaka. Tapi malangnya hari ini kontraktor-kontraktor ini sepatutnya seperti mana yang saya difahamkan bahawa kontraktor-kontraktor yang mendapat taraf berwibawa, mereka-mereka ini diberi kontrak secara *negotiated tender* ataupun *by invitation*. Tapi malangnya hari ini kontraktor-kontraktor ini tak dipanggil untuk *negotiate* ataupun *by invitation*. Mereka ini terpaksa melalui *open tender* sedangkan masih ada lagi kontrak-kontrak yang diberi secara runding terus. Jadi objektifnya yang pada peringkat awal yang kita tubuh kontraktor berwibawa dan seterusnya berpotensi semuanya gagal. Tak guna kalau kita tubuh sesuatu tapi akhirnya kita biarkan kontraktor-kontraktor, hampir 20%-30% kontraktor berwibawa yang dah hampir-hampir gulung tikar sebab tak dapat kontrak. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya, terima kasih Yang Berhormat Senator. Kontraktor berwibawa berjumlah 294 pada 1994 yang telah diperkenalkan oleh kerajaan satu ketika dahulu. Sekarang ini mengikut jumlah yang diberi kepada saya ada 70 orang sahaja lagi daripada tahun 1994. Yang lainnya terpaksa gulung tikar dan sebagainya. Satu ketika dahulu, kontraktor berwibawa hasratnya begitu baik, diberi tender-tender yang begitu banyak. Ada yang telah pergi kepada Bursa Saham seperti... [Masalah rakaman], seperti Ahmad Zaki, seperti dua sahaja saya rasa yang telah sampai ke Bursa Saham. Yang lainnya ada yang tidak begitu maju.

Yang menjadi masalah ialah pelaksanaan yang saya katakan tadi. Sebab itu saya nak pergi kepada *micro management* ini yang oleh kerana apabila dia nampak diberi begitu longgok

sampai RM1 bilion sesuatu kontrak, kontraktor wibawa yang lain hanya dapat RM10,000, RM10 juta. Satu kontraktor dapat RM1 bilion lebih, satu kontraktor dapat RM10,000. Ini perbezaan yang dilaksanakan oleh pihak yang berkenaan. Tidak saksama. Ini yang menyebabkan kegagalan. Idea yang baik tetapi pelaksanaan yang tidak baik yang sebagaimana ucapan pendahuluan saya... *[Masalah rakaman]*. Atas daripada itu, kita ada tubuh di peringkat negeri-negeri ataupun melalui kontraktor berpotensi pula. 1,000 orang lebih telah *[Masalah rakaman]* dikenal pasti sebagai berpotensi tetapi akhirnya *[Masalah rakaman]*... sampai hari ini persatuan kontraktor berwibawa telah tak ditubuhkan. Tuan Yang di-Pertua,

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Minta laluan Yang Berhormat. Sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya memohon untuk mencelah sekali lagi sebab saya dapat merasakan sekarang bahawa RMK-9 ini telah ada dia punya impak dari segi kerja-kerja yang diberikan kepada kontraktor sebenarnya.

Tetapi dalam soal tender tadi, sebut harga itu, saya ingin mencadangkan sebenarnya iaitu barangkali perlu dirombak sistem tersebut, sebut harga ini. Sebab Yang Berhormat ada membangkitkan tadi iaitu apabila dia sebut harga 4, 5 syarikat yang sebenarnya pun adalah daripada syarikat yang sama masuk tender sebut harga. Kita amat keliru iaitu kadang-kadang orang nombor satu dapat, kadang-kadang nombor lima dapat, ada orang cuba hendak nombor satu tidak dapat pula, nombor sepuluh pula dapat.

Jadi, yang ini kita keliru iaitu bagaimana dia ditentukan dan kadang-kadang ada juga dia berpandangan di kalangan Jawatankuasa Tender ini dia kata tidak perlu bagi pada orang ini sebab dia kata dia sudah dapat banyak projek. Jadi sebenarnya sebut harga ini bagi saya macam sudah jadi kosmetik sedangkan dia sudah membuat keputusan lebih awal lagi di kalangan Jawatankuasa Tender ini.

Sebab itu saya rasa ini akan menyebabkan berlaku juga rasa tidak puas hati penyelewengan dan sebagainya. Tadi Yang Berhormat ada sebut fasal JKR. Saya dapati sekarang ini bahawa ada di kalangan TA-TA ini pembantu *technician* yang membuat keputusan tentang siapa hendak diberi dan sebagainya. Jadi apakah perkara ini tidak ada cara lain sebenarnya supaya akhirnya nikmat yang hendak diberikan itu dapat kepada satu pihak tertentu dan di kalangan orang-orang yang menentukan tender ini. Sekarang ini TA-TA pun boleh buat keputusan.

Itu yang saya hairan itu dan di mana kita hendak letakkan. Sebab itu saya kata, sekarang ini sudah macam-macam sudah dibuat. Ada guna sistem undi guna skrin sekarang ini dan ada yang sistem main cabut. Itu dan pelbagai dan ada pula diklasifikasikan di kalangan kontraktor kelas F1, F2, F3. F3 terus terkeluar dia kata jual projek. Tetapi yang F2 itu pun saya tengok ada juga sebenarnya orang yang jual projek pun. Jadi itu yang saya bimbang Tuan Yang di-Pertua kenapakah tidak dirombak secara keseluruhan sistem ini, terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Yang Berhormat. Saya fikir Yang Berhormat lebih arif daripada saya dalam hal sebab sampai F1, F2, F3 saya tahu Yang Berhormat telah mendalami sedikit sebanyak apa cara-caranya dari segi cabut undi dan sebagainya kontraktor kelas F. Saya rasa pihak kerajaan lebih arif. Apa cara sekalipun sudah tentu tidak dapat kepuasan mana-mana pihak sebab kerja ada satu kontraktor ada sepuluh atau 50 orang yang masuk. Hanya satu sahaja akan berjaya. Cara mana sekali pun memang sudah tentu tidak akan memberi kepuasan kalau ada 49 lagi.

Jadi, yang lebih penting sini ialah ketelusan supaya menjaga bahawa integriti seseorang yang diberi kuasa itu tanya diri sendiri, "tepek dada tanya selera". Betulkah saya menjalankan tugas ini dengan sebaik mungkin yang boleh tanpa ada sebarang *personnel interest* di dalam ini. Kita buat cara mana sekalipun sudah tentu tidak boleh kita hapuskan ciri-ciri *personnel interest* itu dan sebagainya. Dia sendiri yang telah diberi kuasa itu akan menanya diri sendiri adakah saya membuat satu keputusan yang sebaik mungkin tanpa ada *interests* yang lain.

Saya tidak mahu pergi lebih lanjut di dalam hal ini oleh kerana saya juga hendak kejar kepada bahasa dan saya ingin katakan dalam hal pemberian tender ini supaya lebih saksama *distribution of wealth* dengan izin *distribution of award of tender* dengan izin supaya dengan lebih saksama kepada mereka yang tidak ada kerja lagi. Inilah peluang supaya mereka tidak boleh berkecimpung lagi sebab membina seorang kontraktor memang susah, untuk mematikan seorang kontraktor memang senang. Itu pandangan saya. Begitu juga kita seperti membina seorang anak yang soleh, bukan satu benda yang senang, tetapi untuk memusnahkan dia senang sahaja dengan memberi secucuk jarum, ianya boleh musnah begitu sahaja.

Saya telah menyentuh sedikit sebanyak Tuan Yang di-Pertua, tentang hal Maxis ini. Saya tidak berapa faham dalam hal-hal *corporate affairs* ini. Hanya tertanya-tanya. Pandangan saya dalam hal Maxis ini mungkin balik menjadi *private company* daripada *limited company bhd*. Ini *re-privatization* kalau dengan izin perkataan saya. Jadi saya hanya mungkin hendak [*Masalah rakaman*] saham-saham adakah ianya memanfaatkan ke tidak. Ada rakyat keseluruhannya.

Saya tidak kira kepada indeks, saya tidak kira [*Masalah rakaman*] dan hanya mungkin saya difahamkan bahawa syarikat-syarikat kerajaan pun ada menanam modal yang begitu banyak juga di dalam Maxis ini yang boleh memberi hasil pulangan Seksyen tiap tahun dalam PNB atau ASB ke dan sebagainya. Memberi pulangan setiap tahun dalam unjuran 20 tahun yang akan datang. Maxis ini merupakan satu anak sebahagian daripada saham yang dipegang oleh pihak kerajaan.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Minta laluan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Dengan pembayaran balik ini, menjadi satu syarikat yang kepunyaan sendiri, sudah tentu ianya akan menyekatkan *future distribution of wealth* di masa akan datang. Sila.

Dato' Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana Yang Berhormat telah membangkitkan soal Maxis ini. Saya cuma hendak menimbulkan oleh kerana saya hendak membuat perbandinganlah, baru-baru ini Temasek Holding Singapura telah membeli saham 'Sing Corp' yang Thailand punya yang akhirnya membawa kepada kejatuhan kerajaan demokrasi Thailand. Perkara ini berlaku oleh kerana kerajaan khasnya pihak tentera Thailand merasakan bahawa belian oleh Temasek Holding ini telah membawa kepada masalah dari segi keselamatan.

Jadi apabila Tan Sri Ananda Krishnan telah membuat keputusan untuk menjadikan Maxis daripada syarikat *public listed* kepada syarikat persendirian, ini membawa pengertian bahawa Maxis ini akan dikuasai secara persendirian oleh Tan Sri Ananda. Tidakkah ini juga akan membawa kepada masalah dari segi sekuriti seperti mana yang dicurigai seperti yang berlaku di Thailand itu. Kalau inilah keadaannya, saya rasa ini amat berbahaya kepada sekuriti negara kita ini. Kerana itulah saya rasa perkara ini, walaupun kita mengamalkan dasar ekonomi secara bebas dan tidak ada pihak yang boleh menghalang transaksi orang kata, pengambilalihan secara mesra ini dibuat oleh pihak berkenaan. Tetapi kalaulah sekiranya ianya melibatkan sekuriti, kita rasa pihak kerajaan harus campur tangan. Jadi saya minta pandangan daripada Yang Berhormat, terima kasih.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya terima kasih Yang Berhormat. Saya memang bersetuju dan menyokong penuh pandangan yang telah diberi oleh Yang Berhormat dalam hal Maxis. Perbahasan saya ataupun rasional di dalam perbahasan ini ialah satu ketika dahulu, Maxis ini dipupuk, dididik oleh pihak kerajaan. Dia beri segala keistimewaan untuk menjadi satu syarikat gergasi, di mana kerajaan sendiri pun telah dapat menimba sedikit sebanyak memulangkan balik hasil daripada *investment* yang telah dibuat. Apabila telah menjadi begitu besar dengan adanya satelit sendiri Binariang dengan adanya *investments* baru seperti di India dan sebagainya di mana pihak Maxis ada *right* di India.

Jumlah *subscriber* di India dengan izin begitu besar sekali. Dengan jumlah penduduk 1.1 bilion, sudah tentu kalau ambil 10% sudah memadai jumlah yang ada di India dan kita rasa apabila seseorang itu ambil, ianya menjadi satu *private company*. Kita tolak ke tepi dari segi keuntungan dan sebagainya. Tengok dari segi rasionalnya, rakyat jelatanya hendak seorang kaya ke macam mana? Jadi saya tidak boleh hendak kata baik atau tidak. Dari segi impak ekonominya hanya saya lihat dari segi jangka masa panjang kepada negara kita yang kecil ini, saya rasa tidak adil.

Apabila telah dipupuk dengan begitu baik, *suddenly* apabila yang kaya-kaya ini nak keluar, nak menjadi lebih kaya lagi tanpa memberi keuntungan kepada rakyat jelata yang telah memberi sokongan yang begitu kuat pada suatu ketika dahulu.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat minta laluan.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Okey.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan rakan saya tadi tentang Maxis ini. Kalaulah kerajaan bersetuju apa yang berlaku pada Maxis, memanglah kita tahu dasar terbuka. Tetapi jangan lupa ini sebagai satu dasar. Kalau kerajaan boleh luluskan untuk syarikat ini, maka kerajaan boleh luluskan juga pada syarikat lain.

Kita takut suatu hari nanti bank-bank yang ada Malaysia pun, mana kita tahu kalau orang luar datang atau orang asing datang melaburkan dan menggunakan anak tempatan, ada orang boleh beli bank perseorangan. Apa akan jadi kepada negara kita? Jadi saya percaya kerajaan patut awasi perkara ini, jangan sudah menjadi dasar. Kalau Maxis boleh, kita takut syarikat lain juga dibolehkan. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya, saya rasa pandangan saya dengan pandangan Yang Berhormat Dato' Musa sama. Jadi tidak perlu saya ulas lebih panjang sebab *great thinkers bring alike but I don't want to say further* macam Tuan Yang di-Pertua kata semalam, *polish things alike*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh mula menggulung Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Ya, seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengatakan sedikit sebanyak hal di bawah Kementerian Belia dan Sukan iaitu berkait dengan sukan futsal. Saya hendak mengambil sedikit masa sahaja, sukan futsal ini begitu disukai oleh muda-mudi sekarang ini oleh kerana ia memberi satu *exercise* ataupun sukan baik.

Komen saya hanya tentang masa. Saya lihat masa yang telah diberikan futsal ini tidak begitu baik. Oleh kerana masa sampai pukul 1.00 pagi pergi bersukan dan balik pukul 1.00 pagi, 2.00 pagi atau pukul 3.00 pagi baru tidur.

Pada hemat saya sebagai orang yang tidak berapa faham pasal kesihatan ini, saya lihat ia lebih membawa mudarat kepada kurang sihat. Banyak sakit daripada sihat kerana lazimnya apabila habis pukul 1.00 pagi atau pukul 2.00 pagi, dia pergi ke kedai minum air, makan nasi lemak, roti canai dan sebagainya terus sampai ke rumah dan tidur. Akhirnya pada setiap malam dua hari seminggu atau tiga kali seminggu ianya berlaku begini, maka sudah tertentu akhirnya rakyat kita ini yang muda-mudi ini akan menjadi sakit. Ini oleh kerana semasa tidur itu jantung berdenyut *slow* (perlahan) dan masa untuk menghadamkan roti canai kah, teh tarik kah atau apa yang dimakan itu akan membawa kemudaratan jauh lebih banyak daripada kebaikan futsal.

Jadi saya mencadangkan supaya futsal ini tidak boleh main lebih daripada pukul 2.00 pagi ataupun pukul 10.00 malam. Ini pandangan saya, sebab kita lihat dan kita rasa baik bila anak-anak pergi malam-malam, tetapi balik pada pukul 1.00 pagi atau pukul 3.00 pagi. Saya tidak mahu lagi menyentuh dari segi produktiviti keesokan harinya apabila tidur pukul 3.00 pagi, bangun pukul 10.00 pagi dan sebagainya atau bangun pukul 8.00 pagi. Ini akan membawa satu kemudaratan. Sihat yang dicari tetapi sakit yang dapat. Itu pandangan saya dari segi hal futsal.

Saya ingin menyentuh sedikit yang berkait dengan Kementerian Luar Negeri. Baru-baru ini kita lihat di Ijok, ada yang menunjukkan sedikit sebanyak dan menyebut nama-nama yang lain.

Jadi pada pandangan umum apabila ditayangkan di CNN atau ditayangkan dalam TV, ianya menjejaskan sedikit sebanyak apabila disebutkan nama-nama saya. Dengan izin, saya sebutlah sedikit-sebanyak Altantuya dan sebagainya. Ia menggambarkan bahawa satu perbuatan yang begitu dahsyat dan menggambarkan rakyat Malaysia ini.

Saya ingin menanyakan Kementerian Luar Negeri apakah dengan keadaan yang berlaku itu, adakah menjejaskan tidak hubungan kita di antara Malaysia dengan Mongolia supaya perkara-perkara ini sudah ada di dalam mahkamah dan tidak sepatutnya disebut supaya kita menghormati kehakiman yang ada dalam negara kita ini supaya tidak menyebut perkara-perkara yang ditegah untuk disebut.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah dari segi Kementerian Pelajaran. Saya melihat pada hemat saya, di masa-masa yang akan datang untuk membina satu masyarakat yang baik, kita perlu ada satu lagi bahasa. Selain daripada bahasa Malaysia atau bahasa Melayu kita iaitu bahasa kebangsaan kita, selain daripada bahasa Inggeris yang wajib, saya juga ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengadakan satu lagi wajib atau alternatif supaya kesemua pelajar-pelajar kita tahu lagi satu bahasa.

Saya melihat pengalaman saya di Belanda, iaitu setiap orang Belanda boleh cakap tiga atau empat bahasa. Ini merupakan pasaran yang begitu baik sekali. Orang di Belanda ini dapat cakap bahasa Belandanya, bahas Inggeris, Jerman, Spanish, ataupun French. Lima bahasa dia boleh belajar. Paling-paling tidak empat bahasa dia boleh bercakap.

Saya mencadangkan pada masa-masa yang akan datang, kita boleh cuba secepat mungkin kepada Kementerian Pelajaran supaya mewajibkan ataupun memberi alternatif kepada kanak-kanak yang kecil sebab mereka cepat untuk *pick-up* bahasa-bahasa antarabangsa ini. Ini supaya mereka pada suatu hari nanti akan menjadi warganegara yang lebih *international* dan lebih global.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali sebelum saya mengundur diri, saya mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah mengizinkan saya berucap. Hanya di dalam pelaksanaan kita dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, marilah bersama-sama kita mengharapkan supaya ketirisan ini dapat kita bendung dengan sebaik mungkin. Akhir kata, saya dengan ikhlasnya menyokong Titah Ucapan Baginda. Sekian, wassalamualaikum w.b.t.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Musa berucap.

12.37 tgh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku masa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, kita akan menyambut kemerdekaan kita yang ke-50 pada beberapa bulan lagi. Maka dengan di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional, maka rakyat jelata di Malaysia ini telah mendapat kenikmatan daripada kemerdekaan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba meringkaskan ucapan saya kerana ingin memberi peluang kepada rakan-rakan lain. Saya ingin mengambil siaran televisyen bahasa kebangsaan adalah bahasa rasmi di negara kita. Tapi kita masih lihat lagi iaitu baru-baru ini satu kajian daripada Dewan Bahasa dan Pustaka mengatakan bahawa ada siaran-siaran atau TV di Malaysia ini tidak menggunakan garis panduan yang penyiarannya sekurang-kurangnya 60% program dalam bahasa kebangsaan. Saya ingin tahu daripada Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi, apakah betul berlaku perkara ini?

Satu lagi, soalnya adakah 60% dalam garis panduan ini adalah alih suara sedangkan apabila tengok filem-filem yang datang daripada Korea, daripada Taiwan atau daripada Filipina, kadang-kadang filem-filem ini sungguh mengecewakan kita. Ada orang bandingkan filem-filem tempatan dengan filem-filem dari luar negara. Ada orang kata filem tempatan kadang-kadang kualitinya begitu rendah sekali. Tapi bagi saya apa bezanya filem-filem yang diimport daripada luar-luar negara? Kita tengok filem cinta...

Tuan Ismail Kasim: Minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Baru mukadimah Yang Berhormat. Saya akan beri peluang. Jadi apa bezanya? Saya rasa patutnya Kementerian Penerangan, media-media atau televisyen-televisyen di Malaysia ini memperbanyakkan filem-filem tempatan. Kalau kita pergi ke Indonesia, kita lihat televisyen mereka menggambarkan filem-filem daripada Indonesia. Kalau kita pergi ke Taiwan, kebanyakan filem-filem dari Taiwan. Mengapa Malaysia tidak boleh melakukan perkara tersebut? Sila Yang Berhormat.

Tuan Ismail Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Dato' Musa. Saya amat tertarik apabila Yang Berhormat membangkitkan soal kualiti filem Korea dan Jepun Yang Berhormat bahaskan sebentar tadi. Sebenarnya Yang Berhormat, soal kualiti ini soal seperti yang Datuk Jins Shamsudin selalu cakap dalam ucapan Datuk Jins Shamsudin ini orang filem, pakar filem. Bukan sahaja sebagai pelakon, pengarah dan juga segala-galanya dikatakan ada pada Datuk Jins Shamsudin. Tetapi saya secara umumnya kita melihat kekuatan yang ada pada filem Korea dengan Jepun ini yang menjadi tarikan ialah kerana kebolehan mereka memaparkan satu jati diri iaitu lambang kekuatan bangsa mereka dengan begitu berkesan yang mana tidak terdapat dalam filem-filem dan drama kita.

Sebab drama kita ini dihasilkan bermotifkan komersial, bermotifkan keuntungan semata-mata. Sebab dia soal kekuatan skrip dikesampingkan diketepikan, soal pengarah kerana hendak menjimatkan bajet dan sebagainya. Tetapi filem-filem yang dihasilkan di negara-negara

yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' tadi dibuat dengan begitu teliti dan mereka tidak mengambil kira soal bajet sebab itu mereka berjaya menghasilkan satu kekuatan diri memaparkan kalau filem cinta, cinta yang dipaparkan dengan cukup berkesan dan cukup hidup sehinggakan di hati penonton ini walaupun benda itu asing kepada budaya kita tetapi kita dapat menerimanya bahawa benda-benda itu benar-benar berlaku dan masuk ke dalam jiwa penonton. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan ini?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, saya ingat Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian boleh lihatlah televisyen yang mana daripada Korea, daripada Taiwan, pari-pari turun bila ada kesusahan itu kualiti yang baikkah? Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah filem ini lebih baik daripada filem yang ada di Malaysia apakah bezanya filem itu dengan drama-drama yang ada di Malaysia? Kita lihat drama Korea cinta, kasih apa ada dengan drama-drama kita serupa sahaja. Jadi kalau kita hendak membandingkan kita boleh lakukan kalau kita semua kalau siaran-siaran televisyen ini beri peluang kepada pengarah-pengarah tempatan.

Sudah tentu pengarah tempatan ini akan mengeluarkan hasil yang banyak. Kalau tidak kita hanya daripada Taiwan, daripada Korea. Maknanya bagaimana dengan filem-filem tempatan kita. Jadi saya hendak pergi kepada tajuk yang lain tentang Astro. Tadi kita bercakap sahabat saya bercakap tentang Maxis. Maxis hendak diberi kepada Astro, Astro telah pun menjadi mangsa pengguna-pengguna. Memanglah ada orang berkata kalau tidak mahu bayar tidak payah lihat Astro, ini satu perkara yang bagi saya tidak adil. Pengguna dia mesti hendak lihat tetapi kenapa Astro hendak naikkan yuran? Padahal perkhidmatan Astro ini kalau masa hujan kita tidak boleh lihat sehingga sekarang kalau hujan kita tidak boleh lihat *channel* Astro.

Kenapa Astro tidak memberi pampasan kepada pengguna-pengguna? Yang dia tahu hendak naik yuran, inilah masalah dia. Dan saya bercadang kepada Kementerian Tenaga, Air dan Telekomunikasilah tidak payah ada perniagaan monopoli, beri lesen ini perbanyakkan lesen biar mereka bersaing di antara satu sama lain. Kalau RTM siaran kerajaan kita kata apa salahnya, *channel* 1, 2 percuma. Kita adakan *channel* 4, 5, 6 kalau siapa hendak tengok 4, 5, 6 kita kena bayar siaran yang berbayar. Begitu juga dengan NTV7, begitu juga dengan TV3 beri peluang kepada mereka biar mereka bersaing jangan tengok siapa yang akan mendapat harga yang begitu murah sekali.

Kalau hendak kata rugi Astro ini dapat lesen kutip yuran. Yang kedua dia juga boleh iklan apa beza dia dengan TV3, NTV7 dengan RTM? Maknanya dua pendapatan satu dia mengenakan yuran yang kedua iklan. Maknanya iklan juga memberi keuntungan kepadanya. Jadi saya berasa tidak logik perkara ini Tuan Yang di-Pertua saya mintalah Kementerian Tenaga tidak payah jawablah kata tidak mahu lihat tutup, ini soal keadilan, ini soal rakyat. Kita kena beri kebajikan kepada rakyat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sila Yang Berhormat.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Yang Berhormat Dato' Musa, Astro dan Maxis ini kalau tidak silap saya satu tuan empunya. Jadi dalam Astro ini saya rasa telah banyak juga bukan hasil daripada iklan sahaja hasil daripada SMS sahaja, gila dapat pendapatannya. Jadi apa pandangan Yang Berhormat satu hari nanti Astro pula juga di *privatised* balik beli balik semula. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya setuju 200%, itu saya kata tadi dasar kalau kita bagi Maxis selepas ini Astro dan ada lagi syarikat-syarikat yang akan mohon. Jadi kerajaan kena beri sebab dasar sudah bagi kepada Maxis dia kena beri kepada syarikat lain. Itu saya kata tadi dasar kerajaan itu kena tegas. Saya hendak pergi kepada perjanjian ataupun kita panggil perjanjian yang dilakukan di Malaysia ini saya nampak kadang-kadang ini berat sebelah. Kita lihat macam Astro ini juga kita tidak tahu perjanjian Astro ini macam mana.

Apakah perjanjian syarikat dengan pengguna apakah Astro ini boleh naik sewenang-wenangnya yuran-yuran mereka? Kita lihat perjanjian yang diswastakan apa sahaja di Malaysia ini sudah tentu merugikan rakyat. Konsesi tol, apa sahaja tol ini boleh naik sewenang-wenangnya? Dan saya hendak bawa satu lagi penswastaaan yang menjadi mangsa nelayan di Pulau Pinang, sebentar lagi itu baru iklan. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat di Malaysia ini kita sudah merdeka 50 tahun. Setelah merdeka kita telah membangunkan banyak cendekiawan, bijaksana dalam Malaysia ini. Tetapi yang menghairankan kita hari ini kenapa kita masih perlukan jururunding ataupun dengan izin *consultant* daripada luar negara?

Kita lihat jambatan kalau hendak bina jambatan kita kena ambil *consultant* daripada luar, kalau hendak bina macam-macam. Saya takut satu hari hendak bina tandas pun hendak ambil *consultant* daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir ini Kementerian Pelancongan, sama ada betul ataupun tidak cadangan-cadangan hendak buat Citra Warna, Bulan Citra Warna Malaysia terpaksa kena ambil jururunding ataupun *consultant-consultant* daripada luar negara. Takkanlah kebudayaan Melayu kita kebudayaan kita hendak buat tarian bagi Pak Ngah kita pun sudah boleh buat. Kenapa kita mesti bawa *consultant* daripada luar?

Dan hari ini saya tengok Bulan Citra Warna ini negeri-negeri ini tidak boleh ambil bahagian sebab apa kita bawa kesatuan daripada luar negara. Dia tidak tahu apa cita rasa di Malaysia ini. Sebab itu saya setuju tadi Yang Berhormat ...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ala hendak tanya tanya sini pula.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey Dato' Omar bin Faudzar.

Dato' Omar bin Faudzar: Baru dapat idea Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat cakap pasal *outsourcing* kita kena dapat *consultant* daripada luar dan sebagainya. Pada hari Isnin yang lalu, dua, tiga hari yang lalu saya ada satu soalan yang telah saya kemukakan kepada

Menteri Wilayah Persekutuan mengenai tandas pintar yang dibina di Jalan Bukit Bintang, satu unit tandas dibina dengan harga RM400,000 iaitu kos sebuah banglo. Jadi bila jawapan yang saya dapat ialah ini adalah untuk memberi satu persepsi yang baik kepada pelancong.

Itu jawapan yang saya dapat seolah-olah macam kita hendak tarik pelancong masuk ke sini kita kena membina tandas pintar berharga RM400,000 satu unit. sedangkan kalau kita katakan kalau minda kita masih lagi di kelas ketiga, kalau kita bina tandas pintar sepintar mana pun tandas itu masih lagi kotor. Bukan dengan RM400,000 kita belanja kita sudah ubah kita sudah jadi rakyat minda kelas pertama. Bayangkan kalau itulah jawapan yang kita terima, jadi di setiap kawasan-kawasan pelancongan kita hendak kena bina tandas pintar berharga RM400,000 satu unit. Berapa unit tandas pintar yang kita kena bina Yang Berhormat? Jadi mungkin ini sebab-sebab dia kita kena panggil *consultant* luar bagi nasihat kat kita itulah kot, apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat, saya tidak setuju jugalah tandas berharga RM400,000. Tidak tahulah tandas itu buat macam mana jadi saya minta pihak Kementerian Wilayah Persekutuan jawablah, menteri atau wakil daripada kementerian jawab sebab saya tidak tahu saya tidak boleh jawab. Tandas yang berharga RM400,000 untuk menarik pelancong saya ingat ini satu pembaziran. Bagi saya satu pembaziran wang rakyat.

Sebab tandas ini bersih. Kalau kita pergi ke mana pun kalau tandas bersih, orang akan datang. Kita ini kanak-kanak tunjuk, oh, pelancong hendak datang, pelancong kita kena korbankan kadang-kadang dasar kita untuk pelancongan. Berapa pelancong yang datang ini? Kadang-kadang kita tengok, saya sendiri pun dia tengok muka turun daripada kapal terbang, tiap-tiap tahun saya dapat beg, pen dan sebagainya dia ingat saya pun daripada pun saya tidak tahu.

[Ketawa]

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sila

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat, hendak berkongsi pandangan. Kita lihat Tahun Melawat Malaysia 2007, macam-macam kerajaan buat untuk menarik pelancong. Saya rasa telah berjuta-juta dibelanjakan untuk menarik pelancong. Tapi masih lagi banyak perkara untuk rakyat boleh dilakukan yang tidak dilakukan.

Apa yang saya lihat hari ini, kalau kita pergi hari ini hotel-hotel, kita pergi di lobi hotel, kita pergi di restoran hotel, *even* kalau kita *check* dengan izin *occupancy* biliknya, saya tidak nampak pelancong datang begitu ramai sampai tidak cukup dan segalanya. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, kerajaan berbelanja berjuta-juta ringgit hendak tarik pelancong, hendak bawa datang, kata naik ada *increase* 8% dan sebagainya, tapi saya sebagai rakyat Malaysia, saya lihat tidak ada perubahan, sama. Kalau kita bandingkan 2006 yang tidak ada

Tahun Melawat Malaysia dibandingkan dengan 2007 Melawat Malaysia, saya tidak nampaklah buat masa sekarang sampai bulan April laporan yang diberikan bahawa ada kenaikan mendadak.

Jadi negara-negara lain pun banyak pelancong-pelancong datang. Negara-negara lain seperti Indonesia, seperti Brunei, seperti Singapura, tetapi kita ini saya kata pelancong hendak tanya saya dengar hendak buat bilik air RM400 ribu. Takkan pelancong hendak datang tengok RM400 ribu? Sudah semestinya ada perkara-perkara lain yang minatkan mereka datang ke Malaysia.

Jadi adakah wajar kita buat Tahun Melawat Malaysia, kita buat perkara-perkara yang hendak tarik pelancong sedangkan kalau Yang Berhormat tengok kita ada Tahun Melawat Malaysia saya naik kapal terbang MAS. Tahun ini saya lihat dia letak *sticker* di badan kapal terbang. *Visit Malaysia Year 2007*. Cara itu tidak nampak menarik pun. Kalau kita tengok di Thai, negara Thailand buat *Visit Thailand Years*, ia cat kapal terbang dia dengan satu warna yang menarik hendak tunjuk datang ke Thailand. Jadi apa Yang Berhormat perkara-perkara yang dibuat ini lebih baik kita beri kepada rakyat daripada hendak menunjuk hendak menunjuk hendak bagi kepada pelancong. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Memanglah pelancong di negara kita ini dia akan belanja. Ini memberi satu *income* pendapatan kepada kerajaan. Tetapi benarkah angka yang diberi oleh Kementerian Pelancongan ini, pelancong datang ke Malaysia. Saya takut pelancong datang ke Malaysia dia ada transit dia. Dari Singapura dia masuk datang ke Malaysia. Dari Hatyai kalau di sebelah ini, dia masuk ke Malaysia, daripada Golok dia masuk ke Malaysia. Makna dia hanya transit sahaja ke Malaysia dan daripada Malaysia ini dia pergi ke tempat.

Jadi kita takut ini angka dia ambil yang mana pelancong ke Malaysia telah meningkat. Padahal tidak meningkat pun.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, minta laluan. Yang Berhormat, saya lihat Yang Berhormat banyak berhujah menggunakan andaian. Yang Berhormat Datuk Syed Ali tadi, kita telah mendengar bahawa statistik yang dikemukakan semalam ialah memang berlaku pertambahan jumlah pelancong ke negara kita. 2007 baru masuk bulan keempat, kelima. Tetapi yang nyata tahun lepas bertambah dan tahun ini saya yakin akan bertambah.

Cuma yang menjadi isu ialah soal jumlah pelancong bertambah Tuan Yang di-Pertua, tapi jumlah pendapatannya itu yang berkurang. Sebab itu saya kata kenapa tidak ditukar sahaja tema 'Malaysia Truly Asia' kepada '*Malaysia is Unique Malaysia*', sebab itu yang hendak dijual. Di Bali dia tidak ada *shopping* apa pun, tidak ada *shopping complex*. Orang bom pun pelancong datang juga sebab ada benda yang dijual seperti budaya dan sebagainya. Sebab itu pelancong ini dia bising soal kebersihan, soal keselamatan, kesopanan kita dan sebagainya.

Sebab kalau hendak 'Malaysia Truly Asia', apa kita hendak jadi replika Asia pula di tempat kita sendiri. Kalau hendak cari Pat Pong pergi ke Thailand, tidak perlu datang ke Bukit Bintang. Wakil Bukit Bintang tidak ada [*Ketawa*]. Tidak perlu, tapi ini yang jadi masalah.

Soal konsultan, Yang Berhormat bangkitkan soal konsultan, bolehkah Yang Berhormat buktikan dengan kita memanggil konsultan ini tidak ada untung. Mana program yang kita panggil konsultan luar, tapi tidak menguntungkan, mana dia? Tidak boleh main cakap macam itu sahaja Yang Berhormat. Bukan saya hendak berbeza pandangan dengan Yang Berhormat tetapi yang hendak saya bangkitkan ialah soal fokus kita.

Macam soal Astro tadi. Yang Berhormat bangkitkan soal Astro. Bagi saya lebih baik ikut macam pandangan Datuk Jins Shamsuddin, jangan melanggan Astrolah. Kempen beritahu anak-anak kita. Yang Berhormat mungkin ada lima anak. Lima anak semua ada Astro, beritahu anak-anak jangan melanggan Astro.

Saya memang tahu betapa bahayanya apabila Tuan Yang di-Pertua, Maxis dan juga Astro ini dimiliki oleh orang yang sama. Sebab saya yakin selepas ini lebih banyak program-program realiti akan dikeluarkan di dalam Astro. Sekarang sudah ada apa? Raja Lawak. Kita tidak nampak pun apa yang johan Raja Lawak seorang pelawak pun. Tapi kerana ditentukan oleh SMS oleh syarikat yang sama iaitu daripada Maxis.

Akademi Fantasia ini, sekarang ini dipanjang-panjangkan tempohnya supaya memberi ruang lebih banyak untuk orang SMS dan wujud pula kelab-kelab penyokong yang rupa-rupanya dia ada strategi macam mana hendak hantar SMS secara berkumpulan yang sebenarnya dieksploitasi oleh Maxis. Sebab itu saya tidak hairan akan banyak lagi program-program realiti akan diterbitkan tujuannya untuk melakukan Maxis melalui Astro sebab taukenya adalah tauke yang sama. Itu yang menyebabkan kita bising tentang perkara ini yang kementerian sama sebenarnya terlibat dalam soal penjualan Maxis, pengambilalihan Maxis yang sekarang ini akan menjadi *public company* bukan lagi *public listed*. Ia akan menjadi *public company* yang akan diswastakan.

Yang ini saya harap Yang Berhormat, yang sepatutnya kita bangkitkan iaitu soal, apa tindakan kita. Walaupun kita sudah banyak bercakap. Saya rasa antaranya ialah pastikanlah kita jangan melanggan Astro. Mungkin dua tiga minggu kita rasa macam kekosongan termasuk Yang Berhormat. Sebenarnya saya tahu mungkin Yang Berhormat pun mungkin tengok Akademi Fantasia dan sebagainya, kalau tidak mana Yang Berhormat tahu perkara seperti ini. Tapi dua, tiga minggu memang rasa kosong. Cuba kita duduk di luar negeri tidak tengok Akademi Fantasia, tidak ada benda. Ia akan hilang dengan sendirinya. Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih. Sebenarnya saya bukan buat andaian. Yang Berhormat sudah tanya soalan Yang Berhormat sudah jawab banyak soalan. Saya bukan buat andaian, saya bercakap soal pelancong datang dari mana. Yang Berhormat sendiri mengatakan pelancongan meningkat tapi pendapatan kerajaan, kurang. Maknanya

apabila pendapatan kerajaan kurang, maknanya pelancong yang datang sini sebagai pelancong transit Yang Berhormat. Saya ingat saya bercakap Yang Berhormat angan-angan ke lain.

[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf ini gangguan, saya cuba hendak pendekkan ucapan saya. Jadi saya tidak mahu teruskan dengan perbahasan Yang Berhormat. Saya hendak pergi ke agenda yang lain.

Saya setuju dengan pelancongan ini Kementerian Pelancongan pendapatan negara. Tapi kalaulah sampai tandas RM400 ribu, hendak suruh pelancong datang hendak ambil konsultan daripada luar negara. Saya hendak tanya Yang Berhormat, konsultan untuk Citrawarna ini, pada Pak Ngah untuk tarian kebudayaan nak bawak persatuan daripada Australia datang, dia tahukah kebudayaan kita? Saya hendak tanya Yang Berhormat, dia tahukah kebudayaan kita?

Dato' Haji Idris Haji Buang: Mencilah sedikit boleh? Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat, pelancong ini banyak-banyak jenis dia daripada Eropah, Mat Salleh dan sebagainya daripada China, India, Arab dan sebagainya. Saya tanya beberapa teksi drebar, ada yang cakap yang Mat Salleh ini kalau kita suruh dia naik teksi dia akan cakap "*No, no, I want to walk.*" Jadi teksi drebar ini cakap susah hendak dapat duit daripada mereka.

Daripada Arab, dia akan tawar. Yang ikut meter pun dia tawar. Tidak tahulah macam Yang Berhormat mungkin daripada Arab mungkin Yang Berhormat boleh tanyalah teksi-teksi drebar ini. Yang terbaik mereka cakap daripada Malaysia juga, *domestic tourist*. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya setuju Yang Berhormat. Memanglah kadang-kadang kita pun ke luar negara pun kadang-kadang kita pun berperangai begitu juga. Memanglah tawar-menawar ini memang berlaku Yang Berhormat. Tapi soalnya bila pelancong-pelancong datang ini, betul-betulkah dia datang melancong di Malaysia?

Saya terdengar soalan daripada Dewan ini yang dijawab oleh Timbalan Menteri Pelancongan. Dia kata ada negeri-negeri yang masih lagi soal pelancongan ini dia tidak ambil berat. Ada tempat-tempat yang patut diubahsuai tidak dilakukan. Maknanya kalau orang datang hendak melancong di Malaysia, dia hendak tengok apa?

Kalau ke Bukit Bintang ini, yalah kalau mereka hendak berseronok, takkanlah mereka datang ke situ sebab tempat mereka lagi lebih. Jadi saya rasa Kementerian Pelancongan ini patut mengambil satu daya usahalah untuk menarik pelancongan ini daripada segi sejarah kita, bagaimana sejarah kita. Ini pemandu pelancong kita ini, kalau kita lihat di Indonesia dan negara-negara lain. Pemandu pelancong dia sendiri tahu sejarah negara dia. Pemandu pelancong kita kadang-kadang dia bawa ke tempat-tempat yang telah pun diatur. Hendak pergi *shopping*, tidak

mengapalah, *shopping* pendapatan negara. Tetapi kemahiran pemandu pelancong kita juga tidak kalau dibandingkan negara lain.

Jadi saya haraplah Kementerian Pelancongan supaya ada program-program bagi menarik pelancongan. Macam saya kata tadilah kalau saya turun daripada kapal terbang mereka akan bagi hadiah dekat saya. Saya pun tengok terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh sambung ucapan pada petang ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.32 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung perbincangan saya menjunjung kasih Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Keempat Parlimen Kesebelas.

Tuan Yang di-Pertua, tentang tadi ada beberapa televisyen di negara yang tidak mengikut dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan iaitu 60% dalam Bahasa Melayu. Saya ucapkan terima kasih kepada Dewan Bahasa dan Pustaka kerana buat kajian dan terima kasih Utusan Malaysia yang telah menyiarkan iaitu pada bulan April. Kita ambil contoh iaitu 16 hingga 22 - seminggu, RTM1 waktu siaran dia 147 jam, bahasa Melayu 90%. RTM2 waktu siaran 168 jam, bahasa Melayu 17%. TV3 waktu siaran 152 jam, bahasa Melayu 75%. NTV7 waktu siaran 114 jam, bahasa Melayu 3%, 8TV waktu siaran 147 jam, bahasa Melayu 7% dan *Channel 9* waktu siaran 106 jam, bahasa Melayu 90%. Saya berharap kepada kementerian-kementerian tersebut mengambil kira tentang perkara ini dan minta mengambil perhatian supaya perkara ini tidak berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada GLC, kita lihat pada hari syarikat-syarikat milik kerajaan GLC ini banyak membuat keuntungan. Tapi kita ingin tahu, berapa peratuskah yang ditetapkan oleh syarikat tersebut untuk membuat kebajikan kepada rakyat atau pun khasnya kepada masyarakat luar bandar. Kita lihat hari ini kalau ada masalah syarikat GLC sudah tentulah kerajaan akan campur tangan apabila sesuatu berlaku kerugian dan lain-lain lagi. Tapi apabila mendapat keuntungan adakah syarikat-syarikat ini, saya tidak tuduh semua, setengah syarikat langsung tidak ambil tahu tentang kebajikan rakyat.

Jadi saya tengok banjir baru-baru ini di beberapa buah negeri, GLC ini, syarikat-syarikat milik kerajaan ini dia hendak bagi 100 helai kain selimut pun Tuan Yang di-Pertua, dia bawa dengan televisyenlah iaitu pun ada pemimpin besar yang datang. Saya lihat ada negeri-negeri macam sahabat saya daripada negeri Perlis, Yang Berhormat Ismail Kasim bukan kata dia bantu

di Malaysia seluruh dunia dia bantu tidak pernah masuk televisyen pun, berjuta-juta ringgit kerajaan negeri Perlis bantu. Begitu juga dengan sahabat saya, Datuk Wira Syed Ali, dia juga bagi derma tapi dia tidak pernah tonjol. Tapi syarikat GLC ini hendak buat kebajikan kena tunjuk ada tempat-tempat yang langsung dia tidak masuk. Tapi kalau hendak rugi semua rakyat bertanggungjawab. Jadi saya berharaplah syarikat-syarikat GLC ini supaya lebih bertanggungjawab tentang kebajikan masyarakat daripada fikir keuntungan syarikat tersebut. Kita bukan hendak cemburu.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sila.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat saya rasa perlu diperbetulkan juga Tuan yang di-Pertua. Sebab semasa banjir-banjir baru ini oleh sebab saya terlibat 45 hari di tempat saya itu, gelombang satu. Gelombang dua, saya memang tidak boleh menafikan sumbangan syarikat-syarikat GLC dan sebagainya yang banyak memberi sumbangan dan saya, Tuan Yang di-Pertua sampai satu peringkat saya hendak beri tahu kepada mereka, "Cukuplah tidak payah datang", sebab terlalu banyak beras itu sampai kita hendak agih itu menjadi satu masalah sebenarnya. Stor pun sudah tidak ada. Jadi cuma hendak betulkan sedikitlah maksud Yang Berhormat, saya minta maaflah tetapi hendak beri tahu. Memang saya merasakan kehebatan rakyat Malaysia semasa berlakunya banjir baru-baru ini. Saya ingatkan mereka prihatin kepada luar negara sahaja bila berlaku gempa bumi tapi bila berlaku musibah yang sama di negara kita, sampai satu hari itu empat, lima kontena datang daripada lima pihak yang berbeza. Ini *just* dengan izin untuk maklumat Yang Berhormatlah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak merujuk kepada kenyataan Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan semasa memberi jawapan kepada pertanyaan tadi.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sebenarnya saya kata sesetengah syarikat GLC. Kalau setakat banjir kita ada sekolah-sekolah angkat, di Pulau Pinang saya hendak cakap ini hari. Ada sekolah yang ada pemimpin besar itu masuk tapi ada setengah kawasan yang tidak ada pemimpin besar dia tinggal begitu sahaja. Ini satu contoh saya bagi. Kalau banjir dia hendak beri secara ikhlas dia tidak payahlah panggil pemimpin besar datang baru dia beri. Saya kata sesetengah syarikat GLC. Begitu juga dengan MAS.

Tuan Yang di-Pertua: Maknanya Yang Berhormat tidak buat apa yang dikatakan *sweeping statement* lah. Memang Yang Berhormat tujukan kepada setengah-setengah.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita lihat hari ini soal MAS. Dahulu kita cakap MAS ini rugi tapi hari ini MAS kata untung. Setakat hendak jual bangunan, hendak jual aset dia hendak kata untung pun tidak tentu lagi. Kita lihat hari ini, *FireFly...*

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Saya bila Yang Berhormat cakap

fasal MAS ini memang saya cepat-cepat hendak bangunlah Yang Berhormat. Saya hendak minta Yang Berhormat tolong bagi pandangan kata MAS jual bangunan untung dan sebagainya. Baru-baru ini Yang Berhormat, *Malaysia Airlines* sebuah syarikat penerbangan Malaysia yang dikatakan di rating sebagai *five star* punya *airlines*. Dia *compete* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dengan *Singapore Airlines*, *Emirates Air* dan sebagainya. Ini adalah *airlines-airlines* yang besar di dunia. Hari ini saya lihat MAS seolah-olah sudah turunkan dia punya *service* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, menjadi *budget airlines* kerana sudah seronok tengok Air Asia, dia pun hendak ikut AirAsia, dia sudah tidak jadi *five star air lines* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa MAS pada hari ini seolah-olah dia hilang haluan kerana dia dah tidak tahu hendak fokus ke mana.

Baru-baru ini bila AirAsia ditubuhkan Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan Negara ini banyak yang diperkatakan, macam-macam, di sebaliknya tapi hari ini bila sudah ada AirAsia, kerajaan sudah luluskan di mana AirAsia jaga, di mana MAS patut buat, baru-baru ini pula tubuh pula satu *air lines* nama FireFly anak syarikat MAS.

Saya tak faham. Firefly ini tubuh hendak buat apa? Hendak *compete* AirAsia ke Tuan Yang di-Pertua? Kita sudah ada AirAsia untuk buat domestik Sabah dan Sarawak. Boleh pula selepas Firefly ditubuhkan, AirAsia buat kenyataan bahawa Sabah dan Sarawak hendak bagi dekat FireFly. AirAsia pula buat *statement* hendak serah suruh FireFly jaga Sabah dan Sarawak.

Saya khawatir Tuan Yang di-Pertua, permainan ini akhirnya, MAS akan rugi. MAS akan jatuh kerana MAS hendak jaga MAS, hendak menjaga FireFly. Saya tengok sendiri dalam televisyen dan juga dalam surat khabar, Pengarah Urusan MAS saudara Idris Jalal, pakai topi, pakai T-shirt, hendak ikut Tony Fernandes pula dah. Jadi kualiti MAS akan jatuh. Kita kena tahu, kita kena fokus apa MAS hendak buat?

Sebelum ini kita bising dalam Dewan Negara. Dua penggal yang lalu kita bising kerana MAS beli lukisan. Kita pun tidak tahu lukisan itu masih ada atau sudah jual? Bangunan sudah jual. Bangunan boleh untung jual. Tetapi lukisan itu kita tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Disimpan di mana? Tidak boleh jual, memang tidak boleh jual. Oleh itu perkara-perkara ini kita mintalah kerajaan supaya melihat, fokus MAS hendak ke mana? Kita tidak mahu MAS oleh sebab ghairah hendak berlawanan dengan AirAsia akhirnya, satu hari nanti, percayalah AirAsia akan ambil MAS. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingat saya tak payah hujah panjanglah. Saya ingat Yang Berhormat sudah berhujah panjang. Sebab itu saya bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat bercakap dan memanglah MAS Ini patut dia bersaing dengan penerbangan antarabangsa, bukan bersaing dengan AirAsia. Saya pun bersetuju Yang Berhormat, kita tidak terkejutlah, satu hari nanti AirAsia akan ambil alih MAS. Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya percayalah. Yang saya cakap ini syarikat GLC.

Tetapi saya hendak minta tadi, walaupun TV3 ini, saya tidak tahu, banyak fatwa ini. Jom Heboh!, dahulu Sure Heboh!. Jadi, saya tidak tahu, banyak fatwa-fatwa yang ini. Tiap-tiap negeri ini, mufti ini dia buat fatwa dia. Kita pun kadang-kadang keliru. Saya bercadanglah kepada kementerian ataupun kepada kerajaan supaya kita ada mufti negara. Biar mufti negara ini membuat fatwa. Kalau tiap-tiap negeri membuat fatwa, kita pun keliru. Perak dengan Perak. Perlis dengan Perlis, Selangor dengan Selangor. Pulau Pinang dengan Pulau Pinang. Jadi kita rasa keliru. Jadi saya cadangkan supaya kita adakan Mufti Negara supaya biar Mufti Negara ini dapat selesaikan masalah fatwa-fatwa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat buat cadangan itu, adakah Yang Berhormat menyedari bahawa perkara-perkara ini berlaku kerana Perlembagaan tentukan ia demikian rupa?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan bukanlah Al-Quran. Perlembagaan boleh dipinda dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat laluan.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Rashid dahulu.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat beri laluan kepada dua-dua atau? Dua-dua, okey.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat, untruk kita mengadakan Mufti Negara, tidakkah Yang Berhormat sedar, bahawa sekarang kita sudah mempunyai apa yang dikatakan Majlis Fatwa Kebangsaan sebenarnya? Tidakkah cukup dengan Majlis Fatwa Kebangsaan ini sebagai menggantikan jawatan Mufti Negara?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak menjawab sekali gus atau satu per satu?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Sekali gus Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga sebenarnya mempunyai pandangan yang sama iaitu barangkali Majlis Fatwa Kebangsaan ini perlu dilihat bagaimanakah sebenarnya dia boleh menyelaras fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh mufti-mufti negeri? Sebab kita tahu bahawa perkara agama Islam adalah perkara negeri terutama dalam melantik mufti-mufti negeri.

Majlis Fatwa Kebangsaan inilah sepatutnya, dia sekurang-kurangnya adalah satu etika bagaimana dia boleh menegur mufti-mufti kita ini apabila mengeluarkan sesuatu fatwa. Sebab kadang-kadang mufti-mufti ini mungkin kerana faktor umur, muda dan sebagainya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *he can be learned tetapi there is no wisdom*. Mungkin dia berilmu, tetapi dari segi hikmah dia, kebijaksanaan dia tidak ada, maka sebab itulah barangkali keluar fatwa-fatwa yang kadang-kadang boleh menimbulkan kekeliruanlah. Jadi, saya fikir mungkin tidak perlu kepada Mufti Negara ini. Majlis Fatwa Kebangsaan itu sudah memadai. Kita pun sudah

ada menteri yang menjaga dalam hal ehwal agama, yang boleh menegur barangkali. Itu yang saya rasa yang perlu diutamakan.

Tuan Ismail bin Kasim: Laluan.

Puan Mumtaz bin Md. Nawi: Saya juga minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Biar saya jawab dahululah. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju iaitu kita ada Majlis Fatwa Kebangsaan. Tetapi Majlis Fatwa Kebangsaan ini dia kena betul-betul bertanggungjawab. Tidak ada mufti yang buat fatwa sesuatu, dia kena selesaikan masalah itu. Jangan biarkan fatwa-fatwa ini tergantung. Kadang-kadang yang rakyat keliru ini, kita. Jadi itu yang saya minta, sila Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila siapa Yang Berhormat? Dua-dua sekali?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, dua-dua sekali.

Tuan Ismail Kasim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa. Kepada saya, menyentuh tentang soal agama ini memang di bawah kuasa negeri-negeri dan dinaungi oleh Raja-raja dan Sultan negeri. Tetapi sebenarnya Yang Berhormat, selain daripada Majlis Fatwa Kebangsaan, kita sudah ada menteri di Jabatan Perdana Menteri bertanggung jawab untuk menjaga hal ehwal agama di negara kita.

Tetapi sebenarnya apabila mufti ini mendapat kuasa penuh seperti peruntukan Perlembagaan yang Yang Berhormat katakan tadi, sudah tentu mereka merasakan diri mereka boleh membuat sesuatu teguran ataupun tindakan tanpa merujuk terlebih dahulu ataupun menerusi musyawarah Majlis-majlis Fatwa Kebangsaan ini baru dikeluarkan kenyataan. Jadi sebab dibiarkan.

Begitu juga dengan kawalan kepada ceramah-ceramah di tempat-tempat tertentu. Sekarang ini kebanyakan mufti ini, ceramah-ceramah ini direkod dan ada setengah daripada rekod ceramah itu dijual dalam pasaran umum. Jadi menyebabkan apabila dijual dalam pasaran umum, ia menjadi tatapan dan pendengaran orang ramai. Sebab itulah benda-benda ini kalau kita biar masih lagi tidak ada keseragaman dalam mengeluarkan pandangan ataupun fatwa akan menyebabkan berlaku banyak kekeliruan dalam negara kita menyentuh soal agama. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Saya sebenarnya memberi pandangan yang mungkin menyokong kepada apa yang telah dicadangkan oleh Dato' berkenaan kewujudan jawatan Mufti Negara. Sehubungan dengan itu juga banyak kekeliruan timbul bukan kerana masalah fatwa tetapi banyak juga masalah timbul dari segi pendakwaan. Maknanya kita bukan hanya perlu mencadangkan pindaan kepada Perlembagaan untuk perlantikan Mufti Negara tetapi juga perlu kepada Ketua Hakim Syarie Negara dan juga kepada Peguam Syarie Negara. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, itu yang saya kata tadi, kalau kita sudah ada Majlis Fatwa Kebangsaan. Majlis fatwa, kita ada menteri. Sepatutnya fatwa ini bila ada dalam negeri yang buat fatwa, masalah kena diselesaikan dengan segera. Sebab itu saya kata perlunya ada Mufti Negara supaya Mufti Negara ini bertanggungjawab untuk mufti-mufti di negeri. Itu pandangan saya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beralih kepada yang terakhir. Saya ingat yang ini di Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, iaitu satu lagi mangsa penswastaan. Iaitu di antara sebuah syarikat swasta dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia. Maksudnya bila jadi swasta ini, sudah tentulah nelayan-nelayan yang pendapatan mereka begitu rendah. Hari ini kerajaan bercakap untuk membantu nelayan-nelayan, membantu petani-petani.

Tetapi ini satu lagi mangsa penswastaan yang berlaku terhadap nelayan-nelayan di Pulau Pinang. Apabila tertubuhnya *Malaysia International Tuna Port Sdn. Bhd.*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, iaitu 60 peratus daripada syarikat swasta dan 40 peratus iaitu terdiri daripada LKIM. Apa yang masalah hari ini Tuan Yang di-Pertua, tertubuhnya MITP ini, *Malaysia International Tuna Port* ini, tujuannya adalah untuk menjaga bot-bot tuna ini dari Taiwan, dari Jepun, dan juga dari negara-negara lain.

MITP ini akan mengambil hasil pendapatan ataupun keuntungan daripada bot-bot tuna ini. Tapi hari ini yang menghairankan kita, apabila mereka tidak mendapat galakan ataupun keuntungan daripada bot tuna ini, maka yang menjadi mangsa adalah nelayan-nelayan tempatan. Saya ingin mengambil contoh Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004/2005 sebelum Kompleks LKIM di Batu Maung itu diswastakan, Persatuan Nelayan mendapat keuntungan begitu baik sekali. Tiap-tiap bulan hasil penjualan termasuk minyak diesel ini pun mendapat dekat RM200,000. Tapi apabila diswastakan, ia mengalami kerugian sampai RM100,000. Apa punya swasta ini? Ini akan menyulitkan. Sebab itu saya kadang-kadang perjanjian penswastaan dibuat ini merugikan rakyat.

Jadi saya mintalah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya menterinya turun padang, selesaikan masalah rakyat ini. Menteri boleh turun untuk melancarkan program penswastaan ini. Kenapa apabila ada masalah menteri tak boleh turun? Turun jumpa nelayan. Kita ada 6,000 nelayan yang menjadi ahli Persatuan Nelayan. 10,000 yang tidak berdaftar. Fikirkanlah satu keluarga tiga orang, 30,000 yang menjadi mangsa.

Jadi saya berharaplah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sendiri supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan. Hari ini bila mereka ambil alih Kompleks LKIM, bukan sahaja bot yang kena bayar, bot nelayan tempatan kena bayar, *parking* kereta di kompleks kena bayar, masuk keluar macam tol pula kena bayar dan api kena bayar. Bila beli minyak diesel MITP juga hendak sebagai konsesi, kena bayar satu dua sen. Jadi di mana letaknya kita hendak membantu nelayan ini? Semasa melancarkan

menteri kata nelayan-nelayan tempatan tidak ada masalah, pendapatan mereka akan meningkat. Tapi hari ini pendapatan mereka daripada bulan ke bulan sudah pun menurun. Kalau....

Tuan Ismail bin Kasim: Mohon laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Tuan Ismail bin Kasim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin tanya pandangan Yang Berhormat mengenai masalah nelayan. Sebenarnya masalah ini kalau kita ikut Dasar Pertanian Negara sekarang, kita menjurus kepada industri perikanan ini yang maju dan telah menjadi moden industri perikanan yang berada di negara maju. Kadang-kadang kita berasa pelik dalam suasana geologi kita yang dikelilingi oleh laut dan juga yang terikat juga dengan akta-akta dan peraturan yang menyebabkan menimbulkan masalah kepada nelayan sendiri. Contohnya Yang Berhormat, kalau semua nelayan itu memiliki lesen A, C yang besar sekali kalau ikut nelayan. C ini besar, kemudian A ini yang kecil-kecil. 10 tahun dia pakai bot bersama dengan lesen. Setelah dalam 10 tahun, bot berkenaan sudah tidak dapat digunakan lagi ataupun tidak dapat digunakan dengan sempurna untuk menangkap hasil tangkapan. Tapi apabila bot berkenaan dijual kepada pemilik yang baru untuk memohon lesen baru yang memang diketahui statusnya sebagai seorang nelayan, pihak perikanan tidak melayan, tak boleh kerana boleh bagi sekali sahaja. Sedangkan kita perlu siasat. Benda ini pun saya pernah buat surat rayuan bagi pihak satu keluarga nelayan. Dia hendak beli bot baru yang lebih efisien, enjin lebih baik semua dan sebagainya, tapi tidak dibenarkan.

Jadi peraturan-peraturan macam inilah, kalau ia masih lagi... Kita hendak kata apa Yang Berhormat, pengerusi dengan ketua pengarah pun bergaduh tak berhenti. Macam mana pengundi bawah hendak berjalan dengan lancar. Sampai hendak berlaku saman menyaman di akhbar dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, saya setuju Yang Berhormat. Itu masalah LKIM tapi saya bercakap soal penswastan tentang MITP dengan LKIM. Jadi masalahnya bila penswastan ini dahulu kita kata menguntungkan nelayan tapi hari ini merugikan nelayan. Soal lesen daripada LKIM ini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat supaya perkara ini dapat LKIM selesaikan. Saya sendiri tengok dalam surat khabar pengerusi dengan ketua pengarah berkelahi, macam mana nelayan ini hendak hidup kalau orang atas berkelahi? Bagaimana kita ada masa untuk bantu untuk fikir membangunkan nelayan-nelayan ini kalau kita asyik bertengkar di antara satu sama lain. Inilah soal yang kita kena selesaikan.

Jadi saya hendak lihat satu lagi tentang penswastan ini. Saya minta LKIM 40%. Masa hendak menswastakan saya ingat kerajaan negeri pun tidak diberitahu tentang perjanjian itu dibuat dan nelayan pun tak tahu. Dia kata ini untuk kemudahan dan kebaikan nelayan. Nelayan pun bersetuju kerana ingat kebaikan tapi hari ini menjadi mangsa. Jadi saya berharap kepada LKIM atau kepada menteri sendiri bertanggungjawab turun padang dan selesaikan masalah ini. Kita lihat hari ini tak sampai pun setahun setengah Persatuan Nelayan di Pulau Pinang telah pun

dapat satu surat notis daripada peguam negeri dan kena bayar RM500,000. Setahun setengah kena bayar RM500,000. Soalnya MITP kena bayar. MITP sudah pun minta tuntutan RM500,000 tak sampai pun dua tahun. Jadi bagaimana nelayan hendak hidup kalau semua pendapatan dan keuntungan mereka terpaksa digadaikan kepada sebuah syarikat swasta. Jadi saya berharaplah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani supaya dapat selesaikan masalah ini sebelum masalah ini berlarutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir. Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

2.56 ptg.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Usul Menjunjung Kasih terhadap Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di Persidangan Penggal Keempat Parlimen Kesebelas pada 19 Mac 2007.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat terharu dan penuh keinsafan kerana di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, telah menyentuh secara holistik semua aspek yang mana saya dapat rumuskan ia mempunyai visi dan misi yang begitu mapan dan berpandangan jauh untuk direnungi dan direalisasikan oleh seluruh rakyat dan kerajaan demi masa depan generasi akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan tersebut, Ke Bawah Duli Baginda telah menyebut peranan hampir kesemua agensi kerajaan, NGO dan pihak swasta dan saya *quote* Ke Bawah Duli Tuanku yang berbunyi:

“Negara ini adalah hak milik kita bersama. Justeru setiap rakyat Malaysia ada peranan dan tanggungjawab masing-masing-masing.”

Lantaran itu, dalam perbahasan ini saya akan sentuh secara spesifik beberapa agensi kerajaan dan juga swasta selaras dengan visi dan harapan sebagaimana yang terkandung di dalam Titah Ucapan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong .

Di antara agensi yang akan disentuh termasuklah Jabatan Perdana Menteri, agensi-agensi di bawahnya seperti Suruhanjaya Pilihan Raya, kehakiman, Jabatan Perkhidmatan Awam, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, MAMPU, dan juga Kementerian Pelajaran, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri iaitu PDRM, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan

Masyarakat, Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Kesihatan. Lebih kurang saya akan cuba buat secara padat di dalam ucapan ini.

Yang pertama Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal perpaduan dan keamanan rakyat Malaysia sebagaimana yang telah dititahkan dalam ucapan Ke Bawah Duli Tuanku. Saya rasa perkara ini setiap kali dalam setiap ucapan di dalam perasmian di Parlimen yang mulia ini, Ke Bawah Duli Tuanku sering kali menyentuh soal perpaduan kaum dan keharmonian rakyat.

Saya rasa ini adalah perkara pokok, tunjang untuk masa kini dan untuk masa depan dan untuk selama-lamanya sempena sambutan 50 tahun akan datang pada bulan Ogos nanti dan harapan seluruh rakyat bukan sahaja untuk menghayati ataupun menikmati keamanan, kesejahteraan rakyat, tetapi juga untuk lebih 100 tahun atau 1000 tahun yang akan datang.

Lantaran itu sebagaimana yang telah dititahkan oleh Ke Bawah Duli Tuanku, marilah kita sama-sama dalam Dewan yang mulia ini tidak kira apa konsep perjuangan parti atau di mana kita berada selagi bernama kita setia kepada raja dan negara, sama-samalah kita cuba cari pokok pangkal ke akar umbi agar mempertahankan perpaduan kaum serta keharmonian rakyat yang kita nikmati sekian lama.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah terdapat Teks Titah Ucapan seperti dibentangkan di atas meja Yang Berhormat?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Bolehkah Yang Berhormat baca Perkara 43?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Berkaitan dengan perpaduan kaum, Tuan Yang di-Pertua. Maaf, saya dok cuba cari.

Tuan Yang di-Pertua: 43.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: 43?

Tuan Yang di-Pertua: 43.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Iaitu saya *quote*,

“Beta mengakhiri titah ulung ini dengan menyentuh perkara yang paling penting bagi negara kita iaitu perpaduan rakyat ialah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara yang kita cintai ini akan berpecah-belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian. Segala usaha dan kemakmuran yang telah kita bina bersama akan hancur musnah dan sia-sia.”

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ilham untuk saya menegaskan betapa pentingnya perpaduan dan keamanan masyarakat kita. Lantaran itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak jemu-jemu untuk menyentuh aspek ini setiap kali saya berbahas. Kalau dilihat dari segi sejarah perjuangan tentang persefahaman, beberapa perkara yang

termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan di bawah perkara 152, 153 dan juga tentang kebebasan beragama. Inilah tiga perkara yang begitu sensitif yang kadang-kadang boleh menimbulkan perasaan syak wasangka antara sesama kita.

Kalau dilihat sebenarnya soal hak keistimewaan orang-orang Melayu telah pun termaktub di dalam Perjanjian Persekutuan tahun 1948 iaitu sebelum kita mencapai kemerdekaan. Lantaran itu, bagi generasi yang lahir selepas daripada kemerdekaan yang berusia pada ketika ini di bawah mungkin 35 tahun, soal perjuangan terdahulu, persefahaman terdahulu ataupun semangat tolak-ansur terdahulu, mereka tidak faham.

Lantaran itu, saya ingin menyarankan di dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, soal yang telah termaktub dipersetujui sekian lama oleh mungkin datuk nenek kita terdahulu daripada ini hendaklah kita hebah-hebahkan, uar-uarkan agar semua yang terlibat tanpa mengira apa fahaman ataupun perjuangan sama ada ahli politik di sebelah kerajaan ataupun di sebelah pihak pembangkang haruslah jadikan ini sebagai pokok, panduan, pegangan, pedoman bagi menjamin kestabilan perpaduan untuk terus kita nikmati bersama.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah mungkin 10 tahun dari sekarang, 20 tahun dari sekarang, mungkin dalam separuh abad yang kedua selepas merdeka ini, kita sudah lalui separuh abad yang pertama, dalam masa separuh abad yang kedua ini, orang Melayu pun malu hendak dukung taraf keistimewaan ini. Orang Melayu sendiri pun tidak mahu. Adakah itu mungkin? Ketika itu bolehlah negara berubah.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua perkara yang Tuan Yang di-Pertua sentuh tadi, kalau boleh saya faham tadi iaitu tentang sifat orang Melayu sama ada mereka sudah malu untuk terus menikmati hak-hak keistimewaan orang Melayu yang termaktub dalam Perlembagaan. Ini telah pun termaktub di dalam Perlembagaan kerana sejarah dan kita harap masyarakat Malaysia hari ini faham dengan apa tumpuan fokus yang diberi kepada orang-orang Melayu.

Yang pertamanya, 450 tahun mereka kebelakangan apabila dijajah. Dari segi ekonominya, memang terbiar. Masalah ada diskriminasi yang begitu meluas dengan dasar *divide and rule*, dengan izin, oleh penjajah. Lantaran itu dalam tempoh 50 tahun hari ini, separuh abad pertama sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sentuh tadi itu, kita masih mencari sebenarnya apakah segala dasar yang ditetapkan oleh kerajaan, adakah termaktub syarat-syarat ataupun keistimewaan dalam Perlembagaan telah tercapai.

Realitinya kalau kita lihat hari ini, sepiantas lalu, tidak usah kita lihat *figure ...*, secara umumnya kalau kita pergi ke kota-kota, dalam perumahan kita lihat, majoriti peratus siapa yang memiliki rumah-rumah besar dapatkan fakta, kita lihat di situ di mana kedudukan *gapnya*.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, lihat kenderaan di jalan. Kalau kita ke Putrajaya, rata-rata kita lihat kereta kebanggaan negara, Proton...

Tuan Yang di-Pertua: Usah banyak-banyaklah contoh. Ia nanti polarisasikan penghujahan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Jadi soal perpaduan negara tadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh sama ada ia kukuh atau ia rapuh setelah kita lalui 50 tahun. Kerana itu pada anggapan saya dalam Titah Ucapan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terus memberi penekanan terakhir. Ertinya perpaduan kaum yang hari ini kita nikmati, keharmonian rakyat yang kita kecapai hari ini di permukaannya mungkin nampak aman tetapi kalau berlaku sesuatu yang menjadi agenda mana-mana pihak di dalam mahupun peringkat antarabangsa, perpaduan kaum itu akan terus retak dan mungkin terus berkecai.

Kerana itu di dalam Titah Ucapan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong begitu terang, jelas dan padat, harapan dan inspirasi Ke Bawah Duli Tuanku untuk kita sama-sama cari jalan untuk mempertahankan perpaduan dan soal keharmonian kaum.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh berkaitan dengan kementerian yang saya nyatakan tadi itu secara spesifik kerana terlalu banyak yang saya hendak sentuh. Di antara lainnya berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri yang melibatkan soal agensi-agensi di bawahnya yang mana agensi-agensi ini dipersoalkan dari segi *delivery system*, dengan izin, sistem penyampaiannya iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam. Ini juga ada kaitan dengan Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam tentang sistem penyemakan gaji semula dan saya percaya sudah pun kita diberitahu secara kasarnya. Namun begitu saya suka sentuh kerana keputusan belum lagi dibuat kerana ia melibatkan hampir 1.2 juta perkhidmatan awam sebagaimana Tuan Yang di-Pertua sentuh semalam, kalau kali keempat atau kelima, jumlahnya mungkin hampir lima juta. Itu adalah mereka yang akan menikmati tentang apa-apa kelebihan apabila diluluskan oleh kerajaan nanti.

Saya rasa skim ataupun Perkhidmatan Awam Malaysia hari ini mahu tidak mahu boleh kita katakan yang terbaik di antara terbaik di dunia berdasarkan beberapa perubahan sama ada secara radikal ataupun evolusi sampai ke tahap ini sehingga negara-negara membangun lain cuba mempelajari akan bagaimana sistem perkhidmatan awam kita boleh mencapai ke tahap negara merdeka dalam 50 tahun, tetapi pencapaian dari segi pembangunan, melebihi 100 tahun.

Kalau dibandingkan dengan Ghana yang merdeka sama dengan kita, tetapi di mana letaknya Ghana hari ini. Kerana itu di antara peranan yang dimainkan oleh perkhidmatan awam adalah amat penting dan tunggak di dalam menjayakan apa-apa dasar kerajaan. Oleh itu dalam skim ataupun usaha-usaha untuk menyemak gaji semula ini, harus ini juga dijadikan sebagai alasan.

Sektor swasta, Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, sektor swasta, minta maaf, secara perbandingan rata-rata perkhidmatan awam boleh memiliki kereta kebanggaan

negara, tetapi sektor swasta menggunakan kereta *luxury*, import, itu secara sepintas lalu, secara perbandingan.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi keseimbangan yang telah dinyatakan oleh Ke Bawah Duli Tuanku ada *gap* di antara yang berada dan tidak berada. Lantaran itu apabila kerajaan mengkaji balik sistem tangga gaji perkhidmatan awam, itu juga harus dijadikan sebagai pantulan untuk menaikkan keseimbangan antara gaji sektor swasta dan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut sistem kenaikan pangkat, saya tidak akan jemu-jemu untuk menyentuh kerana ini merupakan perasaan yang terpendam di lubuk hati pegawai dan kakitangan kerajaan dan juga sektor perguruan yang melibatkan seramai 330,000. Dalam surat khabar tiga hari yang lalu ada menyebut seramai 70,000 dalam sektor perguruan yang tidak mengendahkan untuk mengambil peperiksaan PTK. Jadi kita kena lihat mengapa perkara itu berlaku, ia mesti kita kaji.

Kedua, di peringkat perkhidmatan awam juga, ujian PTK ini menimbulkan bebanan dan *frustration* ataupun *stress*. Apa lagi yang hendak *study* di pejabat di samping hendak membuat tugas seharian - operasinya. Bagaimana pula di rumah, baik isteri dan si suami terpaksa untuk *concentrate* untuk lulus PTK. Matlamatnya apa? Hendak lulus ujian PTK ini untuk apa? Apakah untuk menaikkan kualiti perkhidmatan mereka ataupun dengan izin, *exam-oriented* ini harus di fikir. Kita boleh menaikkan kualiti perkhidmatan dengan cara-cara lain yang tidak meninggalkan beban untuk mewujudkan keluarga mesra dan keluarga penyayang. Ini telah mewujudkan *stress* dalam keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak menentang apa yang baik ataupun pembangunan modal insan yang memerlukan pembelajaran sepanjang hayat. Kita boleh belajar sepanjang hayat tetapi tidak perlu ujian, sudah cukup kita menyediakan nota-nota. Macam Kementerian Kesihatan - doktor-doktor, kadang-kadang soalan ujiannya tidak relevan. Begitu juga yang berada dalam sektor perguruan, soalan-soalannya tidak relevan. Kalau boleh untuk meningkatkan soal pembangunan insan dari segi ilmu nota-nota yang berkaitan harus disediakan, dibekalkan untuk mereka baca. Saya percaya pegawai kerajaan yang bertanggungjawab mereka semua akan baca - *knowledge*. Tetapi kalau diletakkan syarat untuk *exam* kenaikan pangkat, ini satu tekanan, satu bebanan yang harus difikirkan kembali.

Saya juga ingin mendapat tahu dari JPA berapakah kos yang terlibat untuk mengendalikan peperiksaan PTK sejak tiga, empat tahun yang lalu. Cuba kita lihat, kerana *frustration* ini tidak boleh dibiarkan, Tuan Yang di-Pertua. Ia melibatkan keberkesanan, kecekapan dari segi produktiviti pekerja.

Tuan Lee Chee Keong: Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada pandangan Yang Berhormat Senator mengenai sektor awam atau perkhidmatan awam. Yang Berhormat mengatakan bahawa sektor awam kita dianggap mengikut penilaian Yang Berhormat adalah salah satu yang terbaik dalam dunia. Saya hendak minta pandangan

Yang Berhormat, dalam komposisi sektor awam kita, terutamanya dalam golongan pengurusan tertinggi pegawai-pegawai bumiputera terdiri daripada 84% dan bakinya 16%. Adakah ini melayakkan perkhidmatan awam kita mengikut penilaian Yang Berhormat sebagai satu bentuk perkhidmatan awam yang dikatakan salah satu daripada yang terbaik dalam dunia ini? Terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih, Yang Berhormat sahabat saya. Kalau dilihat dari segi *percentagenya* yang ada 84% dan 16%, kalau di peringkat pengurusan sememangnya termaktub dalam Perlembagaan, 4:1. Saya percaya dari segi kebolehan perkhidmatan awam kalau dikatakan 84% sebenarnya ini membuktikan pernah suatu masa dulu diberi stigma tentang orang Melayu malas, tentang orang Melayu tidak boleh membina jati diri. Ini terbukti kerana perkhidmatan awam walaupun 16% sumbangannya dengan 84% dari bumiputera mereka sama-sama bekerjasama untuk meletakkan suatu kualiti perkhidmatan awam yang terbaik di dunia.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga kerana Yang Berhormat telah menyentuh *percentage* bukan bumiputera dalam perkhidmatan awam sebanyak 16%. Selalunya saya juga tertarik bagaimana kita hendak mengimbangi pihak swasta kerana di pihak swasta saya tidak nampak satu formula, satu cara, bagaimana kerajaan cuba bersama untuk meletakkan bumiputera di pihak swasta kerana hari ini kategori eksekutif dan pengurusan bumiputera hanya 4% dan bukan bumiputera 96%. Jadi di manakah keseimbangan dari segi hasrat dan matlamat Ke Bawah Duli Tuanku agar pihak swasta juga turut sama-sama *participate*, sama-sama tunjuk komitmen bagi menjana pertumbuhan dari segi sistem perkhidmatan keseluruhannya untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya teruskan subjek yang selanjutnya. Saya ingin menyentuh dari segi Kementerian Pengajian Tinggi dengan sedutan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagaimana yang telah Tuan Yang di-Pertua boleh saya *highlight* kan. Sedutannya berbunyi:

“Beta berharap kualiti akademik institusi-institusi pengajian tinggi negara dapat ditingkatkan dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini.”

Saya mengucapkan syabas dan tahniah, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi dan staf kementeriannya kerana telah membuat beberapa perubahan dengan izin, *paradigm shift* untuk menjayakan visi dan misi negara untuk masa kini dan masa akan datang.

Kalau dilihat daripada angka ini dalam RMK-9 menyasarkan 100,000 pelajar asing hendak dibawa masuk ke negara kita. Tempoh 2010 itu menjadi sasaran bagi 100,000 pelajar

asing tersebut. Saya hendak minta Kementerian Pengajian Tinggi melihat beberapa perkara yang merupakan masalah hendak mencapai sasaran yang disentuh.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat teruskan, kerana perbahasan dalam Dewan Negara ini berlaku mengenai satu perkara yang sama telah pernah berlaku dulu, iaitu ia sekarang berlaku dalam Dewan dan seketika dulu dalam media tetapi pernah perbahasan ini berlaku. Pada tahun 1955 kita mengadakan pilihan raya yang pertama sebelum merdeka. Pada tahun 1957 kerana pakatan di antara kaum kita merdeka. Pada tahun 1959 kita mengadakan pilihan raya pertama. Pada tahun 1964 bermulalah perbahasan mengenai perkara-perkara yang kita bahaskan ini dan apa yang media bahaskan baru-baru ini dan ditegur oleh Perdana Menteri supaya redakan perbahasan. Pada tahun 1964 mulalah perbahasan. Lima tahun berbahas habis-habisan.

Pada tahun 1969 sesuatu berlaku, Parlimen digantung. Bila Parlimen digantung perbahasan pun tidak ada. Pertumpahan darah. Kemudian dengan kebijaksanaan pemimpin ketika itu diredakan semula perbahasan. Pada tahun 1974 pilihan raya pula dan seterusnya 1978, 1982. Tiap-tiap kali bila perbahasan begini rupa hendak muncul diredakan supaya jangan berlaku perbahasan di antara tahun 1965 dan 1969. Nampaknya kalau Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara pun terlupa bahawa perbahasan begini rupa jika keterlaluan boleh membawa kepada apa yang berlaku, inilah yang memerlukan disiplin yang amat ketat dalam perbahasan dan jangan kita dinodai oleh retorik. Yang Berhormat boleh teruskan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas huraian yang begitu berkesan buat Ahli-ahli dalam Dewan Negara dan juga untuk Ahli-ahli di Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebut tadi sasaran kita untuk membawa pelajar asing 100,000 dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi, di sini saya hendak sentuh dari segi proses pengeluaran visa pelajar yang mana antara lainnya hasrat yang hendak dilaksanakan bagi meluluskan visa tersebut ialah antara dua minggu. Tetapi masih mungkin berlaku masalah dalaman yang memerlukan kelemahan ataupun dengan izin *loop hole* tersebut di majukan.

Saya ingin meminta pihak kedua-dua kementerian, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga bahagian Kementerian Dalam Negeri iaitu Imigresen kerana untuk meluluskan visa pelajar tersebut memerlukan keputusan daripada dua kementerian. Kalau bolehlah disarankan diwujudkan *one stop agency* di mana proses itu dibuat oleh satu tempat sahaja tanpa dokumen-dokumen tersebut ataupun maklumat tersebut mendapat kelulusan dua kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mendapat maklumat apakah permohonan visa pelajar yang diterima daripada tahun 2001 sehingga akhir 2006. Dari situ mungkin kita dapat lihat sambutan permohonan pelajar-pelajar antarabangsa untuk masuk sebagai pelajar di negara kita. Begitu juga dengan kemudahan kepada pelajar-pelajar asing ini kalau dibandingkan dengan

negara jiran beberapa keistimewaan diberi kepada permohonan mereka untuk belajar. Di negara kita masih ada sekatan-sekatan yang menyulitkan untuk mereka datang. Di satu pihak mengharapkan pelajar asing melalui pelajaran mereka datang. Tetapi ada rintangan-rintangan yang perlu diperhalusi. Umpamanya, mereka datang bersama keluarga di *airport* dengan mendapat visa. Tetapi kadang-kadang mereka dikelompokkan sebagai pembantu rumah dan taraf mereka agak menyedihkan apabila dianggap sedemikian apabila berada di *airport*. Mungkin pihak kementerian mengkaji carilah agar mereka yang berstatus pelajar dan keluarga yang datang bersama dicari kemudahan kaunter bagi memudahkan mereka kerana mereka datang membawa wang.

Tuan Yang di-Pertua berlaku juga pelajar-pelajar asing ini kerana warna kulit tanpa mengira masa mereka diheret ataupun ditangkap di dalam bas, ditangkap ketika di dalam perjalanan untuk ke pusat-pusat pengajian tinggi. Kerana memang ada, memang ada yang jahat, memang ada. Orang kata apa? *Black sheep* dengan izin. Tetapi ialah bila ditangkap itu mereka yang betul-betul *black sheep* dengan izin dan apa yang telah berlaku ada juga pelajar-pelajar yang ada visa yang sah tetapi ditangkap, dibawa dua malam, tiga malam. Pelajar-pelajar ini telah membuat laporan kepada negara yang berkaitan. Ini berlaku kepada mereka.

Jadi kalau boleh ini saya sentuh tentang RELA Tuan Yang di-Pertua *be specific* diberi kuasa juga untuk menyemak visa pelajar dan kalau boleh perkara ini harus diberi perhatian oleh kementerian. Tentang Kementerian Pengajian Tinggi juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh tentang Lembaga Akreditasi iaitu LAN dan proses untuk mendapat kelulusan sesuatu ijazah ataupun diploma agak lambat mendapat kelulusan. Ini menimbulkan bebanan kepada pihak-pihak yang menganjurkan pengurusan pengajian tinggi swasta. Kalau boleh modus operandi ataupun sistem operasi prosesnya mengkaji semula agar ditetapkan tempoh meneruskan pelajaran daripada IPTS membolehkan mata-mata pelajaran ataupun *degree* sesuatu subjek diberi kelulusan yang cepat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang Kementerian Pelajaran Malaysia. Mengikut Titah Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku, perkara lainnya saya ingin dengan izin *quote* iaitu berbunyi:

“Beta percaya bahawa pelan ini akan meletakkan asas yang kukuh bagi melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan mengangkat sistem pendidikan negara di mata dunia”.

Tuan Yang di-Pertua, pelan yang dimaksudkan tadi itu ialah Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 hingga 2010 yang telah dilancarkan baru-baru ini. Mengikut perkhidmatan perguruan Tuan Yang di-Pertua, jumlah mereka yang terlibat ialah 330,000 tenaga pengajar melibatkan 9,500 sekolah dan jumlah pelajar yang terlibat ialah 5.2 juta. Secara langsungnya

hampir tanggungjawab guru-guru ini ialah 25% daripada keseluruhan jumlah penduduk negara kita iaitu sekitar 20 juta hari ini. 25% yang dipertanggungjawabkan kepada perkhidmatan perguruan.

Tuan Yang di-Pertua saya *highlight*kan perkara ini kerana sudah sampai, mungkin pihak kementerian telah memberi pengiktirafan dari masa ke semasa. Tetapi pada kali ini saya ingin menyentuh agar suatu pengiktirafan pada sistem kenaikan pangkat kepada kedudukan taraf jawatan perguruan haruslah diberi di tahap yang lebih baik. Saya tidak mengatakan tidak baik. Kerajaan telah pun membuat yang terbaik pada hari ini dan kalau boleh dipertingkatkan lagi dari segi memberi pengiktirafan kepada mereka. Saya... dan kita harus akui sejak zaman penjajah sehingga ke hari ini jasa guru yang tidak ternilai harus diberi tempat yang sepatutnya.

Saya pohon sama ada Suruhanjaya Perkhidmatan Perguruan, APA, MAMPU, EPU, Kementerian Kewangan buatlah kajian secara holistik sama ada perlu menyusun semula struktur organisasi di Kementerian Pelajaran khususnya Bahagian Pendidikan, Jabatan Pelajaran, Pendidikan Daerah, sekolah-sekolah dan kalau boleh dinaikkan taraf jawatan mereka dan diberi jawatan-jawatan kalau dia pengetua, wujudkan tiga jawatan timbalan pengetua. Kalau dia guru besar, wujud tiga jawatan penolong kanan guru besar. Kalau dia pengarah negeri, beri empat timbalan pengarah. Memang banyak, terlalu banyak beban tanggungjawab mereka dan ini ada kaitan dengan *delivery system*, kita harus lihat. Kalau tanggungjawab berat, beban tugas banyak, jadi *staff* harus diberi moral yang setimpal.

Kedudukan jawatan yang lebih dan kerana itu saya lihat persoalan PTD hendak masuk tidak timbul jika mereka sendiri diberi kedudukan. Bukan pengalaman PTD saya tidak akui tetapi pengalaman yang ada pada PTD boleh juga diperolehi oleh perkhidmatan perguruan melalui *training*, penambahan ilmu pengetahuan mereka agar peluang kenaikan pangkat, jawatan-jawatan ditambah seperti kita lihat tidak ada sebab dan lantaran itu untuk menjustifikasikan pewujudan jawatan di sini haruslah dijadikan titah ucapan Ke Bawah Duli Tuanku sebagai asas untuk pihak JPA, Kementerian Kewangan melihat sama ada Pengarah Pelajaran Negeri harus ada empat Timbalan Pengarah. Begitulah dia akan naik daripada Ketua Pengarah di peringkat pusat turun. Ketua Pengarah harus ada empat Timbalan Ketua Pengarah kerana tanggungjawab berat. Apalagi untuk menjadikan pembangunan tenaga insan ini suatu sasaran negara yang di war-warkan, yang diutamakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh dari segi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri khususnya PDRM. Saya memang tidak jemu-jemu untuk memberi kalungan penghargaan tahniah, syabas kepada pihak PDRM yang terbukti selama ini telah berjaya menjamin akan keamanan keselamatan dalam negara. Walaupun kalau dilihat kata pepatah 'berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'. Di dalam ucapan Ke Bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya *quote* Tuan Yang di-Pertua.

“Beta bersyukur keselamatan negara terus terpelihara daripada sebarang ancaman. PDRM menjalankan tugas dan amanah dengan penuh dedikasi dan Beta mengharap agar usaha tersebut dapat dipertingkatkan.”

Jadi kali ini fokus saya Tuan Yang di-Pertua iaitu dari segi memerangi dadah. Kita lihat soalan dadah ini bukan kata dah semakin menurun tetapi ia terus berada di tahap yang sama dan ada juga dari segi aspek-aspek tertentu masalah penagihan dadah, pengedaran dadah telah pun sampai ke tahap yang saya kira tidak dapat dibendung. Alhamdulillah di atas kepintaran, kecemerlangan PDRM, beberapa tangkapan, beberapa tindakan undang-undang telah dapat membanteras usaha-usaha tersebut. Jadi di sini saya mohon iaitu katakan apakah lagi strategi yang terbaru untuk kita mencari punca dan menangkap penagih dadah yang hampir 400,000 orang daripada 96% adalah anak-anak Melayu dan persoalannya di sini kenapa terjadi sedemikian rupa.

Sama ada perlukan sampai masa kita menggunakan pihak ketenteraan turut sama-sama membantu mencari pengedar-pengedar, pengusaha-pengusaha. Itulah akar umbinya kerana ada *supply*, maka bertaburanlah penagih-penagih dadah dan kita juga telah terkenal dan dianggap sebagai pusat transit pengedaran dadah untuk persada antarabangsa. Jadi bagaimana kalau boleh di atas kecemerlangan yang sudah ada pada pihak polis, apa lagi strategi yang harus kita sama-sama pikul, kerana perkara ini telah menjadi pokok. Satu negara, sejarah membuktikan di India dan di China peperangan candunya. Musnahnya satu-satu masyarakat itu menyebabkan mudahnya penjajah mengambil alih. Tak kiralah dalam bentuk ekonomi ke dalam bentuk peperangan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua saya minta pihak kementerian kerana isu minda kelas pertama ini telah dibangkitkan beberapa kali. Kalau boleh saya nak fokus yang juga terlibat di dalam merosakkan harta awam, di dalam menghancurkan prosedur-prosedur perjalanan di jalan raya adalah sumbangannya datang daripada pendatang asing. Hampir 2.5 juta mereka ini ada yang sah, yang pasti dan tidak sah. Tetapi siapakah yang memantau, yang menjadikan nampak minda kelas ketiga ini mereka juga, termasuk mereka juga. 2.5 juta satu angka yang besar. Jadi siapakah yang nak memastikan mereka ini dinaikkan minda kelas pertama? Rata-rata mereka juga menggunakan kemudahan awam. Tapi yang terpalitnya kita juga. Sama-sama yang ada, memang ada yang turut menunjukkan minda kelas ketiga. Jadi saya mohon apakah strategi kementerian nak pantau 2.5 juta orang ini yang juga menyumbang ke arah menunjukkan kita mempunyai minda kelas ketiga dengan taraf prasarana kelas pertama.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Kementerian Kesihatan dengan izin. Fakta sahaja, fakta sahaja Tuan Yang di-Pertua. Di dalam Ucapan Ke Bawah Duli Tuanku dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya;

"Pembangunan ekonomi negara yang mampan dan kukuh tiada ertinya sekiranya kualiti hidup rakyat tidak meningkat sejajar dengan pembangunan tersebut". Ini aspek kesihatan. Mengikut perangkaan, Tuan Yang di-Pertua tahun 2005 secara perbandingan iaitu dari segi kuota penduduk mengikut doktor. Malaysia kuotanya hari ini seorang doktor terpaksa jaga 1388 orang. Singapura, seorang doktor menjaga 650 orang. Di UK, negara yang maju, seorang doktor juga 649 penduduk. Di USA seorang doktor 363.

Dan saya nak banding sikit Tuan Yang di-Pertua dengan izin, jumlah penduduk ikut katil ataupun *bed* dengan izin.

Negara	Bilangan Katil	Jumlah Penduduk
Malaysia	1.3	1000
Singapura	2.79	1000
UK	4	1000
USA	3.3	1000

Jadi perangkaan tersebut Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat ulasan dari kementerian. Apakah strategi kementerian untuk mengatasi *gap* kekurangan doktor, untuk mengatasi di antara kedudukan mereka harus tangani penduduk dengan kedudukan, keperluan kemudahan katil dengan jumlah penduduk untuk mencapai jangka 2020. Boleh kementerian bagi apa strategi sebab kita memang ketinggalan. Dan di sini saya juga ingin mendapat strategi daripada kementerian, di dalam meningkatkan lagi pendapatan negara dalam bidang *health tourism* dengan izin. Untuk tempoh RMK-9 Tuan Yang di-Pertua, sasaran kita ialah RM2 bilion kerana dalam tahun 2005 sahaja telah terbukti *foreign exchange earning* dengan izin telah mendapat RM925 juta. Lantaran itu saya ingin mendapatkan daripada Kementerian Kesihatan, fokus strategi bagaimana untuk kita merapatkan jurang ini demi pembangunan negara akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya nak sentuh sikit tentang berkaitan dengan Jabatan Kehakiman dengan izin, sikit sahaja lagi ya. Ada kaitan dari segi '*delivery system*' khususnya menyentuh soal penyelesaian kes-kes di Mahkamah Tinggi dan juga Mahkamah Kes Sivil dan Jenayah yang tertunggak. Mengikut rekod Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini Februari 2007 jumlah kes sivil dan jenayah yang tertunggak ialah sekitar 83500 jumlah kes.

Kemudian kedudukan kekosongan jawatan dan jumlah Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi sehingga 7 Mei 2007, jumlah hakim 107. Jumlah kekosongan hakim 35 orang. Ertinya 30% kosong. Bagaimana nak bebaskan dengan tanggungjawab kes yang masih tertunggak apatah lagi kes-kes yang akan datang. Persoalan saya, apakah strategi jabatan bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut? 35 orang ataupun 30%.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, strategi fokus iaitu berapa lama difikirkan 83,500 kes ini boleh diselesaikan dengan jumlah 70 orang hakim mahkamah dan sikit lagi Tuan Yang di-Pertua menyentuh soal jumlah hakim-hakim di Mahkamah Tengah, Mahkamah Rendah dan jumlah jawatan yang kosong serta jumlah kes-kes yang tertunggak. Di sini akan mempamerkan kemudian nanti tentang kecemerlangan dari segi sistem penyampaian di dalam menyelesaikan kes-kes di peringkat mahkamah. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya sentuh tentang Suruhanjaya Pilihan Raya dengan izin. Di dalam peranan SPR ialah untuk menegakkan sistem demokrasi berparlimen. Sehingga hari ini selepas 11 kali pilihan raya umum, terbukti di dunia akan kecemerlangan, integriti, ketelusan SPR kepada mereka. Walaupun pernah dicabar di mahkamah tentang keputusan-keputusan SPR tetapi ia nya terlalu adil. Ada yang menunjukkan SPR kalah dan ada juga SPR menang. Dalam soal ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Baru ini bukan ada pilihan raya di Scotland?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Apa dia?

Tuan Yang di-Pertua: Scotland.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Yes?

Tuan Yang di-Pertua: Ada cacat tak?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ikuti secara menyeluruh. Tetapi secara perbandingan, saya nak *quote* di US, di Amerika. Pilihan raya untuk memilih Presiden Bush satu ketika dahulu. Negara yang begitu canggih dengan ITnya, segala-galanya canggih. Tetapi keputusan di Florida sehingga terpaksa tertangguh satu hari kemudiannya kerana dipersoalkan dari segi kesahihan keputusan pilihan raya tersebut.

Apatah lagi di negara yang maju sedemikian kalau dibandingkan negara kita. Pada anggapan saya, SPR kita memang di antara yang terbaik di dunia kerana rata-rata suruhanjaya-suruhanjaya pilihan raya negara-negara yang datang nak mengimbu, mempelajari, tiga hari, empat hari mendapat taklimat bagaimana kita berjaya melaksanakan, menegakkan sistem demokrasi berparlimen menerusi sistem perjalanan pilihan raya yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pilihan raya.

Tuan Yang di-Pertua, pilihan raya kita yang pastinya akan berlaku sebelum bulan April 2009. Yakin, saya yakin tidak lebih daripada itu dan saya pasti apabila berlakunya pilihan raya, soal-soal apa yang berlaku sebelum ini melalui empat pilihan raya kecil ataupun Pilihan Raya Umum 2004.

Pihak-pihak tertentu senantiasa mencari alasan-alasan untuk mempertikaikan tentang peranan Suruhanjaya Pilihan Raya dengan pelbagai tohmahan. Yang pertama, yang selalu menjadi perkara pokok ialah pengundi hantu, kemudian pembuat kacau bilau, tension kalau sudah rasa-rasa hendak kalah. Ini terbukti dalam pilihan raya kecil, saya juga rasa kalau tengok di Batu Talam. Memang tempat itu tempat kemenangan, minta maaflah Barisan Nasional. Memang takut orang ini hendak masuk bertanding. Cari seribu satu alasan suruhanjaya tidak

telus, suruhanjaya tidak bebas dan ada pengundi hantu situ. Kemudian di Machap, mereka juga menunjukkan cuba hendak boikot. Tetapi hakikatnya bagaimana berlaku di Ijok baru-baru ini dengan pelbagai fitnah, tohmahan terhadap kepimpinan negara, yang di luar batas-batas kempen pilihan raya dengan harapan boleh menang, dengan wujud... minta maaf. Ini pengalaman saya sendiri, saya berhadapan dengan dua bas penyokong-penyokong kempen parti datang dari Perlis, negeri Ke Bawah Duli, Tuan Yang di-Pertua sendiri, ditahan dan dilontar batu....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, silap itu.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Saya sudah perbetulkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat kata negeri Ke Bawah Duli pula.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, saya sudah perbetulkan. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Negeri Ke Bawah Duli Mantan Yang di-Pertuan Agong yang ke-12.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Unsur-unsur gengsterisme dan unsur-unsur samseng menahan bas tersebut yang di dalamnya makcik-makcik, pakcik-pakcik takut hendak keluar dari bas. Diketuk-ketuk keliling hampir 30 orang yang cuba untuk menyemak dengan membuat tohmahan mereka ini pengundi hantu yang dibawa masuk. Itu bukan cara parti Barisan Nasional. Mereka datang untuk membantu...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Mohon laluan Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Boleh.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat sedikit. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tentang pengundi hantu ini, benarkah ada pengundi hantu ini? Kalau ada berapa orang yang sudah dikesan? Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, istilah pengundi hantu ini sebenarnya mungkin ditakrifkan sebagai pengundi yang tidak sah. Tetapi di dalam Daftar Pemilih, mereka yang telah pun disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, mereka ini adalah pengundi, pengundi yang sah. Yang dikatakan pengundi-pengundi hantu sememangnya ada nama tetapi ICnya lain atau orang yang tidak ada. Itulah yang dikenali sebagai pengundi hantu. Mereka datang masuk mengundi dan keluar tetapi mereka tidak ada dalam Daftar Pemilih.

Itu pengundi hantu. Tetapi yang ada di dalam Daftar Pemilih yang telah disahkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya. Daftar Pemilih ini juga telah dibentangkan untuk pameran. Mana-mana pihak boleh *check* selama sebulan. Kita tengok, kalau ada pengundi-pengundi yang memang *disqualified* atau pengundi-pengundi yang memang dia tidak ada di situ. Macam saya,

saya dari Alor Star, Kedah dan memanglah waktu pilihan raya saya terpaksa balik. Memang saya tidak ada di sana, tetapi hak saya mengundi di Alor Star. Begitu juga orang lain. Macam di Machap umpamanya. Ada hampir 1,800 pengundi luar.

Apabila hari pilihan raya, parti-parti *organizelah* supaya mereka balik mengundi. Ini yang dianggap pengundi hantu, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya mereka adalah pengundi yang sah di kawasan tersebut, tetapi berkhidmat bertugas di luar kawasan, memang tidak nampak di bahagian itu. Tetapi bila hari pengundian, mereka akan balik. Itu yang dipersoalkan. Yang ditangkap dua bas tersebut, yang dikepong sehingga terpaksa di eskot oleh polis trafik untuk keselamatan mereka kerana diketuk-ketuk untuk *check* IC ini. Ini yang sah atau tidak sah, pengundi dari Perlis tiba-tiba ada di Ijok. Dianggap macam itulah.

Diimport masuk dan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, mereka ini jentera parti yang datang di samping hendak berkempen tetapi juga untuk melancong dan melawat di Putrajaya. Jadi, itulah yang berlaku di Ijok. Lantaran itu Tuan Yang di-Pertua, tata etika dan cara-cara *do and don't* dengan izin, di dalam kempen pilihan raya akan datang semua pihak yang tidak mempunyai agenda biarlah sama-sama harungi pilihan raya itu dengan semangat. Menghadapinya dengan semangat keamanan dan semangat perpaduan ummah. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah mungkin ada pilihan raya kecil lagi?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut undang-undang Akta Pilihan Raya, pilihan raya kecil hanya boleh diadakan sebelum tiga tahun pilihan raya. Umpamanya 2004 pilihan raya umum, tiga tahun selepas itu, itulah kalau ada yang kembali ke Rahmatullah atau kembali ke alam barzakh, baru boleh. Tetapi, kalau selepas 14 April yang lalu, kalau ada yang meninggal, meninggallah. Kena tunggu sampai pilihan raya umum.

Tuan Yang di-Pertua: Makna tidak mungkinlah selepas itu?

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Tidak mungkin, itu di bawah pindaan.

Tuan Yang di-Pertua: Makna kita semua akan menghadapi pilihan raya umumnya.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, Tuan Yang di-Pertua, betul.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh minta laluan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Ya, silakan.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Barangkali untuk tujuan penjelasan sementara rang undang-undang meletakkan bahawa tiga tahun selepas daripada tarikh pertama persidangan Dewan - Dewan Undangan Negeri ataupun Dewan Parlimen. Kecuali menurut pandangan Speaker yang berkenaan, sama ada Speaker Dewan Undangan Negeri atau Speaker Parlimen, bahawa kerusi yang hilang itu perlu diganti kerana ianya menjejaskan sebuah kerajaan. Contohnya di sebuah negeri yang majoriti kerajaannya hanya satu kerusi. Maka, kalau

ada berlaku kekosongan dalam apa juga bentuk dan cara, maka perlu diadakan pilihan raya kecil walaupun tempoh tiga tahun berakhir selepas persidangan Dewan pertama. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Speaker ini tidak ada kuasalah. Speaker yang berada di hadapan Yang Berhormat ini tidak ada kuasalah.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Tidak sekarang, barangkali masa hadapan.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dari segi akademik, penjelasan oleh Senator saya yang juga seorang peguam berguna untuk saya juga. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lee Sing Chooi: Tuan Yang di-Pertua, satu penjelasan juga. Tiga tahun itu ada tarikh pertama persidangan itu. Kalau tidak silap saya, persidangan Dewan Rakyat itu di bulan Mei. Mungkin ada juga kalau sebelum tarikh itu, kalau ada yang kita tidak sangka akan berlaku, mungkinlah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita berdoa semoga tidak adalah.

[Ketawa]

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Senator Tuan Lee Sing Chooi. Tuan Yang di-Pertua,

*“demokrasi berparlimen tunggak kestabilan negara,
kedaulatan undang-undang prinsip Rukun Negara,
kecemerlangan dan kesabaran Tuan Yang di-Pertua tetap terpahat di ingatan
saya.”*

Dengan ucapan-ucapan itu, saya mohon menjunjung kasih dan menyokong Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Mumtaz binti Md Nawi.

3.48 ptg.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Mumtaz binti Md Nawi.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk bersama-sama membuat perbahasan terhadap Ucapan Menjunjung Kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang pertama, saya ingin merakamkan ucapan alhamdulillah kerana negara kita dikurniakan nikmat keamanan dan keharmonianNya sehingga membolehkan kita mendengar amanat dan titah daripada ketua negara. Amanat yang sepatutnya dicerakinkan dengan penuh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh izinkan saya ganggu. Selepas ini saya akan panggil Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah dan selepas itu Tuan Majjol Mahap. Minta bersedia. Silakan Yang Berhormat.

Puan Mumtaz binti Md Nawi: Amanat yang sepatutnya dicerakinkan dengan penuh kewaspadaan untuk dijadikan panduan dan membolehkan kita mengenal pasti keutamaan masalah dan isu yang perlu diselesaikan dengan tindakan yang segera. Di samping pelan dan dasar yang telah diluluskan sama ada di peringkat kerajaan negeri mahupun Kerajaan Pusat. Amanat yang diberikan kepada negarawan yang bertanggungjawab untuk memahami dan bertindak dengan matan titah tersebut.

Saya juga ingin merakamkan tahniah kepada semua senator yang baru sahaja dilantik atau telah dilantik semula dan selamat menjalankan tugas kepada semua rakan Yang Berhormat yang berada dalam negara ini kerana ini merupakan satu Dewan yang perlu kepada kita untuk menjamin kesejahteraan negara pada masa hadapan. Yang pertama, berkaitan dengan pendidikan. Dalam Titah Yang di-Pertuan Agong, telah meletakkan harapan kepada pendidikan negara. Maka saya dengan ingin menyatakan bahawa pendidikan agama dan moral sepatutnya dikenali sebagai satu hala tuju utama pendidikan. Ini kerana dari tahun ke tahun peningkatan kecemerlangan anak-anak kita dalam pelajaran dan peperiksaan, kita percaya dari segi pembinaan minda, kerajaan kita sudah berjaya mendidik anak-anak kita dengan cemerlang.

Walau bagaimanapun adalah amat mendukacitakan di mana pelajar ataupun lepasan pelajar-pelajar kita yang tahu membaca dan menguasai ilmu bila mana kita melihat tentang akhlak dan tingkah laku mereka, ini kerana mengikut rekod jenayah semakin hari semakin meningkat.

Sekiranya kita merujuk kepada jawapan bertulis yang telah dikemukakan oleh kementerian kepada Dewan Negara semalam, indeks jenayah pada tahun lepas iaitu tahun 2006 ialah 198,622 kes berbanding dengan 157,459 kes pada tahun 2005 iaitu berlaku peningkatan sebanyak 41,163 kes. Ini berbanding dengan tahun 2004 di mana kes yang dilaporkan adalah 156,455 kes iaitu beza antara tahun 2004 dan 2005 hanyalah 1,004 kes. Tetapi peningkatan berlaku lebih kurang 41,000 daripada tahun 2005 ke 2006, jadi perkara ini kita tengok cukup dukacita dari segi laporan indeks jenayah.

Kita cukup sedih melihat sebagaimana tadi yang telah dibahaskan oleh Yang Berhormat Dato' Yaakob tentang penagih dadah di kalangan pelajar, pelajar sekolah menengah, IPT dan juga pegawai-pegawai kerajaan ataupun swasta yang mungkin terlibat dengan kes-kes jenayah seperti ini jenayah lain seperti ragut, rogol dan bunuh, bukan sahaja melibatkan orang yang tidak berpendidikan

Begitu juga dengan keruntuhan akhlak yang mungkin tidak bersifat jenayah tetapi kebiadaban sebahagian mereka mengecilkan hati ibu bapa dan warga emas dan ini telah merenggangkan hubungan kekeluargaan yang selama ini kita pertahankan.

Kita tidak menafikan sains dan teknologi tetapi untuk membolehkan kita layak dipanggil insan gabungan dan komposisi kemanusiaan yang seimbang mesti cukup. Tak cukup jadi bijak otak tapi tak ada hati yang mulia, fizikal yang lemah dan tidak sihat dan jiwa yang penakut dan tidak tahan ujian.

Ini dapat kita lihat dalam sambutan terhadap sesetengah sikap ibu bapa dan remaja dalam mengikuti atau menyokong program-program seperti Akademi Fantasia, bagaimana sokongan mereka melebihi sokongan kepada anak-anak bila anak-anak dipanggil untuk menyertai program-program berbentuk akademik ataupun latihan fizikal seperti PLKN. Kita lihat dan boleh merasakan dalam hati bahawa banyak jiwa yang sebenarnya merasa kosong, tidak tenang walaupun cerdik.

Oleh itu tanpa penekanan yang benar-benar serius oleh kerajaan yang telah membawa satu pendekatan Islam Hadhari ini dan sebagai sebuah negara timur, saya menggesa kerajaan menekankan soal pembangunan insan melalui guru agama dan guru moral di sekolah-sekolah.

Sepatutnya kemasukan ke universiti-universiti di samping subjek lain yang perlu cemerlang, soal gred yang tinggi terhadap pelajaran agama atau moral seseorang pelajar haruslah dijadikan satu keutamaan ataupun satu *benchmark* dalam merit mereka memasuki IPTA-IPTA mahu pun IPTS-IPTS.

Keputusan PAFA iaitu penilaian bahagian petang yang dijadikan untuk anak-anak kita sepatutnya tidak dinilai hanya dalam lulus ataupun gagal, ia patut dinilai dalam bentuk gred untuk mengalok anak-anak kita lebih lagi prihatin kepada pelajaran-pelajaran agama waktu petang.

Kita bukan sahaja mahukan anak kita belajar dan terpelajar tapi tidak terdidik kita mahu anak kita ini lebih terdidik dengan kehidupan agama kerana kita percaya sekarang minda mereka telah pun penuh dari segi pendidikan dan informasi.

Kesinambungan pendidikan jiwa dan rohani anak-anak di rumah diteruskan di sekolah kemudian diteruskan di universiti, dan ini akan berpanjangan dalam sektor pekerjaan. Insan ini akan menjadi manusia amanah dan berhemah yang tinggi dalam profesion di samping bijak berkemahiran dan cekap.

Ikatan hati dan jiwa antara guru dan pelajar dan juga antara anak dan bapa ini akan mendorong kasih sayang, sebab itulah kita memerlukan orang atau pun insan untuk menjadi guru di sekolah, kalau tanpa motif ini anak-anak kita tentu boleh belajar dengan cekap dan cukup dengan hanya melalui VCD ataupun buku-buku tanpa guru. Wujudnya dan hadirnya guru itu adalah untuk memasukkan unsur-unsur kerohanian dan hubungan insaniah antara pelajar dan antara manusia.

Oleh itu saya mencadangkan guru agama dan moral di sekolah-sekolah dijadikan guru kanan dan diberikan kursus serta kemudahan dan kenaikan pangkat serta keutamaan setaraf dengan guru-guru sains dan matematik.

Satu anugerah pelajar terbaik juga dicadangkan dari segi akhlak dan pingat-pingat seperti pingat Hang Tuah diberi liputan luas dan pingat-pingat lain dan juga dari segi kemanusiaan perlu dilancarkan dan diperkenalkan dengan giatnya. Bukan sekadar penglibatan diiktiraf dari segi kokurikulum sahaja, ini boleh dibuat pada peringkat sekolah, PTD dan negeri.

Moral *boost* ini dengan izin akan menggalakkan kesantunan di kalangan anak-anak kita, ini juga menjadikan hasrat kita untuk melahirkan profesional dalam agama dan juga ustaz yang profesional sebagai satu kenyataan.

Sejarah Islam membuktikan lebih ramai orang yang memeluk Islam melalui akhlak yang ada pada orang Islam bukan sekadar terhad kepada pengajaran dalam bentuk teori sahaja. Motivasi Nabi Muhammad S.A.W dengan mengisyiharkan kepada sahabat beberapa individu iaitu sepuluh individu yang akan dijamin syurga telah mendorong kepada sahabat-sahabat lain untuk lebih menjadi baik dan mengikuti teladan sahabat-sahabat mereka yang sepuluh ini.

Ini menjadikan kepada kita satu kayu ukur supaya anugerah-anugerah seperti ini dapat diberikan kepada anak-anak kita demi untuk menggalakkan mereka mengamalkan akhlak dan moral yang baik.

Prestasi akademik seseorang mungkin... [*Gangguan rakaman*] tetapi kesopanan dan akhlak boleh dilatih untuk dimiliki oleh semua orang. Kalau proses akademik mungkin berbeza seseorang dengan seseorang yang lain tetapi dari akhlak kita minta perkara yang sama. Kita bukan sahaja memerlukan Perdana Menteri yang baik, Timbalan Perdana Menteri yang baik menteri yang baik yang cantik akhlaknya, tetapi juga pemandu teksi, tukang sapu, tukang kebun dan semua bidang yang baik dan bersopan kerana ini perlu dalam bidang masing-masing mereka membuat satu akhlak dan mempamerkan akhlak yang betul-betul baik sehingga menjadikan proses integrasi nasional satu kenyataan.

Satu *blue print* atau modul khusus untuk pembinaan akhlak dan hati mulia ini perlu difikirkan dan dirangka sepenuhnya oleh Kementerian Pelajaran, khususnya bagi negara kita adalah negara contoh negara majmuk, akhlak yang baik membolehkan Pelan Integrasi Nasional boleh dijalankan dengan lancar. Orang kaya tidak hina orang miskin, orang miskin tidak dengki dengan orang kaya, kerana si kaya menderma dan menolong tanpa perlu dipaksa dan tidak mengungkit dengan nista, si miskin pula tidak mengambil kesempatan, jujur serta bekerja keras.

Peningkatan silibus agama dan moral perlu disesuaikan dengan kehendak semasa dan mengikut kaedah-kaedah dan teknologi terkini, kalau anak-anak di zaman dahulu mungkin sesuai dengan psikologi yang keras yang mungkin dipakai oleh bapa kita pada zaman tersebut. Tetapi pada masa sekarang kemungkinan keperluan dari segi pendekatan perlu berbeza dan ini perlu dikenal pasti oleh Kementerian Pelajaran.

Maka keperluan dan pendekatan moden terkini daripada ulama daripada guru-guru agama dalam menguasai lebih daripada empat mazhab dan pakar-pakar moral yang ada, PHD

boleh didatangkan daripada dan mendatangkan pendekatan positif dari segi psikologi kepada masyarakat majmuk di negeri kita.

Pendekatan kepada pendidikan melalui VCD dan juga LCD serta kartun model Malaysia perlu lagi dipertingkatkan keutamaan kepelbagaian bahasa dan bahan bantu mengajar perlu ditekankan supaya anak-anak merasa tertarik dengan pendidikan akhlak.

Kajian di negeri China mendapati bahawa watak dan cerita yang telah ditunjukkan melalui kartun meninggalkan kesan yang lebih mendalam berbanding dengan watak-watak yang telah pun dilihat daripada drama. Pemantauan silibus dan jalan cerita kartun yang disiarkan oleh atau dibikinkan perlu mendapat kelulusan atau di selia oleh Kementerian Penerangan.

Pelajar untuk mendapat misi Pendidikan Nasional dimasukkan atau kita tidak mahu melihat terhapusnya apa yang telah kita ajar di sekolah dengan apabila anak-anak ini melihat kartun-kartun yang tidak diselia dari segi kandungannya. Waktu siaran-siaran kartun ini hendaklah dipantau untuk menjamin dan sesuai dengan psikologi kanak-kanak.

Isu seterusnya berkaitan dengan pendidikan ialah keperluan dan menggalakkan kepada pembinaan sekolah satu jantina dalam negara, selaras dengan perkembangan antarabangsa pertambahan sekolah atau kelas satu jantina ini perlu dijadikan satu kajian dan tindakan segera oleh kerajaan.

Berdasarkan kajian dan penyelidikan yang telah dibuat di Amerika Syarikat didapati sekolah-sekolah yang mengamalkan satu jantina ini lebih cemerlang berbanding sekolah dua jantina. Di sini saya ingin sentuh sedikit beberapa kelebihan sekolah yang dibuat satu jantina:

- (i) Menambahkan kemahiran daya saing dan keyakinan diri antara pelajar.
- (ii) Membangunkan kualiti kepimpinan.
- (iii) Lebih fokus kepada akademik, lebih serius dalam belajar
- (iv) Lebih baik keputusan skor ujian
- (v) Kehadiran lebih baik
- (vi) Akhlak lebih baik disiplin lebih kurang kesnya
- (vii) Gred lebih baik berbanding dari rakan-rakan lain di sekolah dua jantina, perempuan juga lebih cemerlang dalam sains dan matematik dalam kelas satu jantina.

Berdasarkan kepada ini kita memohon agar pihak kementerian supaya membuat polisi baru untuk mengkaji pertambahan dan menggalakkan pertambahan sekolah satu jantina. Begitu juga dengan rekod-rekod pencapaian dalam negeri yang kita lihat betapa sekolah-sekolah yang satu jantina ini berjaya walaupun kita tidak menafikan bahawa sekolah-sekolah yang mempunyai dua jantina juga cemerlang.

Sebagai contoh di negeri Kelantan saya ingin bawa Sekolah Menengah Zainab, Maktab Sultan Ismail, Sekolah Mengah Sains Perempuan Pasir Puteh, Sekolah Maahad Muhammadi (Perempuan) dan Sekolah Maahad Muhammadi (Laki-laki). Ini adalah sekolah-sekolah yang telah berjaya melahirkan pelajar-pelajar cemerlang di negeri Kelantan. Begitu juga kita lihat Sekolah Tungku Kursiah, Sekolah Tun Fatimah, Sekolah SDAR dan MCKK yang telah banyak melahirkan tokoh-tokoh yang begitu cemerlang dari segi kerjaya mahupun akademik. Jadi sudah sampailah masanya ibu bapa di Malaysia dan juga anak-anak diberi peluang untuk menghantar anak-anak mereka sekolah satu jantina.

Kenyataan oleh Setiausaha Parlimen semalam tentang tiada pertambahan sekolah seperti ini membakar semangat kita supaya perkara ini dikaji dengan lebih serius. Kita kena ingat bahawa setiap anak-anak itu berbeza minat dan sifat peribadi. Jadi oleh itu sepatutnya sebagai sebuah kerajaan kita mesti menyediakan peluang kepada ...

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh teruskan.

Puan Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih. Kita tidak mahu sebuah negara yang menjadikan perniagaan, pendidikan sebagai satu punca pendapatan, tidak memberi alternatif kepada ibu bapa agar kewujudan dan galakan oleh kementerian dalam pembinaan sekolah satu jantina di semua peringkat dapat dibuat sama ada di peringkat tadika, sekolah rendah, sekolah menengah seterusnya ke peringkat universiti kita melihat bagaimana di universiti ulung di seluruh dunia, Universiti Oxford, Universiti Al-Azhar, kesemuanya mempunyai bahagian universiti yang khusus untuk kaum wanita dan juga untuk kaum lelaki.

Untuk langkah permulaan kerajaan boleh juga mencadangkan atau membuat satu garis panduan agar sekolah-sekolah yang pun sedia ada mengasingkan pelajar-pelajar lelaki dan perempuan di bangunan yang berbeza untuk kita melihat kesan positif pemisahan ini dalam jangka masa yang terdekat. Dalam negara demokrasi kemudahan perlu disediakan oleh kerajaan untuk mengurangkan masalah disiplin di sekolah. Saya mengusulkan agar perkara ini agar dapat dibuat dengan segera. Pelajar sama ada laki-laki atau perempuan begitu juga dengan guru akan menjadi lebih tenang dan fokus dalam pelajaran. Kewujudan jantina yang berlainan akan memberikan impak sama ada negatif ataupun positif kepada pelajar lain. Pelajar yang cantik dan *handsome* mungkin akan lebih berkeyakinan berbanding dengan pelajar yang biasa.

Tetapi fenomena seperti ini tidak penting lagi untuk sekolah-sekolah satu jantina kerana mereka secara semula jadi mengetahui bahawa mereka adalah daripada golongan yang sama jadi lebih fokus kepada pelajaran. Walaupun kita nyatakan kelebihan ada juga kajian yang menentang tentang kekurangan sekolah-sekolah jantina. Namun secara fitrah dan alamiahnya

kita tidak payah bimbang tentang ketiadaan ataupun ketidaktahuan antara lelaki dan perempuan dalam masalah komunikasi antara lelaki dan perempuan setelah mereka dewasa. Ini kerana setiap orang itu sama ada lelaki atau perempuan mestilah dilahirkan oleh seorang ibu dan ada ayah. Bila dia ada ibu dia ada ayah dia ada adik-beradik dia ada datuk dan nenek, saudara-mara yang lelaki dan perempuan yang berbeza jantina.

Maka dengan sendirinya akan berlaku interaksi antara lelaki dan perempuan dan bukanlah interaksi semestinya berlaku di kalangan rakan sebaya. Oleh itu kita mengharapkan dengan baiknya tidak akan timbul lirik-lirik seperti mana yang telah dinyatakan tentang sebelum ini tentang lirik 'papa jahat' ataupun 'mama jahat' kerana mereka sendiri berinteraksi. Mereka merasakan bahawa ibu bapa, adik-beradik adalah rakan yang mereka perlu kenali dan sayangi dalam kehidupan. Maka dengan itu wujudlah apa yang telah dicatatkan oleh perlembagaan dan rukun negara yang telah digubal dan dicatat oleh negarawan 50 tahun dulu.

Ini juga adalah gesaan yang ditimbulkan oleh sidang Dewan Rakyat yang menggesa kem PLKN dibuat dalam dua kem yang berbeza. Kita lihat perkara ini telah beberapa kali ditimbulkan oleh ibu bapa. Jadi ini juga merupakan hasrat dan citra masyarakat selama ini. Walaupun kita pada masa-masa sekolah harian biasa berbeza mungkin sesetengah sekolah mula pukul 7.30 pagi hingga 2.30 petang tetapi biasanya akan ada kelas tambahan. Jadi masalah yang kita alami dan kita lihat di sekolah harian mahupun sekolah berasrama adalah sama. Polisi ini jika dilanjutkan kepada sekolah swasta dan juga tuisyen mungkin akan lebih menggembirakan ibu bapa walaupun kita sedar tidak semua pusat tuisyen mempunyai pelajar yang ramai.

Tetapi sekiranya pusat tuisyen itu melebihi 50 orang dalam satu tingkatan maka cadangan ini mungkin boleh dilaksanakan dan adalah praktikal. Oleh itu saya dengan rendah diri memohon agar polisi ini dapat dikaji dengan sedalam-dalamnya oleh Kementerian Pelajaran demi manfaat rakyat. Seterusnya tentang dasar hiburan. Dasar hiburan yang mungkin telah pun ada tetapi tidak dapat dilihat hala tujunya dalam mendidik rakyat. Kadang-kadang bila kita melihat TV dan media hiburan kita tertanya-tanya adakah personaliti-personaliti dan orang-orang yang terlibat dalam pembikinan filem dan iklan sebenarnya sedar mereka adalah ejen pengubah masyarakat.

Sebarang kesilapan, keseronokan melampau dalam semua waktu boleh menjadi budaya hidup bermatlamat hiburan dalam kehidupan. Gaya hidup mewah yang sering ditonjolkan menggalakkan masyarakat untuk hidup dalam gaya yang sama ini menjadikan mereka sanggup berhutang. Kita perlu nyatakan bahawa tidak sama antara kebahagiaan dan kemewahan. Artis-artis sebenarnya bertanggungjawab untuk menjadi pendakwah bukan sekadar penghibur. Mereka perlu disedarkan bahawa mereka adalah idola dalam satu sudut pendidikan.

Jadi kalau pegawai kerajaan ada peperiksaan, peniaga ada lesen yang perlu diperbaharui yang mana kita boleh meminta mereka mengenakan pelbagai syarat kepada mereka untuk memperbaharui lesen, sepatutnya sama juga artis dan penghibur juga yang terlibat

dalam bidang ini. Satu *syllabus* hendaklah dirangka atau dikenal pasti bagaimana artis-artis ini dapat kita didik supaya mereka memahami hala tuju dan dakwah pendidikan supaya kita akan dapat lihat lebih ramai artis-artis bersopan di Malaysia ini dalam panggung dan sebagainya menjadi satu kenyataan.

Dalam deretan anugerah artis sepatutnya juga diperkenalkan anugerah artis paling sopan sebab perkara ini akan menggalakkan rakyat untuk meniru artis-artis yang mungkin dikenali berbanding dengan pemimpin masyarakat. Bila bercakap soal media maka fungsi dan peranannya mampu menaikkan dan menjatuhkan sebenarnya imej seseorang manusia. Oleh itu sebagaimana yang kita minta kakitangan awam dan swasta bertanggungjawab maka kepekaan media tentang amanahnya terhadap Allah Taala dan terbanyak perlu kita peringatkan.

Oleh sebab itu Allah S.W.T. dalam banyak ayat menegaskan kepada manusia bahawa Al-Quran merupakan satu kitab yang keaslian serta sumber kesahihannya tidak perlu kita pertikaikan. Sebagaimana guru dianggap penting, arahan, dan galakan pembacaan rakyat maka kebijaksanaan rakyat sepatutnya dihormati oleh media dan kerajaan. Rakyat kita sudah terdedah kepada *internet* daripada seluruh dunia namun sayang seribu kali sayang, perbahasan di Dewan Negara kalau tidak pun di Dewan Rakyat yang begitu bermanfaat tidak dapat ditonton secara langsung sepenuhnya oleh rakyat. Saya dengan ini mengambil peluang untuk memuji Senator-senator dalam Dewan yang telah bertugas dalam keadaan penuh sopan.

Jadi kalau perkara ini rakyat boleh tengok dia akan tengok bagaimana pemimpin-pemimpin telah berbincang isu-isu yang penting dalam negara dan dipengerusikan oleh Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua dengan begitu baik. Tidak ada ruginya kalau kita bersikap telus dalam hal ini. Semua isu dan pertanyaan serta perbahasan adalah mustahak untuk diketahui oleh rakyat. Kalau AF boleh kita siarkan secara langsung adakah fungsi kita selaku Senator-senator ini kurang mustahak dibandingkan dengan peserta-peserta tersebut? Pelantikan yang dibuat oleh kerajaan negeri masing-masing dan juga oleh Yang di-Pertuan Agong adalah mengikut artikel-artikel yang telah dibenarkan dalam perlembagaan.

Saya mencadangkan agar sidang Dewan Negara pun dibuat dan disiarkan secara langsung biar rakyat tahu kerja wakil rakyat sama ada di peringkat ADR mahupun ADN di mana mereka bertugas di Parlimen kerana ini merupakan tempat tugas kita selama tiga kali setahun sekurang-kurangnya. Seterusnya kebajikan rakyat yang telah menjadi tentera, pasukan gerakan am, bomba dan polis yang bertugas menjaga keselamatan kita. Pekerja asing macam-macam cabaran yang ada pada mereka. Adakah boleh kita di samping kenaikan gaji kepada penguat kuasa yang tersebut yang memang telah bertugas dalam keadaan berisiko tinggi, diberi liputan insurans diri untuk menjaga kebajikan golongan ini.

Bagaimana ketenangan dan kehidupan anak isteri mereka boleh dilalui setelah nyawa ayah ataupun ibu mereka gugur semasa menjalankan tugas. Saya ada mengajukan persoalan tentang cara perlindungan PERKESO diberikan sama ada secara konvensional ataupun takaful

jawapan yang saya terima adalah ia adalah mengikut Akta PERKESO. Maka dengan itu saya mencadangkan kemungkinan untuk kita melindungi memberi insurans polisi nyawa ataupun insurans nyawa ini kepada anggota-anggota keselamatan, mungkin boleh dibuat pindaan kepada Akta PERKESO supaya ini akan memberikan satu lagi kelebihan kepada pasukan yang telah pun menjaga keamanan dan keselamatan kita khususnya dalam masyarakat negara majmuk.

Jadi sekiranya perkara ini dapat dibuat ini adalah satu perkara yang baik kepada pasukan penguat kuasa. Begitu juga saya mencadangkan agar untuk pasukan-pasukan ini pihak kerajaan boleh menimbangkan untuk mengecualikan cukai pendapatan kepada mereka kerana yang lain walaupun bertugas tidaklah mengorbankan nyawa. Jadi dalam konteks ini kita lihat bagaimana berlaku kekurangan permohonan untuk menjadi pasukan keselamatan. Jadi kalau banyak kelebihan yang kita berikan ini mungkin akan memberi galakan dan juga kebajikan kepada pasukan keselamatan.

Negara kita adalah negara kaya dengan bahan mentah. Kreativiti rakyat perlu dipertingkatkan. Maka Titah Tuanku tentang pembangunan ekonomi, maka adalah elok sekiranya kita memahami bahawa hasrat sebenar oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong sebagai ketua negara untuk menggalakkan kita mempertingkatkan ekonomi.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk sama-sama kita menilai bahawa kita sebagai orang Islam rukun keempat dalam Rukun Islam adalah membayar zakat. Tapi sekiranya rakyat tidak meningkatkan ekonomi mana mungkin rakyat tersebut akan menjadi pembayar zakat yang baik. Oleh itu, sempena dengan gesaan oleh Yang di-Pertuan Agong sepatutnya kita sebagai orang Islam dan juga bangsa-bangsa lain mempertingkatkan kreativiti kita dengan masuk dalam bidang perniagaan dengan serius kerana merupakan di samping punca pendapatan adalah ibadah kita kepada Allah.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah di atas keprihatinan negara kepada perbankan Islam yang begitu memberangsangkan. Jadi saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan bilakah hasrat rakyat untuk melihat ekonomi kewangan negara diurus secara Islamik sepenuhnya dapat dilaksanakan. Persaraan Islam Hadhari tidak akan sempurna tanpa sistem muamalat dan kewangan Islam oleh kerajaan sendiri. Kita yang menjadi perintis kepada pemakaian sistem Islam ini maka jadilah penerajunya dengan menukar sepenuhnya perbendaharaan kita kepada perbendaharaan yang diuruskan dengan cara Islamik.

Saya baru saja dimaklumkan bahawa jumlah pembiayaan ataupun pinjaman kepada Ahli Parlimen dinaikkan daripada RM300,000 kepada RM360,000 baru-baru ini. Maka saya juga ingin memohon agar cadangan menaikkan jumlah pembiayaan kepada kakitangan kerajaan selaras dengan kenaikan harga rumah. Untuk lebih adil dari segi polisasi kaum dan integrasi pada masa hadapan, saya sekali lagi memohon kepada pihak kerajaan agar memikirkan cara yang terbaik ataupun mengecualikan terus faedah pinjaman ataupun pembiayaan kepada kakitangan kerajaan mengikut kola.

Sebagai contohnya kakitangan yang terpaksa membeli rumah di kawasan Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Kemungkinan kalau harga RM200,000 tidak sesuai dengan keadaan ataupun dari segi ketenangan hidup untuk pegawai-pegawai kerajaan ini mungkin boleh dinaikkan sehingga RM400,000 kerana kita akan lihat sekiranya perkara ini kita tidak fikirkan, maka kita akan lihat setengah-setengah tempat hanya akan dikuasai oleh golongan tertentu, atau bangsa-bangsa tertentu ataupun kerjaya-kerjaya tertentu dan ini akan menyedihkan dalam proses integrasi nasional.

Sebagai rakyat saya berasa sangsi terhadap faedah kenaikan gaji ini dari suatu sudut kerana dalam masa yang sama semua harga barangan akan naik dari masa ke semasa. Sepatutnya harga barang kawalan yang terikat kepada akta tertentu maka kita pohon kerajaan agar tidak mudah tunduk kepada gesaan peniaga. Ingatlah ada ramai lagi rakyat yang tidak terlibat dengan kenaikan gaji ini. Jadi tidak ada manfaatnya ada Akta Kawalan kalau kita terpaksa tunduk juga dengan apa yang diminta oleh peniaga setelah mendengar ada kenaikan gaji.

Yang seterusnya berkaitan dengan pilihan raya, SPR. Pilihan raya adalah satu hasil ataupun suatu ujian demokrasi suara rakyat ataupun kelebihan dan kekurangannya, kekuatan dan kuasanya tetap sama setiap rakyat ada satu undi. Persoalannya, apakah mungkin pihak SPR mengkaji untuk setiap ahli membuat bantahan kepada daftar pemilih deposit yang dikenakan adalah RM10 dan sekiranya bantahan itu terbukti benar, deposit ini tidak dikembalikan. Sepatutnya saya rasa sekiranya dalam kes mahkamah pun kalaulah satu tuntutan yang kita buat dan terbukti tuntutan itu benar, sepatutnya kos boleh diberikan kembali kepada pihak yang menuntut. Jadi dalam kes ini sekiranya betul ataupun tidak wujud kes bantahan terhadap mana-mana daftar pemilih, sepatutnya wang RM10 setelah terbukti bahawa memang betul ada kesilapan dalam daftar pemilih, dikembalikan kepada pihak yang membuat bantahan.

Yang kedua tentang ramainya isu rakyat yang tidak berdaftar mencecah 4.9 juta. Perlukah kita menilai cadangan pendaftaran automatik menggunakan MyKad sebaik sahaja umur 21 tahun. Perasaan tidak berminat untuk mencari atau memilih pemimpin dalam masyarakat perlu kita atasi segera. Pemimpin dalam negara kadang-kadang mungkin dia rasakan tidak perlu, kecualilah berlaku keadaan kacau-bilau. Jadi kita perlu ingatkan kepada semua generasi-generasi dan semua rakyat bahawa kepentingan memilih pemimpin yang baik adalah satu keperluan hidup.

Bukan sahaja mereka bersedia untuk membuat SMS yang dibayar kepada pemilihan artis. Sepatutnya mereka ini perlu menilai dan perlu mengingatkan diri masing-masing bahawa mengundi adalah percuma. Jadi kalau percuma kenapa tak nak pergi? Sedangkan untuk SMS berbayar, mereka sanggup. Jadi ini menunjukkan bahawa mereka keliru dari segi nilai, mana yang lebih penting. Memilih penghibur atau memilih pemimpin.

Untuk hidup dan makan kita perlu memilih. Kita kena ingat dalam semua aspek kehidupan, kita kena pilih. Bangun pagi hendak pilih sama ada hendak terus tidur atau hendak bangun. Pergi kedai hendak makan, kena pilih lauk apa yang hendak dimakan. Semua perkara kena pilih, jadi kenapa dalam kehidupan, sekali dalam lima tahun kita tidak ingin untuk membuat pilihan dan juga kita kena ingat bila kita mati, kita juga kena pilih antara syurga dan neraka. Jadi perkara ini perlu difahamkan kepada orang ramai tentang kepentingan pemilihan pemimpin dalam semua pilihan raya. Insya-Allah dengan kadar begitu kemungkinan kita akan lihat berlaku peningkatan pendaftaran pemilih di kalangan rakyat kita yang masih lagi belum berdaftar.

Fungsi SPR juga hendaklah memastikan dalam pilihan raya yang akan datang semua parti-parti yang bertanding dalam suasana sihat. Orang Malaysia berhemah, orang Malaysia matang, orang Malaysia cerdik. Tidak akan ada masalah kalau kita memberi pilihan raya yang telus dan aman. Sekiranya kita melihat dalam konteks Kelantan, dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan komposisi yang ada adalah 23/22. Dalam keadaan itu pun kita tidak pernah melihat ada berlaku baling-membaling. Jadi kenapa kita tidak boleh beri ruang media yang sama kepada semua parti-parti yang bertanding demi untuk menjamin Malaysia akan lebih makmur pada masa akan datang.

Seterusnya tentang soal-soal melibatkan wanita. Kita bersyukur wanita dalam negara telah diberi kesaksamaan dan pembelaan gender. Walaupun kita masih lagi agak berdukacita kadang-kadang bila melihat eksploitasi wanita dalam iklan dan media. Ada wanita yang sanggup dan kini berlaku kerana kita tidak mempunyai polisi untuk mengawal wanita daripada dijadikan pelaris kepada barangan terutama iklan barangan dan automatif.

Khususnya dalam memastikan sepatutnya kerajaan telah pun merangka kod pakaian dan etika kesopanan model-model dari segi pakaian, aksi dan gaya selaras dengan Islam Hadhari dan juga Islam yang sebenar. Begitu juga dengan tatasusila kesopanan dan kesusilaan orang-orang Timur. Kita lihat bagaimana masa sukan F1 dijalankan baru-baru ini, bagaimana terkejutnya pelancong bila mana melihat F1 yang dibuat di Malaysia juga mengguna pakai wanita dan masih juga pemenangnya boleh dibenarkan untuk memegang arak secara terbuka dengan begitu meriah. Mungkin kita perlu mencari alternatif lain, cara lain untuk kita menunjukkan bahawa dalam kita mengamalkan Islam Hadhari, kita juga boleh bersukan, tetapi dengan cara yang sopan. Bukan sampai mengelirukan ataupun memalukan wanita lain yang mungkin bukan berada di atas pentas.

Saya juga ingin mendapat maklum balas daripada kerajaan berkenaan dengan cadangan bilakah bank wanita akan dilaksanakan, kerana daripada rekod Amanah Ikhtiar, saya percaya bahawa pulangan dan rekod bayar balik wanita adalah amat cemerlang. Ini akan menggalakkan wanita untuk menguruskan kewangannya sendiri dalam keadaan istimewa dan selesa serta direka khas sesuai dengan keperluan wanita.

Saya merujuk kepada sebuah bank di mana pengasasnya telah mendapat hadiah Keamanan Nobel pada September 2006, iaitu bank yang telah dibuat di Bangladesh yang dinamakan Bank Grameen. Bank ini telah menjalankan urus niaga dengan 20,000 orang kakitangan dengan 18 buah anak syarikat dengan jumlah pinjaman adalah RM18.25 bilion. Dalam sistem bank ini, 97 daripada pengguna bank ini adalah wanita dan dalam bank ini, semua pinjaman itu dibenarkan tanpa perlu kepada jaminan, tetapi adalah bergantung pada pembayar itu sendiri dengan sistem yang unik kerana yang boleh meminjam di bank ini bukan sahaja korporat, bukan sahaja orang-orang yang berpendidikan tinggi termasuk peminta sedekah boleh meminjam di bank ini dengan kadar permulaan lima puluh ringgit. Sekiranya mereka bayar lima puluh ringgit, jadi *next time* dia boleh pinjam lagi seratus ringgit. Jadi ini merupakan sistem yang kita nampak remeh tetapi jika diamalkan boleh memberi manfaat kepada rakyat kita.

Cerita hal ehwal wanita seterusnya mengenai peranannya sebagai pasangan kepada lelaki dalam rumah tangga. Kedudukan taraf dan status adalah diiktiraf sama oleh agama dan undang-undang. Oleh itu saya mencadangkan agar kesemua prosiding perceraian sama ada orang biasa ataupun selebriti tidak dibenarkan secara meluas di dalam media atas apa-apa maksud sekalipun. Seboleh-bolehnya ia dibuat dalam keadaan tertutup. Ini kerana ianya bukan jenayah, dan ia tidak melibatkan satu pihak, tetapi ia melibatkan terlalu ramai pihak termasuk kanak-kanak yang mungkin akan terluka perasaannya dan akan meninggalkan trauma yang berpanjangan kepada anak-anak tadi.

Seterusnya *mentality* serta nilai yang salah yang kadang-kadang keliru yang berkisah daripada masyarakat. Dalam urusan kenyataan mengenai agama berkaitan dengan wanita. Sebagai contohnya kadang-kadang masyarakat memandang remeh tentang skandal yang melibatkan orang tertentu dengan gadis tertentu atau pun hubungan tanpa nikah tetapi akan memberikan satu komen yang begitu meluas dan berdegar-degar bila mendengar kisah tentang poligami.

Kita kena ingat tidak ada salahnya undang-undang poligami sebab dalam Islam hukum asalnya adalah nikah dan hanyalah dibenarkan seorang. Pengecualian diberikan kepada poligami adalah untuk membantu anak-anak yatim dan juga janda. Jadi hukum tidak salah, tapi yang salah adalah pengamal poligami. Sepatutnya yang kita marah, yang kita bisingkan ialah bagaimana kita hendak memperketat penguatkuasaan undang-undang ke atas pengamal-pengamal poligami yang salah dan bukan kepada hukum. Ini kerana kalau tidak kawal akan menyebabkan masalah akidah pula kepada orang-orang yang bercakap tentang masalah tersebut.

Seterusnya tentang sukan wanita. Dalam galakan kepada kesihatan rakyat perempuan Islam yang memakai tudung yang sempurna sebagaimana tuntutan Islam tidak harus dipandang sepi. Mereka juga ingin terlibat dalam sukan secara aktif dan mewakili negeri mahupun negara. Walaupun terdapat kekangan khususnya dalam berpakaian, saya memohon agar Kementerian

Belia dan Sukan mengkaji dan mengeluarkan kod etika pakaian sukan wanita Islam, Ruqaya Al Ghasara pemenang pingat emas di sukan Asia telah pun berlari dalam keadaan bertudung dan telah pun menutup aurat dan telah pun mendapat juara lari pecut 200 meter.

Ini kemudian diikuti oleh kerajaan Kelantan dalam mengadakan sukan Hari Wesak baru-baru ini yang telah mendapat sambutan lebih 1,000 remaja perempuan. Namun sekiranya tiada langkah dibuat di peringkat kebangsaan, hasrat kita untuk melihat dan menaikkan mutu sukan negara mungkin tidak akan dapat dijayakan dengan sepenuhnya.

Setakat ini polis, jururawat dan lain-lain pasukan beragama dan beruniform yang telah dibenarkan untuk menutup aurat mutu khidmat mereka tidak boleh kita pertikai sebagai contohnya Nooryah Mohamed Anvar Ketua Polis Bahagian Trafik Bukit Aman sebagai buktinya. Ini adalah hak seorang wanita yang menutup aurat untuk turut sama bersukan sepatutnya pengenalan pakaian dan mereka juga diberi tempat yang sama dalam keinginan mereka untuk mewakili negeri mahupun negara dalam keadaan menutup aurat.

Aplikasi MyKad tertarik dengan cadangan kaunter zakat yang telah pun disebut, bagaimana kaunter zakat ada untuk menerima zakat tetapi dalam masa yang sama tidak ada kaunter untuk pengagihan zakat. Saya memohon agar pihak kerajaan mungkin boleh mengkaji cara bagaimana menambah aplikasi MyKad di samping aplikasi-aplikasi yang telah pun diperkenalkan sebelum ini untuk senang kita menyelia dan memberikan wang zakat atau pun wang bantuan supaya tidak berlaku masalah pertindihan dengan menggunakan aplikasi MyKad dengan cemerlang.

Seterusnya tentang Raja Berperlembagaan. Saya berdoa agar Tuanku berdua dalam meneruskan pemerintahan dengan cemerlangnya dan begitu bertenaga kerana Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dan isteri adalah pasangan muda dan bijak. Moga masa depan Islam dengan Tuanku sebagai ketua negara dapat dipelihara dengan penuh keharmonian dan kewaspadaan. Pemerhatian dan pemantauan Tuanku dalam semua perkara dan semua isu dalam negara akan mencetuskan kepekaan di semua jabatan dan di semua peringkat serta ketelitian dalam semua cabang pemerintahan akan menjadikan semua legislatif dan kehakiman dapat berfungsi dengan baik. Kita kena ingat dalam Islam dari lahir, makan minum, nikah, cerai, berniaga, bekerja, tutup aurat, undang-undang termasuk hudud politik, semuanya adalah perkara yang dituntut dalam Al-Quran yang bukan direka oleh penganut Islam masa kini.

Oleh itu, maka menjadi hak seorang Islam untuk terus mengamalkan semua ajaran Islam dengan Tuanku sebagai ketuanya. Jadi oleh itu, kita memohon agar semua masalah-masalah yang melibatkan orang Islam dan bukan Islam dapat diatasi dengan cara baik.

Saya turut menyokong cadangan oleh Senator Dato' Musa tentang perlu diwujudkan atau pun perlu dibuat pindaan kepada Perlembagaan untuk memastikan wujudnya Peguam Syarie Negara, Mufti Negara dan juga Ketua Hakim Syarie Negara demi menjamin bahawa kesemua isu-isu yang membabitkan orang Islam dan bukan Islam dapat diselesaikan dapat diselesaikan

dengan baik dan teliti kerana kita adalah negara yang bagus dan cemerlang. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong Titah Usul Diraja, sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat bagi Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah untuk berucap.

4.25ptg

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Ucapan Junjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah merasmikan pembukaan Parlimen Penggal Keempat baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang hendak bercakap panjang tapi sekadar menyentuh dua, tiga perkara. Tapi dalam hari ini, saya ingat apa yang di sebut oleh Yang Berhormat pagi tadi sebagai ingatan bahawa seberapa boleh janganlah mengulangi perkara-perkara yang telah disebut oleh pembicara-pembicara yang terdahulu.

Kalau terpaksa hal ini di sebut, pohon terima ini bukan sebagai perulangan yang sebenarnya Tuan Yang di-Pertua tetapi sebagai menunjukkan perkara itu adalah mustahak disebut oleh lebih daripada seorang. Jadi senanglah pemimpin-pemimpin kita, menteri-menteri, timbalan-timbalan menteri dan pihak-pihak tertentu memberi tumpuan kepada isu-isu yang dibicarakan di dalam Dewan ini sebagai bukti atau indeks kepentingan perkara-perkara itu dibincangkan.

Sekali gus Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan untuk merapatkan ucapan junjung kasih dan tahniah kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas pelantikannya selaku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-13 negara kita ini dan juga Seri Paduka Baginda Permaisuri Agong. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda ada disebut tentang sejarah kelahiran negara Malaysia dan kebetulan tahun ini merupakan tahun ke-50 kita merayakan hari lahir Malaysia.

Seri Paduka Baginda menyebut,

"Beta bersyukur kerana pengorbanan, kebijaksanaan pejuang-pejuang kemerdekaan membolehkan negara kita merdeka tanpa konflik berdarah. Kecekalan mereka memperjuangkan kemerdekaan dan mengharungi pelbagai cabaran serta kesulitan untuk membina sebuah negara yang berbilang kaum telah membuahkan kejayaan dengan hasilnya dapat kita nikmati hari ini."

Seri Paduka menambah lagi,

"Sesungguhnya makna kebebasan dan kemerdekaan ini amat berharga dan perlu dihayati terutama bagi generasi muda, beta sesungguhnya berharap agar kumpulan ini dapat mengetahui dan memahami sejarah

kelahiran negara kita. Menjiwai pahit getir pengalaman pejuang-pejuang kemerdekaan dan dengan itu menghargai kebebasan yang kita nikmati sekarang. Fahamilah semangat yang mendorong kemelut yang tercetus, rundingan yang begitu rumit, tolak ansur yang dicapai untuk mencari titik keseimbangan bagi membolehkan kita semua hidup bersatu bersama dengan merdeka, berdikari, tolak ansur, saling hormat-menghormati, kita semua termasuklah anak-anak kita perlu menghargai nikmat kemerdekaan yang kita peroleh selama 50 tahun ini. Dan kepada setengah-setengah kita menyebut ini sebagai sosial kontrak yang telah di capai oleh pejuang-pejuang kemerdekaan terdahulu.”

Saya mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, mengambil sempena kita menyambut 50 tahun negara kita merdeka, sebuah buku yang menceritakan kelahiran Malaysia ini ditulis. Buku yang seumpama ini sebenarnya sudah banyak barangkali ditulis, tapi tidak khusus menceritakan bagaimana Malaysia ini dilahirkan dengan menyebut, dengan jelas jasa dan bakti pejuang-pejuang kemerdekaan yang hasilnya kita nikmati hari ini.

Dengan menyebut secara jelas jasa dan bakti pejuang-pejuang kemerdekaan yang hasilnya kita nikmati hari ini. Jadikanlah buku ini Tuan Yang di-Pertua, sebagai sijil kelahiran satu makhluk yang bernama Malaysia. Insyallah dengan buku ini dapatlah kita peringatkan kepada generasi yang ada sekarang dan yang akan datang, bahawa walaupun perjuangan mencapai kemerdekaan negara ini tidak berdarah, tidak banyak peristiwa-peristiwa yang memerlukan pengorbanan jiwa, tetapi satu keunikan yang tersendiri dapat disebut dan dapat ditulis sebagai pengalaman yang perlu dihayati oleh generasi yang akan datang.

Saya berharap buku yang seumpama ini dapat kita sediakan, walaupun mungkin tidak sempat sebelum kemerdekaan ini iaitu sebelum 31 Ogos, tetapi tidak mengapa walaupun selepas merayakan 50 tahun kemerdekaan kita. Sempena menyambut kemerdekaan ini seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim, bahawa syarikat-syarikat tertentu boleh diberi semacam pampasan ataupun elaun kerana mereka mengambil bahagian yang cergas dalam merayakan atau dalam meraikan 31 Ogos ini dengan misalnya membeli bendera dan sebagainya.

Saya suka mencadangkan Tuan Yang di-Pertua, kalau belum ada lagi usaha ini iaitu kita menggalakkan, mewajibkan tentulah bagi pihak kerajaan. Tetapi menggalakkan syarikat-syarikat tertentu sama ada besar atau kecil mengecat bangunan mereka, terutama sekali bangunan-bangunan yang telah lama, yang telah usang atau yang telah kusut. Termasuklah kali ini kita boleh panjangkan sebagai galakan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri supaya suasana di sekitar 31 Ogos, 50 tahun kemerdekaan ini merupakan satu suasana yang bukan sahaja diserikan dengan pemasangan lampu dan sebagainya, tetapi dicerminkan oleh

bangunan-bangunan yang baru dicat, yang berwarna-warni dan mencerminkan pula keghairahan serta keceriaan penduduk-penduduk negara kita menyambut 50 tahun sebuah negara merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut sedikit berhubung dengan pendidikan. Kita mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Menteri dan Timbalan-timbalan Menteri Pelajaran yang berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan pendidikan rendah dan terutamanya pendidikan menengah di negara kita ini. Tetapi apa yang saya keliru sedikit ialah terlalu banyak jenis sekolah yang disebut ataupun yang sedang dilaksanakan mungkin ataupun yang akan dilaksanakan. Sekadar menyebutnya kita ada apa yang dinamakan sekolah wawasan, sekolah bestari, sekolah elit, sekolah *premier*, sekolah kluster dan bermacam-macam sekolah lagi. Saya rasa sesetengah ibu bapa sebenarnya keliru dengan istilah-istilah dan nama-nama sekolah ini.

Saya rasa adalah lebih baik kalau Kementerian Pelajaran memfokuskan tenaga dan masa serta pemikiran mereka kepada hanya beberapa jenis sekolah yang boleh dilaksanakan dengan baik dan memberi hasil yang terjamin. Misalnya sebagai contoh, kita sudah lama memperjuangkan sekolah kebangsaan, memperkasa sekolah kebangsaan. Tetapi sampai sekarang, cita-cita kita hendak melihat sekolah kebangsaan ini dijadikan satu tempat di mana anak-anak kita semua dididik, bersatu, berpadu dan menghayati kehidupan Malaysia masih belum tercapai. Ertinya ada sesuatu yang belum kena dalam pelaksanaan sekolah ini yang menyebabkan sesetengah ibu bapa berasa kurang senang dengan beberapa kandungan kurikulum dan sebagainya.

Misalnya saya sebut sebagai contoh, ada pihak-pihak yang tertentu, ada pihak yang pernah menulis sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, menyatakan kurang senang ibu bapa bukan Melayu, ibu bapa bukan Islam terhadap kandungan sekolah-sekolah kebangsaan terutama sekali mengenai pendidikan Islam. Tetapi yang agak pelik Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini sekembalinya dari Persidangan UNESCO, Yang Berhormat Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein menyatakan bahawa sistem pendidikan rendah kita terutamanya yang ada kena-mengena dengan pelajaran atau pendidikan Islam mendapat pujian UNESCO dan dikatakan bahawa inilah satu contoh yang baik di mana dengan pendidikan ini dapat menjamin keharmonian hidup rakyat Malaysia yang berbilang bangsa. Jadi, kita pun tidak faham. Ada sesetengah mengatakan bahawa kerana kegiatan-kegiatan atau kerana kandungan-kandungan sekolah yang ada sekarang maka ibu bapa berasa kurang senang untuk menyerahkan anak-anak mereka ke sekolah ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga sering bertanya bila ada pihak mencadangkan yang dua, tiga orang ini, sahabat-sahabat kita yang telah bercakap terlebih dahulu daripada saya ini, menyebut tentang kemungkinan kita mengkaji balik sistem pendidikan kita. Ertinya ada rasa tidak puas hati tentang pendidikan di negara kita ini. Tetapi kita bertanya, di mana tidak kenanya sistem pendidikan kita ini? Sistem yang telah melahirkan kita semua dari segi pendidikan. Saya

percaya sebahagian besar kita yang ada di dalam Dewan ini setelah mendapat didikan awal di sekolah rendah, menengah dan mungkin pendidikan tinggi di negara ini, alhamdulillah mendapat peluang pendidikan tinggi di luar negara. Tetapi tidak dapat dinafikan bahawa kejayaan untuk menikmati pendidikan yang lebih tinggi itu diasaskan kepada pendidikan rendah dan menengah yang telah pun diberikan kepada mereka.

Jadi kita bertanya kalau pendidikan yang diberikan selama ini di sekolah rendah dan sekolah menengah tidak bagus, bagaimana lahirnya pegawai-pegawai yang ada sekarang atau pemimpin-pemimpin yang ada sekarang? Adakah kita merasakan bahawa pegawai tinggi, pegawai rendah, pemimpin-pemimpin termasuklah pemimpin-pemimpin politik yang ada sekarang ini tidak bagus atau tidak tinggi kalibernya? Bukan *world class*, kerana mereka tidak mendapat pendidikan yang *world class*.

Kerana itu kita terpaksa merubah sistem pendidikan kita sehingga dalam masa dua minggu ini kita sama-sama berfikir setelah membaca, mendengar kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh ibu bapa, kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Kementerian Pelajaran termasuklah Yang Berhormat Menteri sendiri bahawa kita sedang mengkaji sistem peperiksaan yang boleh sesetengah ibu bapa memikirkan bahawa sistem peperiksaan yang ada sekarang terlalu membebankan, *taxing* dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi kalau saya tidak salah pemerhatian melalui SMS RTM1 68% ibu bapa tidak bersetuju peperiksaan UPSR, PMR dihapuskan. Saya sendiri memang secara peribadi tidak setuju dihapuskan kerana kedua-dua sistem ini UPSR PMR sebenarnya telah memberi peluang kepada kita dengan banyak dan dengan baik untuk menentukan kemasukan anak-anak kita bila mereka pergi ke sekolah menengah, penyaringan mereka dalam bidang-bidang tertentu. Memang kita akui terdapat kelemahan dalam sistem ini. Sistem ini tidak akan jadi baik kalau ia dihapuskan.

Tetapi sistem ini Tuan Yang di-Pertua saya yakin akan menjadi lebih baik kalau kita perbaiki dia, bukan menghapuskannya dengan menggantikan dengan satu sistem yang belum tentu dapat kita uji kebaikannya. Mungkin barangkali sistem yang ada sekarang peperiksaan UPSR dan PMR itu dapat dibantu sempurnakan dengan beberapa *assesment* lain yang dibuat bukan secara peperiksaan tapi secara pemerhatian, rakaman dan sebagainya oleh guru-guru darjah, oleh guru-guru disiplin dan sebagainya di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Jadi tidak seharusnya kita menjadi keliru dengan cadangan-cadangan supaya sistem pendidikan kita ini diubah kerana barangkali ada orang merasakan bahawa sebagai produk murid-murid yang lulus yang keluar daripada sistem pendidikan kita ini jadi manusia yang tidak boleh berfikir. Ini ramai orang yang bercakap. Ertinya sistem sekolah kita hanya mengajar murid-murid tapi tidak mengajar mereka berfikir. Sebenarnya sistem yang kita ada ini sistem yang terlalu lama yang telah memberikan seperti yang saya katakan hasil yang begitu banyak

yang perlu kita perbaiki di sana sini untuk menambah baik. Itu ingatan saya kepada Kementerian Pelajaran khususnya Tuan Yang di-Pertua.

Sedikit lagi berhubung dengan Kementerian Pelajaran. Saya bersetuju tindakan yang tegas diambil kepada guru-guru yang ingkar yang tidak mahu ditempatkan di sekolah-sekolah tertentu. Tapi apa yang saya hendak sebut di sini saya rasa tidak munasabah. Kalau guru-guru yang baru yang *fresh* dengan izin Tuan Yang di-Pertua kita tempatkan di pedalaman, saya ambil contoh seorang guru yang baru keluar daripada pusat pendidikan guru dari Terengganu kemudian kita campakkan dia di satu daerah pedalaman di Sabah ataupun Sarawak. Guru yang tidak berpengalaman kali yang pertama pergi sekolah selain daripada berbulan-bulan dia belajar berlatih menjadi guru. Apa yang kita dapat harapkan daripada guru seumpama ini. Walaupun kita berikan mereka elaun kesusahan, elaun penderitaan atau apa sahaja elaun yang dapat kita sebut tapi belum tentu elaun ini dapat meleraikan rasa kekalutan derita batin yang diterima kerana penempatan yang tidak sesuai itu.

Mengapa tidak Tuan Yang di-Pertua, kita tempatkan guru-guru yang telah pun berpengalaman lima tahun misalnya yang sudah ada di negara itu di Sabah dan Sarawak atau di mana-mana negara kita ini untuk sekolah-sekolah pedalaman masa dua atau tiga tahun. Guru-guru baru ini kita tempatkan di sekolah-sekolah yang kawasannya agak baik supaya tidak terdapat semacam kejutan mereka diasingkan. Kemudian guru-guru ini akan sampai masanya bila mereka mengumpulkan pengalaman kita masukkan mereka ke tempat-tempat pedalaman tadi.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Mohon laluan

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Ya.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan perbincangan Yang Berhormat mengenai dengan menempatkan guru-guru muda bukan sahaja di luar bandar tetapi juga dalam bandar dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat, apa kata guru-guru yang cemerlang ataupun pengetua-pengetua kanan yang telah berjaya menaikkan nama dan imej sesebuah sekolah itu kita hantar mereka di luar bandar supaya mereka dapat memperkasakan sekolah-sekolah di luar bandar. Pengalaman yang mereka ada, apa yang mereka telah buat untuk mencapai tahap pendidikan di dalam bandar ini dapat diperluaskan di luar bandar dan dengan itu maka kita dapat melihat kemampuan guru-guru cemerlang ini ataupun pengetua-pengetua kanan ini dapat meningkatkan sekolah di luar bandar. Apa pandangan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee. Saya bersetuju tapi dengan syarat biarlah sekolah yang akan menerima guru atau pengetua cemerlang itu sekolah yang agak besar juga. Tapi di luar bandar mungkin sekolah-sekolah seumpama itu tidak ada. Tapi kalau ada Alhamdulillah. Kalau

takdirnya kita buat sebuah sekolah sains agak terpencil, maka guru-guru ini dapat diletakkan di situ dan saya rasa guru ini pun akan membuat rekod yang cemerlang di situ kerana pengalaman mereka. Tuan Yang di-Pertua.....

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Yang Berhormat, mohon laluan. Saya sebenarnya lebih suka melihat satu cadangan yang lain dalam soal menghantar guru-guru untuk bertugas di luar bandar ini. Pada saya sebenarnya lebih baik guru-guru *freshie*, guru-guru baru yang dihantar ke luar bandar bukannya guru-guru yang sudah lama berkhidmat ini. Tetapi guru-guru baru ataupun yang *freshie* ini dihantar ke luar bandar kita kena beritahu dia tempoh yang sebenarnya. Biar dia tahu tempoh dia. Pada pandangan saya ialah empat tahun. Empat tahun sahaja. Maksudnya kita beritahu dia sebagai guru baru ujian pertama dia pergi luar bandar dahulu empat tahun dan kalau dia habis tempoh empat tahun itu kita beri pilihan kepada dia selepas ini dia boleh pindah ke sekolah di bandar yang mana dia hendak pergi.

Maka ini baru sebenarnya memberikan semangat kepada dia. Dia tahu dia cuma empat tahun sahaja. Yang menjadi masalah ini, ada guru yang sampai 20 tahun di luar bandar. Itu yang menimbulkan kejutan, masalah dan sebagainya. Saya fikir tidak sesuai guru-guru yang sudah lama ini dihantar ke luar bandar sebab ini yang menyebabkan lagi banyak kejutan sebab seolah-olah dia merasakan sumbangan dia tidak diberi setimpal. Akhirnya dia dihantar pergi ke luar bandar juga. Itu yang menjadi masalah.

Jadi saya fikir empat tahun sudah mencukupi sebab kita tahu banyak insentif akan diberikan, antara RM500 hingga RM1,500. Tetapi saya fikir yang ini lebih penting sebenarnya dalam menghadapi masalah kemelut guru yang hendak ke luar bandar dan sanggup berhenti, tidak hendak duduk di luar bandar ini. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Haji Mohd Puad tadi. Tetapi satu perkara, Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, kebanyakan sekolah-sekolah luar bandar, kita akui sekolah-sekolah yang serba kekurangan. Jadi tujuan kita menghantar guru-guru yang bagus ialah untuk mengimbangi supaya pendidikan di luar bandar juga kalau tidak boleh menyamai pendidikan di bandar, tidak berapa jauh. Tetapi meletakkan guru-guru yang mentah, yang belum mempunyai pengalaman di sekolah yang serba kekurangan ini, saya rasa maksud kita untuk mengimbangi pendidikan ini tidak akan sampai.

Jadi satu perkara lagi, menambahkan beban jiwa guru yang berkenaan. Sudahlah empat tahun – saya bersetuju dengan tempoh itu. Di Terengganu satu masa dulu pernah guru yang berkhidmat di pulau diberi tempoh hanya tiga tahun sahaja berkhidmat di pulau. Selepas itu dia akan balik. Ada sesetengah guru oleh kerana tahu tempoh dia duduk di pulau, dia tidak mahu balik selama tiga tahun. Alhamdulillah. Tetapi selepas itu dia berharap sangat pejabat pelajaran tidak mengingkari janji untuk membawa balik mereka selepas tiga tahun.

Satu perkara yang amat mendukacitakan, ada guru-guru perempuan yang dalam masa beberapa bulan sebelum penempatan telah berkahwin, tetapi oleh kerana kesibukan mungkin, barangkali kerana keseronokan bulan madu mungkin, tidak sempat hendak beritahu kepada pejabat pelajaran atau Kementerian Pelajaran bahawasanya mereka telah pun berkahwin. Lalu dihantar ke pedalaman Sabah dan Sarawak. Merayu – tidak diperkenankan rayuan dia.

Cuba kita bayangkan bagaimana pegawai yang juga orang Islam dapat mempertimbangkan masalah ini kemudian. Saya pun tidak faham sebab perkara ini bukan banyak sebenarnya. Kita pun tidak juga hendak menjadikan perkara ini sebagai satu helah kepada mana-mana guru perempuan yang dirasakan akan ditempatkan di pedalaman jauh, jadi untuk mengelakkan diri dengan serta-merta, mencadangkan supaya dikahwinkan, dipaksa kahwin dan sebagainya kerana mengelakkan diri. Ini pun kita tidak mahu juga walaupun ada sebenarnya. Tetapi saya rasa kes-kes yang betul-betul terjadi janganlah kita aniaya pasangan yang seumpama ini. Ada juga...

Dato' Haji Idris bin Haji Buang: Mohon laluan. Tuan Yang di-Pertua, sedikit. Saya tertarik juga pasal luar bandar ini, Sarawak dan Sabah, banyak sekolah di luar bandar ini yang sangat kekurangan dari segi kelengkapan, dari segi tenaga pengajar dan sebagainya. Tetapi harus diingat, pekerjaan yang kita ada sekarang ini, yang membuat dasar-dasar menjadi kekuatan, tunggak, tunjang adalah daripada luar bandar. Kalau dapat dipupuk minda kepada semua yang berkenaan, dari guru-guru, bakal-bakal guru-guru, muda, tua, pihak kerajaan, sesiapa sahajalah hendaklah memikirkan kalau pergi luar bandar itu, kita memberi kepada orang yang lebih berhak di dalam dasar kita, orang yang menyokong dasar-dasar kita yang membawa kita kepada teraju kerajaan dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat Dato' mengenai perkara ini di dalam meliputi perbahasan?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju dengan pandangan ini. Tetapi seperti yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita sekarang dengan mengadakan macam-macam bentuk sekolah ataupun *classroom* untuk memberi peluang kepada sekolah-sekolah yang seumpama ini pun menerima bekalan elektrik dan sebagainya supaya kemudahan-kemudahan asas yang ada di sekolah-sekolah ini, di luar bandar, di pedalaman ini, dapat dipertingkatkan. Kalau tidak menyamai apa yang ada di bandar pun, barangkali tidak jauh daripada ini.

Tetapi masalahnya, tidak mudah kita mengubah minda walaupun mereka terdiri daripada guru. Mahu tidak mahu mereka harus juga memikirkan tentang sedikit sebanyak kesenangan-kesenangan atau kemudahan-kemudahan yang perlu untuk menjalankan kerja-kerja di luar bandar. Tetapi kalau kita sudah dapat menyediakan kemudahan-kemudahan asas yang bertambah baik, kawasan yang kita panggil luar bandar, apatah lagi kawasan yang kita panggil pedalaman, maka saya rasa keadaan itu akan menjadi lebih baik, keadaan itu sendiri menjadi

sebagai satu tarikan kepada guru-guru yang ditempatkan di situ. Mungkin barangkali kerana ini, maka tidak timbul lagi rasa gelisah bila dapat tahu mereka akan ditempatkan di luar bandar.

Tetapi saya amat tidak bersetuju kalau guru-guru yang terlalu baru ini ditempatkan di luar bandar, terutama sekali satu kawasan yang terlalu asing di mana susah bagi dia hendak menyesuaikan diri. Berilah peluang kepada dia untuk mencari pengalaman di beberapa sekolah, tidak semestinya di dalam bandar tetapi tidak jauh daripada bandar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut sekali lagi walaupun disebut beberapa kali oleh beberapa orang teman kita iaitu penggunaan bahasa Melayu di TV. Dalam jawapan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi kepada soalan saya yang menyatakan; 'apakah tindakan yang boleh diambil terhadap stesen TV yang melanggar Akta Penyiaran yang memestikan sekurang-kurangnya 60% program di dalam Bahasa Melayu?', jawapannya diberikan kepada saya, lebih kurang begini, Tuan Yang di-Pertua, "*TV3 secara puratanya telah menyiarkan rancangan mereka dalam bahasa Melayu- 68%, 8TV – 51%, NTV7 – 46%, TV9 – 87%. Jadi jumlah puratanya 63%.*" Ini jawapan kementerian.

Jadi bila disebut jumlah 63%, maka dengan sendirinya semua stesen telah pun dengan baiknya ikut perintah, patuhi syarat ini. Jadi tidak timbul lagi. Kita bertanya, dengan cara menggunakan peratusan ini, maka stesen-stesen yang tidak menyiarkan 60% ini boleh dibenarkan berbuat begitu? Kemudian peratus akan menjadi lebih banyak bila kita masuk RTM1, barangkali mungkin 70%.

Dan tergambarlah kepada kita bahawa kajian yang dibuat oleh sekumpulan yang diketuai oleh Profesor Dr. Awang Serian itu tidak benar. Tetapi saya dapat satu gambaran lagi Tuan Yang di-Pertua. Daripada kaji selidik yang dibuat sendiri oleh Mingguan Malaysia antara 16 hingga 22 April 2007 - baru sangat, fakta adalah sebaliknya. Kajian itu mendapati tiga saluran televisyen menyiarkan tidak sampai pun 20%. Dua stesen yang berkenaan ialah NTV7, 8TV, dan satu lagi di bawah RTM iaitu RTM2.

Saya sebenarnya tidak berniat untuk menyatukan penemuan yang dibuat oleh surat khabar dengan jawapan rasmi kementerian. Tetapi saya cuma menyatakan khuatir sahaja kalau terdapat usaha-usaha untuk melindungi saluran-saluran tertentu oleh kementerian yang saya rasa tidak sepatutnya kita berbuat begitu, Tuan Yang di-Pertua.

Sedikit lagi berhubung dengan TV ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik kepada ucapan sahabat kita Yang Berhormat Senator Wan Ubaidah berhubung dengan pakaian-pakaian yang agak menjolok mata oleh artis-artis kita. Untuk ini barangkali kita boleh mencadangkan kepada pihak-pihak yang memberi anugerah barangkali kerajaan supaya menentukan pada masa ada majlis penyampaian anugerah yang agak *glamour*, yang agak *prestigious* itu satu jenis pakaian dipakai. Misalnya kalau lelakinya, kalau orang Melayu mungkin kita kata pakailah

pakaian baju Melayu hitam kerana jamuan diraja pun boleh memakainya dengan bersongkok. Orang bukan Melayu boleh memakai apa yang disebut *dinner jacket* dengan *bownya* sekali.

Timbalan Yang di-Pertua: *Black tie.*

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: *Black tie.* Yang perempuannya kita boleh benarkan kalau orang Melayu mungkin pakai baju kurung, pakai kebaya dan orang Cina boleh kita benarkan ceongsam, mungkin kita boleh benarkan belahannya sampai ke pangkal peha tidak ada masalah asalkan ceongsam; dan orang India barangkali boleh kita benarkan dia memakai sari. Tidak ada masalah. Kita boleh menentukan ucapan para artis yang diberi anugerah mestilah dalam bahasa Melayu. Jadi tidak timbul lagi kalau bercakap Melayu merasa bodoh, merasa kepelikan dan sebagainya. Kalau ada artis yang memikirkan bahawa syarat-syarat ini terlalu ketat, tidak mahu terima anugerah, okey, biarlah dia tidak terima anugerah. Anugerah ini mungkin boleh diberikan kepada orang lain ataupun tidak diberi kepada sesiapa pun pada tahun ini. Saya rasa orang luar yang melihat majlis kita ini pun merasa kagum kerana kekuatan peribadi kita yang jelas menonjolkan jati diri kita dalam hal-hal tertentu seperti yang diusahakan sekarang sungguh-sungguh oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Satu perkara lagi saya hendak sebut secara perbandingan drama-drama tempatan jika dibandingkan dengan drama-drama daripada negara-negara Asia dalam apa yang disebutkan dalam rancangan *Asia Potpourri* itu lebih kurang sahaja iaitu daripada Thailand, Filipina dan Indonesia. Sesetengah filem Indonesia adegan-adegan di ranjang lebih hebat daripada filem-filem di Malaysia ini, kalau kita hendak sebut. Tetapi kita harus memikirkan bagaimana seorang dramatis, seorang penulis skrip, seorang karyawan bila dia hendak menggambarkan suasana yang nyata - realiti dalam negara kita ini tidak semua orang hari-hari berpakaian baju Melayu dan pakai baju kurung. Saya perhatikan sekarang 70% orang Melayu sendiri sudah memakai seluar. Bagi saya cukup bagus, selamat, lepas laku, praktikal kalau memakai seluar, Tuan Yang di-Pertua.

Kita harus ingat bahawa drama, mungkin novel adalah mencerminkan kelakuan atau perlakuan masyarakat semasa. Jadi, kalau dalam masyarakat itu terdapat gadis-gadis dalam cerita-cerita tertentu mendedahkan pusatnya jadi bagaimana harus kita memberitahu kepada pengarang bahawa harus pusat itu ditutup. Saya tidak nampak caranya.

Kita harus menghormati gambaran secara realiti yang telah dibuat oleh pengarang-pengarang kita atau penulis-penulis skrip kita. Saya rasa dalam hal ini Datuk Jins Shamsudin boleh tahulah bagaimana caranya. Tetapi kalau kita mahu lari terlalu jauh daripada trend-trend yang terakhir dalam pembikinan filem di dunia ini kita rasa kita mengasingkan diri sedangkan Tuan Yang di-Pertua pun bersetuju dengan saya bahawa kita ini, anak-anak kita, generasi yang akan datang adalah ahli waris yang sah daripada kebudayaan dunia dalam keadaan globalisasi sekarang, sudah tidak dapat dikawal lagi.

Datuk Jins Shamsudin: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Saya amat tertarik di atas hujah-hujah yang telah diberikan oleh Yang Berhormat berhubung dengan etika berpakaian oleh para artis dan saya memang menyokong 100% sekiranya dia boleh dijadikan satu kemestian dan etika berpakaian ini diikuti oleh semua yang bertanggungjawab. Satu perkara lagi yang telah disentuh berkenaan dengan penceritaan. Walaupun ada di antara dalam ceritanya atau dalam dramanya salah seorang gadis yang memakai pakaian yang tidak menutup aurat mungkin dalam cerita itu juga diadakan babak-babak yang lain, ibu bapanya menegur yang pakaiannya itu tidak betul dan tidak benar walaupun apa yang dipakai dalam itu untuk menunjukkan ini baik, dan yang ini tidak baik. Saya rasa itu saya sangat menyokong dan bolehlah kita cadangkan dan saya amat menyokong pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Memang begitulah saya rasa akhirnya penyelesaian kepada apa yang dipamerkan. Dulu penulisan, mungkin kalau dulu ada drama TV pun saya rasa ia lebih banyak membawa apa yang disebut dalam istilah sasteranya *tendencies*, ertinya tujuan-tujuan tertentu yang tersembunyi dalam karya-karya yang seumpama itu. Misalnya ada di antara kita di sini mungkin barangkali tidak sempat hendak membaca buku-buku roman Indonesia, *Salah Asuhan* dan sebagainya. Ini semua cerita-cerita yang akhirnya seperti kata Datuk Dr. Jins Shamsudin tadi mempunyai tujuan-tujuan dakwah yang tertentu.

Jadi, kita sebenarnya tidak dapat melarikan diri daripada hal ini. Tetapi asalkan penyelesaiannya itu cukup sesuai. Tidak sesuai saya rasa kalau misalnya satu jenayah - satu pencurian yang diakhiri dengan terlepasnya orang yang berkenaan.

Tapi walau bagaimana kejam sekalipun satu-satu jenayah dilakukan, tapi oleh kerana kebijaksanaan polis dan sebagainya, penjenayah dapat ditangkap dihukum. Itulah satu penyelesaian tetapi gambaran orang tentang jenayah itu dilakukan mungkin barangkali berlebihan ataupun memadai dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ismail Kasim: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato'. Peranan media ini Dato', terlalu besar sebenarnya dalam kehidupan. Kalau sekiranya berlaku rampasan kuasa pada sesebuah negara, selain daripada lapangan terbang dan yang menjadi sasaran utama, dia. Pusat televisyen ataupun radio ini merupakan tempat keselamatan yang kedua menjadi sasaran mereka dan soal-soal undang-undang baru yang mahu mencari mangsa terbaru. Tapi memandangkan pengaruh dan kuasa yang begitu besar, saya ingin menarik perhatian Dato'. Kadang-kadang benda yang dipaparkan ini kurang bersesuaian dan boleh menyebabkan berlaku perpecahan yang tidak sengaja terutamanya kalau kita lihat pada satu cerita siri televisyen yang disiarkan di TV3 iaitu "Datin Diari" yang merupakan drama bersiri.

Saya lihat siri itu yang memaparkan keburukan kehidupan Datuk-datuk ini. Seolah-olah berada dalam keadaan yang cukup buruk kerana perangai-perangai wanita ini, dia meletakkan

pertimbangan emosi di hadapan daripada pertimbangan keadaan sebenar. Kadang-kadang kerana tengok drama itu pun boleh berlaku pergaduhan dan pertelingkahan yang menyebabkan berlaku pergolakan rumah tangga dengan tak tentu fasal hasil daripada pengaruh media yang masuk dalam fikiran mereka. Jadi saya rasa benda-benda yang macam ini kena ada tapisan walaupun niat asal mungkin produser nak keluarkan, nak membagi ciri-ciri pengajaran deduktif dalam drama berkenaan. Tapi kesan negatifnya lebih banyak daripada kesan positif. Jadi apa pandangan Dato' berhubung perkara ini?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya pun ikut juga siri ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Datin Diari?

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Kepada saya, tujuan untuk memburukkan Datuk-datuk ini ada tapi tidaklah terlonjak sangat. Tapi tujuan untuk memburuk-burukkan poligami itu yang nampak jelas. Ertinya isteri tua sama sekali tidak boleh terima isteri muda. Dia perginya ke rumah isteri muda dan bermacam-macam kata makian dan sebagainya. Mungkin barangkali gambaran dan perlakuan atau corak lakonan itu keterlaluan mungkin barangkali. Tapi saya rasa ini telah pun disaring. Kalau mengikut kenyataan-kenyataan daripada kementerian bahawa perkara ini telah pun disaring dan saya rasa apa yang kita tengok itu ertinya yang terlepas dari saringan. Itu yang terlepas, kalau yang tak terlepas itu macam rupa kita pun tak tahulah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga cukup setuju dengan Yang Berhormat mengatakan bahawa alat penyiaran ini mudahnya TV lah, ia satu alat negara yang sangat penting. Jadi sebab itu, kita suka mengingatkanlah RTM1, RTM2, RTM3 lupakanlah sahaja niat untuk berlumba-lumba dengan stesen swasta dalam mengumpulkan seberapa ramai penonton-penonton yang tertentu. Sebab mereka sebenarnya mempunyai tugas yang tertentu sebagai alat negara. Kalau tujuan mereka mahu berlumba, bertanding dengan stesen-stesen TV swasta, mungkin Forum Perdana tidak ada siapa pun yang mahu menyiarkannya. Bicara Mufti walaupun tengah malam, tak ada stesen mana pun. Kalau dihitung barangkali tak sampai 10,000 pun orang yang menonton Bicara Mufti tengah malam.

Tapi kalau stesen lain tidak sanggup menyiarkan program-program yang sangat baik seumpama ini, dan RTM1, RTM2 dan RTM3 tidak bersedia untuk menyiarkannya, maka siapa lagi yang hendak kita harapkan sebagai alat negara? Jadi sebab itu saya rasa nasihat kita adalah baik kalau pemimpin-pemimpin terutama sekali Menteri Penerangan kita, lupakanlah sahaja niat nak bertanding ini. Berilah peluang sebaik-baiknya memperbaiki mutu siaran. Insyallah saya rasa penonton-penonton di negara kita, kerana pendidikan yang kita berikan kepada mereka bertambah bijak dapat dengan sendirinya menilai mutu siaran yang disediakan oleh RTM1, 2 dan 3 Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Tuanku ada juga menyebut berhubung dengan industri halal ini. Saya cuma nak sebut satu perkara nak mencadangkan oleh kerana perkembangan yang

begitu pesat dan industri halal ini bukan sahaja terbatas kepada negara kita dan mungkin lebih luas lagi, tambah-tambah pula negara kita merupakan sebuah negara yang berpengaruh di atas negara-negara Islam yang lain. Maka saya rasa eloklah diberi pertimbangan supaya pemberian lesen atau hal-hal yang ada hubungannya dengan penjenamaan halal atau pemberian lesen halal ini kita pindahkan daripada JAKIM kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Ini kerana saya rasa industri halal ini lebih banyak menumpukan perhatian kepada hal-hal yang ada hubungannya dengan perdagangan, daripada hal yang ada hubungannya dengan halal haram sahaja.

Kalau dipindahkan kementerian ini untuk keperluan pakar dan sebagainya, kita boleh bila-bila sahaja mendapat khidmat daripada anak-anak negeri kita yang berkelulusan tinggi dalam berbagai-bagai bidang syariah dan sebagainya. Saya rasa lebih tepat dan lebih kena kalau kita pindahkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, masalah industri halal ini Tuan Yang di-Pertua. JAKIM sebenarnya dengan perkembangan-perkembangan negara kita yang bertambah pesat ini mempunyai tugas-tugas yang lebih banyak. Masalah perundangan Islam, penyelarasan, masalah fatwa-fatwa dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka beranjak kepada satu perkara lagi yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ada satu perkara yang amat menarik di sini. Paduka Baginda mengharapkan kita rakyat pandai menguruskan keterbukaan. Dulu saya masih ingat kita pernah berbincang di Dewan ini mengenai keterbukaan. Satu perkara kita akui bahawa keterbukaan ini satu daripada ciri-ciri demokrasi yang baik. Bukan dahulu tidak ada. Selama negara kita mencapai kemerdekaan 50 tahun, bukan dahulu tidak ada keterbukaan. Bezanya sekarang Tuan Yang di-Pertua, wujudnya keterbukaan itu lebih jelas dan kita merasakan satu sifat keterbukaan ini menyeluruh kerana pemimpin-pemimpin atasan, alhamdulillah, sanggup mendengar apa yang diluahkan, apa yang disebut oleh orang di bawah.

Pemimpin-pemimpin bawahan, rakyat bawahan pula, alhamdulillah, berani mengemukakan pandangan-pandangan dia. Kita dapat satu suasana yang sangat baik. Tetapi bila Duli Yang Maha Mulia Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan pandai-pandailah kita menguruskan keterbukaan. Ini menyedarkan kita bahawa ada pihak-pihak yang tertentu bila menikmati nikmat keterbukaan ini, rahmat keterbukaan ini, lupa. Di dalam keadaan lupa itu dia berjalan dan dalam perjalanannya tangannya agak terbuka, sikapnya menyigung orang Tuan Yang di-Pertua. Ini yang saya nampak.

Kalau kita duduk dalam keadaan yang baik, hormat-menghormati dalam negara kita yang pelbagai bangsa dan agama ini, saya rasa tidak ada masalah untuk kita menerima wujudnya sebuah badan yang dikatakan majlis *interface*, majlis pelbagai agama. Tetapi ada orang mengatakan bahawa untuk negara kita sekarang belum sampai masanya, bukan tidak bagus tetapi belum sampai masanya. Kita baru sahaja menikmati keterbukaan dan ada tanda-tanda yang jelas bahawa ada sesetengah pihak telah menggunakan keterbukaan ini dengan cara yang

salah guna. Inilah yang saya rasa tidak patut kita gagalkan ataupun kita balikkan semula keadaan ini kepada satu masa dahulu di mana kita sangat ingin kepada keterbukaan di keliling kita.

Tetapi apabila telah diberikan kepada kita nikmat keterbukaan ini, kita salah guna. Ini barangkali patut diamati terutama sekali oleh orang yang mengendalikan media massa misalnya surat khabar, TV dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua, termasuklah juga apa yang disebut *blog* ataupun *internet* sekarang. Ini pun satu masalah sehingga kita merasakan bahawa sudah sampai masanya kita mendaftarkan *bloggers-bloggers* ini supaya kita membuat satu peraturan yang tertentu supaya keterbukaan ini tidak disalahgunakan, Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengakhiri Titah ulungnya dengan menyentuh perkara yang paling penting iaitu perpaduan. Titah Baginda ialah perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara yang kita cinta ini akan berpecah-belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian. Segala usaha dan kemakmuran yang telah kita bina bersama akan hancur musnah dan sia-sia.

Ini diperkuatkan lagi dengan Titah Ucapan Baginda pada hari pertabalan. Saya baca Tuan Yang di-Pertua,

“Beta percaya tunggak kejayaan kita adalah hasil perpaduan yang sentiasa kita pupuk dan pelihara selama ini. Beta akui bukanlah mudah untuk rakyat berbilang bangsa mendiami sebuah negara dalam keadaan aman, rukun dan damai. Lihat sahajalah di keliling kita. Tidak ramai yang berjaya malahan lebih ramai yang gagal melakukannya. Namun, kita telah membuktikan bahawa kepelbagaian bangsa, agama dan budaya masyarakat Malaysia bukanlah satu halangan atau masalah sebaliknya ia adalah satu keunikan yang membina kekuatan negara. Bahawasanya Beta suka untuk berpesan peliharalah perpaduan yang tidak ternilai ini dengan sebaik-baiknya. Adat hidup bersama menuntut kita untuk saling memahami, hormat-menghormati dan sentiasa bertoleransi. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.”

Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi ada menyebut pendapat Malik Nabi. Selepas kita merdeka, kita janganlah menyediakan sebab untuk memberi peluang kita dijajah balik. Dalam negara yang berbilang bangsa ini untuk menyediakan peluang, untuk dijajah semula, saya rasa bukanlah payah. Orang ini cocok sedikit, orang ini cucuk sedikit, timbul rasa tidak puas hati, timbul rasa iri hati, bangsa ini rasa kurang, bangsa ini berasa mereka tidak dilayan dengan baik dan hal-hal ini menimbulkan kekacauan. Kekacauan yang berlaku di dalam bangunan-bangunan yang begitu indah dalam Dewan yang begitu baik. Antara orang yang kita

nampak setiap hari apabila berjumpa tersenyum, tetapi di dalam hati mengandungi rasa geram, benci dan sebagainya Tuan Yang di-Pertua.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya dapati sekarang Tuan Yang di-Pertua minat rakyat berkumpul atau perseorangan untuk memerhati persidangan Dewan kita ini bertambah. Ini masa saya bercakap ini dia tidak ada, mujur juga dia tidak ada. Saya mencadangkan untuk diberi sesuatu kepada pelawat ini. Saya tidak tahu adakah pelawat yang datang ramai-ramai dengan bas ini sebelum masuk ke dalam Dewan kita ini selain daripada dijamu, diberi taklimat kepada dia. Tetapi kalau mereka tidak dijamu, tidak mengapa juga kerana mereka tidak lama duduk di sini. Kalau mereka tidak diberi taklimat pun tidak mengapa.

Tetapi boleh atau tidak Tuan Yang di-Pertua saya cadangkan supaya sebuah buku yang tidak tebal, yang menceritakan dengan ringkas tentang Dewan Rakyat dan Dewan Negara iaitu tempat membuat undang-undang tertinggi dalam negara kita ini kita sediakan dan buku ini kita jadikan cenderamata kepada pelawat-pelawat ke Dewan kita ini. Saya ingat belanjanya tidak banyak, paling-paling tidak rakyat yang datang melihat kita berkelahi di sini Tuan Yang di-Pertua, merasakan bahawa Alhamdulillahlah sebagai satu kenangan dapatlah dibawa balik sesuatu. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menyokong usul yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok. Terima kasih. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya minta Yang Berhormat Tuan Maijol bin Mahap untuk berucap.

5.27 ptg.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih kerana diberi peluang untuk turut serta membahaskan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang Baginda telah sebutkan dalam Titahnya ialah soal perpaduan. Seperti mana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya yang lain, saya amat menjunjung Titah Baginda dan menyatakan bahawa perpaduan rakyat adalah kunci kejayaan negara dan masyarakat. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara yang kita cintai ini akan berpecah belah akhirnya binasa dengan hasutan.

Segala usaha dan kemakmuran yang telah kita bina bersama akan hancur musnah dan sia-sia. Tuan Yang di-Pertua, negara Fiji, Sri Lanka, Selatan Thai, Selatan Filipina, Aceh, Rwanda dan Bosnia merupakan antara negara yang sering menjadi tarikan komuniti global apabila membincangkan tentang isu konflik dan hubungan pelbagai etnik. Tanah air kita sudah hampir 50 tahun merdeka dan bebas daripada cengkaman komunisme tetapi isu hubungan etnik masih dianggap sebagai isu tabu dalam masyarakat.

Walaupun realitinya kita berhadapan dengan senario ini pada setiap hari, namun andaiannya ialah ia adalah satu isu sensitif dan tidak harus diperkatakan secara terbuka. Konflik

perkauman atau hubungan antara etnik yang boleh disebabkan oleh beberapa dimensi yang dikenal pasti sebagai punca yang boleh mengganggu-gugat hubungan yang telah dibina pada sekian lama. Sehingga hari ini kebanyakan negara mahu menjadikan Malaysia sebagai model negara yang dilihat berjaya mempertahankan hubungan pelbagai etnik sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 walaupun tidak dapat dinafikan bahawa Malaysia juga mempunyai pasang surutnya dalam menangani kemelut konflik hubungan. Iltizam yang berterusan oleh pihak kerajaan di samping disokong pihak masyarakat merupakan gandingan perkongsian bijak merupakan formula utama mewujudkan masyarakat Malaysia yang bersatu dan maju.

Dengan kedudukan politik secara relatifnya kuat dan stabil, kerajaan telah beriltizam merancang dan melaksanakan pelan tindakan mengukuhkan perhubungan antara etnik ke arah mewujudkan perpaduan. Dasar Pendidikan Kebangsaan secara jelas adalah mengarah pada landasan yang tepat demi mewujudkan masyarakat yang harmonis. Ini adalah kerana asas yang dijadikan landasan dasar dalam orientasi dan falsafah pendidikan negara yang menggunakan acuan tempatan contohnya bahasa pengantar, sukatan mata pelajaran dan kurikulum. Selain itu kekuasaan politik juga boleh membuat kepada perancangan untuk memperbetulkan jurang ekonomi antara etnik.

Ini adalah kerana jurang ekonomi antara etnik masih lagi belum ditangani secara efektif. Bermula dengan Dasar Ekonomi Baru dengan objektif serampang dua mata diikuti dengan Dasar Pembangunan Nasional dan kini negara ini di era pembangunan wawasan. Hingga kini, usaha dan tindakan yang dijalankan oleh pihak kerajaan telah sedikit sebanyak berupaya mengurangkan jurang tersebut. Walau bagaimanapun, matlamat yang disasarkan menjelang tahun 2020 masih lagi jauh. Justeru, komitmen semua pihak yang tidak berbelah bagi boleh mempercepatkan pencapaiannya. Perpaduan politik juga terus menjadi agenda utama kerajaan. Salah satu kaedah yang sering dipraktikkan dalam spektrum politik ialah *consensus* atau persetujuan di mana pemerintah mendapat kuasanya dengan persetujuan rakyat melalui pilihan raya bebas. Pemimpin parti yang memerintah mengamalkan semangat perundingan memastikan penyertaan bersama dalam proses tadbir urus negara. Formula ini dikerapkan dalam Barisan Nasional dan telah menyatukan pelbagai kumpulan etnik dengan pelbagai perbezaan dengan semangat musyawarah.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya tahu berapa lama masa Yang Berhormat perlukan untuk menamatkan?

Tuan Majid bin Mahap: Lebih kurang 20 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: 20 minit? Kalau 20 minit mungkin saya terpaksa tangguhkan Dewan supaya Yang Berhormat dapat sambung pada hari Isnin. Kalau Yang Berhormat boleh menghabiskan sebelum 5.45 petang mungkin saya boleh membenarkan kerana

kuasa Tuan Yang di-Pertua cuma boleh melanjutkan masa tidak melebihi 15 minit. Saya beri pilihan kepada Yang Berhormat.

Tuan Majid bin Mahap: Saya sambung pada hari Isnin.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi hari Isnin.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.